

**KESAN AGIHAN ZAKAT TERHADAP TAHAP KEAGAMAAN
DALAM KALANGAN MUALAF ORANG ASAL DI PAHANG**

SAMIAH BINTI ISMAIL

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**KESAN AGIHAN ZAKAT TERHADAP TAHAP
KEAGAMAAN DALAM KALANGAN MUALAF ORANG
ASAL DI PAHANG**

SAMIHAH BINTI ISMAIL

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

KESAN AGIHAN ZAKAT TERHADAP TAHAP KEAGAMAAN DALAM KALANGAN MUALAF ORANG ASAL DI PAHANG

ABSTRAK

Menurut al-Quran, mualaf merupakan salah satu asnaf yang layak menerima zakat. Objektif agihan zakat kepada mualaf adalah untuk meningkatkan keimanan atau menjinakkan hati mereka. Kajian ini membincangkan konsep mualaf dan konsep agihan zakat terhadap mualaf menurut perspektif Islam. Kajian ini juga menghurai bentuk agihan zakat terhadap mualaf Orang Asal di negeri Pahang. Selain itu, kajian ini turut mengkaji kesan agihan zakat terhadap tahap keagamaan mualaf Orang Asal di Pahang. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan metode temu bual bagi tujuan mengumpul data kajian. Data temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa telah ada bantuan zakat bagi meningkatkan keimanan mualaf Orang Asal melalui penganjuran kelas bimbingan Kelas Bridged Dakwah (KBD). Namun begitu, mualaf masih kurang beragama dari aspek akidah, syariah dan akhlak. Ini menunjukkan pelaksanaan KBD sebagai platform meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan pengamalan mualaf dari aspek akidah, syariah dan akhlak kurang berkesan. Oleh yang demikian, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) perlu memperbaiki kekurangan dan kelemahan dalam pengurusan KBD supaya tujuan agihan zakat terhadap asnaf mualaf dapat dicapai.

KESAN AGIHAN ZAKAT TERHADAP TAHAP KEAGAMAAN DALAM KALANGAN MUALAF ORANG ASAL DI PAHANG

ABSTRACT

According to the Quran, converts are one of the groups who are eligible to receive the zakat. The objective of the distribution of the zakat to the converts is to increase their Islamic faith or to domesticate their hearts. This study discusses the concept of the converts and the concept of zakat distribution to them according to Islamic perspectives. This study also describes the format of zakat distribution to the indigenous converts in the state of Pahang. Apart from that, this study also analyzes the effects of zakat distribution towards the level of Islam of the indigenous converts in Pahang. This study utilizes library research and interviews for gathering data. Data from interviews were analyzed using thematic analysis technique. Results show that zakat distribution, for the purpose of increasing the Islamic faith of the indigenous converts through Kelas Bridged Dakwah (KBD), already existed. Nevertheless, it is found that the converts are still lacking in the aspects of faith, jurisprudence and morals. This shows that the implementation of KBD as a platform to increase Islamic knowledge, understanding and practices in the aspects of faith, jurisprudence and morals is not fully effective. Therefore, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) has to improve the weaknesses and any shortage in the management of KBD so that the purpose of zakat distribution to the converts can be achieved.

PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين و الصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين اما بعد

Alhamdulillah, selaut kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya, kajian ini berjaya disempurnakan dengan baik bagi memperoleh Ijazah Sarjana Syariah. Maha Suci Allah, perjalanan kehidupan selaku *ṭālibul ‘ilm* bukan hanya menambah pengetahuan tetapi turut meningkatkan rasa kehambaan di atas kefakiran ilmu yang dimiliki. Cabaran dan rintangan yang muncul sepanjang perjalanan menyiapkan kajian ini adalah harga yang perlu dibayar untuk sebuah kejayaan. Segala masalah yang berlaku dapat ditangani dengan belas ihsan pertolongan daripada Allah Taala dan bantuan pelbagai pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr Luqman Hj Abdullah dan Dr Nor Aini Ali selaku penyelia kerana sudi meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan, berkongsi idea, membetulkan kesalahan dan mencurahkan motivasi sepanjang kajian ini dijalankan. Segala ilmu yang dicurahkan sangat membantu pengkaji bermula daripada proses merangka kajian sehingga kesimpulan kajian. Pengkaji bersyukur kerana Allah menghadihkan dua insan yang berjasa di sebalik kejayaan kajian ini. Dedikasi ini juga dituju buat semua kakitangan dan pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang terlibat dalam membantu pengkaji menyiapkan kajian ini.

Pengkaji merakamkan lestari budi kasih dan huluran penghargaan teristimewa buat suami tercinta, Mohd Sharul Malek di atas segala pengorbanan, kesabaran dan dorongan beliau yang sentiasa mengiringi pengkaji dalam menghadapi liku-liku dan cabaran sepanjang tempoh menyiapkan kajian. Tidak dilupakan juga, hampanan penghargaan buat abah, Ismail Zakaria dan Malek Othman serta mak, Zainab Yacob dan Rohayah Kanchil yang banyak membantu dan memberi sokongan motivasi kepada

pengkaj. Kajian ini berjaya disiapkan hasil keberkatan doa yang dipanjatkan oleh mereka yang teristimewa dalam hidup pengkaji.

Ucapan terima kasih juga ditujukan buat adik-beradik dan sahabat-sahabat yang sudi menghulurkan bantuan pada setiap ketika. Seterusnya, ucapan terima kasih kepada kakitangan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) terutama Ustaz Hilmi Firdaus Idris yang sudi memberi kerjasama dan banyak membantu mendapatkan bahan kajian yang pengkaji perlukan.

Semoga Allah membalas kebaikan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan sebaik-baik pembalasan. Akhir kata, pengkaji berharap agar sumbangan hasil kajian ini dapat memberi manfaat terhadap semua pihak yang memerlukan. Sirū ‘alā barakatillah.

Samihah Ismail
No 553 Felda Purun,
28200 Bandar Bera,
Pahang.

16 Nov 2017

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI STATUT	xv
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI KEPENDEKAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
JADUAL TRANSLITERASI	xix
BAB SATU: PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN	1
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN	2
1.4 PERSOALAN KAJIAN	7
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.6 DEFINISI TAJUK	8
1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN	9
1.8 KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.9 ULASAN KAJIAN LEPAS	10
1.9.1 Konsep Mualaf dalam Islam	10
1.9.2 Agihan Zakat Terhadap Asnaf Mualaf	12
1.10 METODOLOGI KAJIAN	18
1.10.1 Reka Bentuk Kajian	18
1.10.2 Populasi dan Sampel Kajian	18

1.10.3 Kaedah Pengumpulan Data	20
1.10.4 Kaedah Analisis Data	21
1.11 KESIMPULAN	22
BAB DUA: AGIHAN ZAKAT TERHADAP MUALAF MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	23
2.1 PENGENALAN	23
2.2 KONSEP MUALAF	23
2.2.1 Definisi Muafaf Menurut Bahasa	23
2.2.2 Muafaf Menurut Perspektif Islam	24
2.3 PENSYARIATAN AGIHAN ZAKAT	36
2.3.1 Pensyariatan Agihan Zakat dalam Islam	36
2.3.2 Agihan Zakat Terhadap Asnaf Muafaf	39
2.3.3 Kedudukan Muafaf Sebagai Asnaf Zakat Selepas Kewafatan Nabi	42
2.4 KAEDAH AGIHAN ZAKAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	46
2.4.1 Konsep Agihan Zakat Terhadap Muafaf	46
2.4.2 <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> dalam Agihan Zakat Terhadap Muafaf	47
2.5 KESIMPULAN	50
BAB TIGA: AGIHAN ZAKAT TERHADAP MUALAF ORANG ASAL DI NEGERI PAHANG	51
3.1 PENGENALAN	51
3.2 LATAR BELAKANG MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)	51
3.2.1 Sejarah Penubuhan MUIP	51
3.2.2 Struktur Organisasi Pentadbiran	53
3.3 ORANG ASAL DI NEGERI PAHANG	54
3.3.1 Sejarah Orang Asal	54

3.3.2 Kaum dan Suku Orang Asal	55
3.3.3 Kepercayaan dan Agama Orang Asal	63
3.3.4 Statistik Orang Asal Mengikut Daerah	68
3.4 MUALAF ORANG ASAL DI NEGERI PAHANG	70
3.4.1 Statistik Mualaf Orang Asal Mengikut Daerah	70
3.4.2 Faktor Memeluk Islam	73
3.4.3 Kriteria Asnaf Mualaf	75
3.4.5 Prosedur Pengislaman	76
3.4.5 Tempoh Gelaran Mualaf	78
3.5 BENTUK AGIHAN ZAKAT TERHADAP MUALAF	79
3.5.1 Objektif Agihan Zakat	80
3.5.2 Bantuan Sara Diri	80
3.5.3 Bantuan Produktif Nilai Keagamaan	82
3.5.4 Bantuan Am	92
3.6 KESIMPULAN	94
BAB EMPAT: KESAN AGIHAN ZAKAT TERHADAP TAHAP KEAGAMAAN MUALAF	95
4.1 PENGENALAN	95
4.2 KESAN KBD TERHADAP TAHAP KEAGAMAAN MUALAF	96
4.2.1 Demografi Informan	96
4.2.2 Penyertaan Kelas Bridged Dakwah (KBD)	98
4.2.3 Kesan KBD Terhadap Tahap Keagamaan Dari Aspek Akidah, Syariah dan Akhlak	101
4.3 SEBAB-SEBAB YANG MEMPENGARUHI TAHAP KEAGAMAAN MUALAF	125
4.4 KESIMPULAN	132
BAB LIMA: PENUTUP	133

5.1	PENGENALAN	133
5.2	DAPATAN KAJIAN	133
5.2.1	Konsep Mualaf Menurut Islam	133
5.2.2	Konsep Agihan Zakat Terhadap Asnaf Mualaf	135
5.2.3	Bentuk Agihan Terhadap Asnaf Mualaf di Negeri Pahang	136
5.2.4	Kesan Agihan Zakat Terhadap Aspek Akidah, Syariah dan Akhlak	138
5.3	SARANAN KAJIAN	140
5.3.1	Saranan kepada Pihak MUIP	140
5.3.2	Saranan kepada Asnaf Mualaf	143
5.4	CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	144
5.5	KESIMPULAN	145
	BIBLIOGRAFI	146
	TEMU BUAL	153
	LAMPIRAN	154

SENARAI STATUT

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993.

Enakmen 3 Tahun 1991 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1991.

Enakmen 3 Tahun 2005 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, 2005.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu).

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Pahang.

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992.

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (No.5/ 2008).

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005.

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Ciri-Ciri Mualaf Mengikut Mazhab	34
Jadual 3.1	Carta Organisasi Pentadbiran MUIP	55
Jadual 3.2	Jenis Kaum Orang Asal di Malaysia	57
Jadual 3.3	Jenis Suku Orang Asal Mengikut Kaum	61
Jadual 3.4	Statistik Orang Asal di Negeri Pahang Tahun 2015	71
Jadual 3.5	Statistik Mualaf Orang Asal Mengikut Daerah	73
Jadual 4.1	Maklumat Informan	98
Jadual 4.2	Kekerapan Menghadiri Kelas Bridged Dakwah (KBD)	100
Jadual 4.3	Tahap Kepercayaan Terhadap Allah	103
Jadual 4.4	Kebolehan Mengucap Dua Kalimah Syahadah	108
Jadual 4.5	Kebolehan Membaca Iqra'	112
Jadual 4.6	Kebolehan Membaca al-Fatihah	113
Jadual 4.7	Pengamalan Berdoa	124

SENARAI KEPENDEKAN

%	Peratus
et al.,	Empat orang penulis atau lebih
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
KBD	Kelas Bridged Dakwah
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
NGO	<i>Non-Governmental Organisation</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PETAMA	Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli
PKZP	Pusat Kutipan Zakat Pahang
SAW	Ṣallallahu ‘alayhi wasallam
Sh	Sheikh
t.p	tanpa penerbit
t.t	tanpa tarikh
t.tp	tanpa tempat terbitan

SENARAI LAMPIRAN

Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Kampung Orang Asal

Soalan Temu Bual Bersama Kakitangan MUIP Pusat dan cawangan

Soalan Temu Bual Bersama Muafaf Orang Asal

University of Malaya

JADUAL TRANSLITERASI

Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ا, ء	a, ʾ	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	ʿ	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h, t
ر	r	ف	f		

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
ا	a	آ	ā
ي	i	ي	ī
و	u	و	ū

Diftong

Diftong	Transliterasi
او	aw
اي	ay
اوو	uww
ايي	iy, i

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan pengenalan awal perjalanan kajian yang ingin dijalankan. Kajian ini dimulakan dengan penceritaan permasalahan yang berlaku hingga memerlukan kepada kajian secara terperinci. Rentetan daripada masalah tersebut, timbul beberapa persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini. Hasil daripada permasalahan dan persoalan kajian, pengkaji menggariskan beberapa objektif yang perlu dicapai mengikut bab yang telah dibahagikan. Oleh kerana bidang kajian agihan zakat sangat luas, pengkaji telah mengecilkan skop kajian dengan melibatkan satu asnaf dan satu daerah dalam satu negeri. Kajian ini perlu dilakukan kerana memberi manfaat kepada beberapa institusi atau organisasi kerana belum ada kajian yang sama sepertimana kajian ini menerusi pemerhatian dalam ulasan kajian lepas.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga selepas mengucapkan dua kalimah syahadah dan menunaikan solat. Kewajipan mengeluarkan zakat bermula pada tahun kedua selepas hijrah dalam bulan Ramadan berdasarkan khutbah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada umat Islam.¹ Kefardhuan zakat boleh dilihat menerusi firman Allah:

حُدِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةٌ تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ
Al-Taubah 9:103

Terjemahan: Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

¹ Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Kārahī al-Damshiqī, *Al-Sīrah al-Nabawīyyah Min al-Bidāyah wa al-Nihāyah li Ibn Kathīr* (Bayrut: Dār al-Ma'rifah, t.t), 125.

Kutipan zakat berkaitan rapat dengan agihan zakat. Zakat diagihkan khusus kepada golongan tertentu yang telah disebut secara jelas dalam al-Quran.

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ
Al-Taubah 9:60

Terjemahan: Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya, untuk memerdekakan hamba, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Lapan golongan ini dikenali sebagai asnaf zakat. Mereka ialah *faqīr*, *miskīn*, *‘āmil*, *mu’allafah qulūbuhum*, *al-riqāb*, *al-ghārimīn*, *fi sabilillah* dan *ibn sabīl*. *Mu’allafah qulūbuhum* atau disebut mualaf adalah salah satu kelompok yang layak menerima zakat. Mualaf diertikan sebagai kelompok yang dilembutkan hati untuk menerima Islam atau menguatkan Islam dalam hati mereka. Agihan zakat kepada mualaf bertujuan menarik mereka untuk memeluk Islam ataupun meningkatkan keimanan bagi mereka yang telah memeluk Islam. Bagi merealisasi tujuan utama agihan zakat, apakah bentuk-bentuk agihan yang telah disediakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan bagaimana kesan bantuan dalam meningkatkan kualiti hidup mualaf? Ini kerana belum ada kajian yang menemui mekanisme khusus dalam meningkatkan nilai keagamaan mualaf berdasarkan realiti semasa.² Justeru, kajian ini membincangkan mekanisme agihan zakat di Pahang dan kesannya terhadap nilai keagamaan terhadap mualaf Orang Asal.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Di negeri Pahang, zakat berada di bawah penguasaan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Urusan kutipan zakat telah dikorporatkan di bawah

² Rahisam Ramli, “Mekanisma Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa” (Proceedings of World Universities’ Islamic Philanthropy Conference, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Menara Bank Islam, Kuala Lumpur, Disember 2013), 1.

syarikat sendirian berhad dengan nama Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP). Namun, urusan agihan masih di bawah pengurusan MUIP sepenuhnya. Pada tahun 2015, agihan zakat telah mencapai RM 106,128,485 melibatkan lapan asnaf di seluruh Pahang.³ Agihan ini sesuai dengan kadar kutipan yang berjaya dicapai iaitu RM 111,286,928.70.⁴

Agihan tahunan asnaf mualaf berada pada kedudukan kelima daripada lapan asnaf. Nilai agihan yang telah diperuntukkan oleh MUIP sekitar 4.5% sehingga 6% daripada jumlah keseluruhan agihan tahunan. Nilai agihan bergantung kepada peruntukan dan permintaan melalui skim-skim bantuan yang ditawarkan. Terdapat beberapa bentuk skim yang disediakan kepada asnaf mualaf. Skim tersebut terdiri daripada bantuan sara diri, bantuan produktif terhadap nilai keagamaan dan bantuan am. Skim bantuan sara diri terdiri daripada Saguhati Memeluk Islam dan Bantuan Tahunan Hari Raya. Saguhati Memeluk Islam diberikan selepas mengucap syahadah manakala Bantuan Tahunan Hari Raya diberikan ketika bulan puasa sebagai persediaan untuk menghadapi hari raya. Bantuan ini berterusan selama tujuh tahun bermula tahun pengislaman mualaf.

Masalah yang dikenalpasti apabila mualaf yang bertaraf fakir atau miskin tidak boleh memohon bantuan kewangan bulanan disebabkan telah mendapat bantuan asnaf mualaf. Bantuan kewangan bulanan berada di bawah skim bantuan asnaf fakir atau miskin. Bantuan Tahunan Hari Raya yang berjumlah RM300 yang diterima tidak dapat menampung keperluan mualaf fakir atau miskin untuk tempoh jangka panjang lebih-lebih lagi mualaf miskin Orang Asal. Tambahan pula, ada kajian menunjukkan tahap kemiskinan masyarakat Orang Asal telah meningkat sehingga 70% berdasarkan

³ Laman Sesawang Pusat Kutipan Zakat Pahang, dikemaskini 1 April 2016, dicapai 1 April 2016, <http://www.zakatpahang.my/v3/index.php/2014-09-02-14-49-36/agihan-zakat/2015>.

⁴ Laman Sesawang Pusat Kutipan Zakat Pahang, dikemaskini 1 April 2016, dicapai 1 April 2016, <http://www.zakatpahang.my/v3/index.php/2014-09-02-14-49-36/kutipan-zakat/2015>.

isi rumah menjelang tahun 2015.⁵ Penilaian tahap kemiskinan mualaf akan dibuat selepas tamat gelaran mualaf iaitu tujuh tahun dan hasilnya, ramai mualaf yang tersenarai sebagai asnaf fakir atau miskin. Ini menunjukkan masalah kemiskinan dalam kalangan mualaf Orang Asal masih berlaku. Kemiskinan yang menimpa mualaf Orang Asal boleh menjejaskan kehidupan mereka sebagai seorang muslim sekiranya tidak dibendung.

Skim bantuan produktif terhadap nilai keagamaan menekankan aspek pendidikan agama bagi meningkatkan nilai agama dalam diri mualaf. Antara skim bantuan yang ditawarkan ialah Kelas Bimbingan Mualaf, Kelas Bridged Dakwah (KBD), Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak, Ziarah Dakwah dan Pemantapan Akidah dan Program Kebajikan. Kelas Bridged Dakwah dan Kelas Fardhu Ain Bersama Penggerak merupakan kelas bimbingan yang dikhususkan kepada mualaf Orang Asal adapun Kelas Bimbingan Mualaf melibatkan mualaf selain Orang Asal. Kelas bimbingan untuk mualaf Orang Asal dijalankan sebanyak dua kali seminggu dengan menekankan aspek akidah, bacaan Iqra' dan fardhu ain. Adapun program Ziarah Dakwah dan Pemantapan Akidah merupakan program kebajikan yang dijalankan secara tidak berkala.

Berdasarkan senarai skim di atas, didapati telah ada kelas bimbingan, program kebajikan dan aktiviti yang dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan menambahkan kefahaman dari sudut akidah, syariah dan bacaan Iqra'. Ini bermakna telah banyak dana zakat yang disalurkan bagi membiayai kelangsungan kelas, program dan aktiviti tersebut. Namun begitu, masih berlaku masalah berkaitan agama yang melibatkan mualaf Orang Asal. Masih terdapat mualaf Orang Asal yang berpegang dengan ajaran salah seperti kepercayaan animisme dan terikat dengan budaya kaum yang bertentangan dengan agama Islam. Mualaf Orang Asal percaya

⁵ Malaysia Kini, "Kadar Kemiskinan Orang Asli Jauh Lebih Tinggi Dari Angka PBB," dicapai 26 Februari 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/331755>.

bahawa roh orang yang telah mati akan berlegar-legar di sekitar kampung dan perlu diamankan segera.

Kepercayaan ini merupakan kepercayaan animisme kaum Semelai yang masih diamalkan oleh segelintir mualaf. Sekalipun mualaf Orang Asal di daerah Bera telah menjalani kehidupan yang mirip dengan cara Islam seperti berkhatan dan menggunakan kalimah Allah⁶ namun tidak dapat menghilangkan kepercayaan animisme yang menjadi pegangan teras sebelum ini. Peranan kelas bimbingan yang ada sebagai saluran meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman aspek akidah mualaf Orang Asal juga kurang berjaya menanam sepenuhnya kepercayaan kepada Allah sepertimana suruhan dalam al-Quran :

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Al-Ikhlâs 112: 1

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): “Tuhanku ialah Allah, Yang Maha Esa.”

Salah satu tradisi tidak sihat Orang Asal adalah bermain judi apabila terdapat kematian. Sehingga kini, masih terdapat mualaf Orang Asal yang mengamalkan permainan judi apabila terdapat berita kematian.⁷ Allah melarang sebarang bentuk perjudian sebagaimana disebut secara jelas dalam al-Quran.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعَةٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا
وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Al-Baqarah 2: 219

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: Pada keduanya terdapat dosa yang besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya. Dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: yang lebih dari keperluan. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu supaya kamu berfikir.

⁶ Informan C (Pegawai Hal Ehwal Islam, MUIP Cawangan Daerah Bera), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2016.

⁷ Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam Daerah Bera), dalam temu bual melalui telefon bersama pengkaji, 4 Mei 2016.

Bermain judi merupakan satu dosa menurut larangan dalam surah al-Baqarah. Selain itu, judi merupakan salah satu perbuatan syaitan menurut surah al-Maidah ayat 90. Oleh kerana itu permainan judi menjadi haram. Kelas bimbingan yang dijalankan turut menekankan aspek syariah dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P), namun masalah bermain judi dalam kalangan mualaf Orang Asal masih berlaku.

Selain itu, berlaku juga masalah perkahwinan berlainan agama dalam kalangan mualaf Orang Asal. Terdapat mualaf yang berkahwin dengan pasangan yang belum memeluk Islam. Hukum perkahwinan berlainan agama adalah haram secara jelas menurut al-Quran⁸ dan hadith.

Daripada Jābir bin ‘Abdullah

تَتْرُوحُ نِسَاءَ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا يَتْرُوجُونَ نِسَاءَنَا

Terjemahan: Kami (kaum muslimin) boleh menikahi perempuan ahli kitab, sementara mereka (ahli kitab) tidak boleh menikahi perempuan-perempuan kami (muslimah).⁹

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 juga menetapkan larangan seorang yang beragama Islam berkahwin dengan pasangan bukan Islam kecuali ahli kitab.¹⁰ Perkahwinan tidak sah akan memberi implikasi kepada banyak perkara antaranya nasab, mahram dan batasan aurat.

Masalah pengamalan kepercayaan animisme, bermain judi apabila terdapat kematian dan perkahwinan berlainan agama sedang berlaku kepada mualaf Orang Asal di daerah Bera, Pahang. Masalah ini tidak boleh dipandang enteng kerana melibatkan perihal hukum yang mempunyai balasan dosa dan pahala. Masalah pengamalan kepercayaan animisme berkait dengan akidah manakala masalah pengamalan bermain judi dan perkahwinan berlainan agama berkait dengan syariah.

Walaupun kelas bimbingan khusus terhadap Orang Asal iaitu Kelas Bridged Dakwah (KBD) dan Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak telah menekankan aspek

⁸ Surah al-Baqarah ayat 221, Surah al-Mumtahanah ayat 10.

⁹ Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī* (Miṣr: Shirkah Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1968), 2: 378.

¹⁰ Enakmen 3 Tahun 2005 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, 2005, (No 10/2005).

akidah, syariah dan bacaan Iqra' dalam sistem P&P, namun tiga masalah ini masih berlaku. Mengapakah masalah ini masih berlaku walaupun telah ditekankan dalam kelas bimbingan mualaf Orang Asal? Justeru, kajian ini ingin melihat kesan kelas bimbingan iaitu Kelas Bridged Dakwah (KBD) terhadap aspek akidah, syariah dan akhlak mualaf Orang Asal di daerah Bera, Pahang. Sekiranya KBD memberi kesan baik kepada mualaf Orang Asal dari sudut peningkatan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan sebagaimana asas tujuan agihan, maka agihan zakat kepada asnaf mualaf telah berjaya. Ini membuktikan, peruntukan jutaan ringgit dana zakat bagi melaksanakan KBD berbaloi kerana memberi impak positif terhadap asnaf mualaf dan MUIP. Adapun jika sebaliknya, agihan zakat dikira belum berjaya. Jutaan ringgit dana zakat yang diperuntukkan tidak mencapai tujuan asas agihan zakat kepada asnaf mualaf. Justeru, pembaharuan dan penambahbaikan perlu dilakukan supaya kelemahan dan kekurangan yang berlaku dapat diatasi.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji menimbulkan beberapa persoalan kajian rentetan daripada permasalahan yang telah dikemukakan. Persoalan kajian yang timbul akan dijawab dalam bab-bab yang seterusnya. Di antara persoalan utama yang akan dikaji adalah seperti berikut :

1. Siapakah yang dimaksudkan dengan golongan mualaf?
2. Bagaimanakah bentuk pengagihan zakat terhadap asnaf mualaf di Pahang?
3. Bagaimanakah kesan agihan zakat melalui program Kelas Bridged Dakwah (KBD) terhadap asnaf mualaf Orang Asal di Pahang?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Rentetan daripada permasalahan dan persoalan yang timbul, pengkaji menggariskan tiga objektif kajian yang ingin dicapai meliputi keseluruhan kajian. Antaranya :

1. Mengemukakan ciri-ciri golongan mualaf menurut pandangan ulama dan perspektif semasa.
2. Menghurai bentuk agihan zakat terhadap asnaf mualaf di Pahang.
3. Menganalisis kesan agihan zakat melalui program Kelas Bridged Dakwah (KBD) terhadap tahap keagamaan asnaf mualaf Orang Asal di Pahang.

1.6 DEFINISI TAJUK

Berikut adalah kenyataan ringkas bagi menghurai tajuk kajian yang telah dipilih.

1. Kesan: Tanda, akibat atau hasil yang menjurus kepada kebaikan atau keburukan¹¹.
2. Agihan: Membawa erti bahagian yang diperoleh hasil mengagihkan sesuatu atau apa yang diagihkan.¹²
3. Zakat: Dari sudut bahasa bermaksud setiap sesuatu yang berkat, berkembang, suci dan subur.¹³ Dari sudut istilah bermaksud bahagian-bahagian harta yang telah ditentukan dan diwajibkan oleh Allah kepada golongan yang berhak.¹⁴
4. Keagamaan: Yang berkaitan dengan agama.¹⁵
5. Mualaf: Mereka adalah golongan yang ingin dilembutkan hatinya untuk cenderung kepada Islam atau menguatkan keimanan mereka, atau golongan yang dapat dicegah daripada memudaratkan orang Islam atau mengharapkan manfaat daripada mereka untuk mempertahankan Islam atau membantu untuk memenangkan Islam dalam menghadapi musuh.¹⁶
6. Orang Asal: Mereka adalah kumpulan penduduk peribumi di Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada Senoi, Melayu-Proto dan Negrito.¹⁷ Kebanyakan komuniti Orang Asal tinggal di pinggir hutan dan pedalaman dan terdapat juga di bandar.

¹¹ Laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 4 Mei 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kesan>.

¹² Laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 24 Mac 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=agihan>.

¹³ Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh* (Bayrut, Dār al-Risālah, 1977), 1:37.

¹⁴ *Ibid.*, 37-38.

¹⁵ Laman Sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 19 Julai 2017, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=keagamaan>.

¹⁶ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:37.

¹⁷ Iskandar Carey, *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), 6.

1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian mengenai zakat telah lama dijalankan oleh para ilmuan dan sarjana. Zakat sering menjadi topik perbincangan agar sentiasa segar dan sejajar dengan keperluan semasa. Telah banyak kajian mengenai zakat yang boleh dijadikan rujukan sama ada aspek kutipan, agihan dan institusi yang terlibat. Dalam kajian ini, pengkaji hanya fokus kepada aspek pengagihan zakat terhadap asnaf mualaf. Asnaf mualaf yang ingin dikaji terdiri daripada mualaf Orang Asal di daerah Bera, Pahang. Pengkaji memilih daerah Bera sebagai lokasi kajian kerana majoriti mualaf Orang Asal berasal dari suku Semelai yang turut mengamalkan hidup cara Islam seperti berkhatan dan menggunakan kalimah Allah. Pendedahan gaya hidup berteraskan Islam seharusnya memudahkan mualaf untuk memahami dan mengamalkan ajaran Islam, namun perkara ini tidak berlaku. Ini kerana masih berlaku masalah berkaitan agama dalam kalangan mualaf. Kajian ini juga fokus terhadap aspek agihan zakat dalam bentuk bantuan produktif terhadap nilai keagamaan iaitu Kelas Bridged Dakwah (KBD). Justifikasi pengkaji memilih satu skim sahaja kerana KBD merupakan satu-satunya kelas bimbingan yang dijalankan secara berkala di daerah Bera. Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak tidak dapat dijalankan disebabkan ketiadaan tenaga Penggerak.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan melihat kesan KBD terhadap nilai keagamaan mualaf dari sudut akidah, syariah dan akhlak. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada beberapa institusi yang terlibat. MUIP Pusat dan MUIP cawangan boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan pengukuran kesan skim bantuan zakat produktif terhadap asnaf mualaf. Hal ini kerana pihak MUIP tidak pernah menjalankan kajian keberkesanan skim terhadap nilai keagamaan mualaf. Justeru, kajian ini boleh dijadikan asas kepada kajian lanjutan pihak MUIP. Kajian ini diharap dapat membantu pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) khususnya daerah Bera dalam merungkai

permasalahan yang membelenggu mualaf Orang Asal dari sudut pendidikan dan kebajikan. Ini kerana, terdapat dalam kalangan mualaf yang buta huruf menyebabkan kesukaran untuk menerima ilmu pengetahuan. Selain itu, kajian ini memberi pendedahan kepada badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjalankan aktiviti dakwah bersama Orang Asal.

Semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan membantu semua pihak dalam menambah lagi pengetahuan berkenaan ilmu zakat dan khususnya berkaitan bentuk skim agihan zakat yang telah dijalankan di Pahang. Diharap juga kajian ini dapat mengisi ruang kelompangan kajian-kajian lepas yang boleh membawa pembaharuan dalam sistem zakat di Pahang.

1.9 ULASAN KAJIAN LEPAS

Kajian berkaitan zakat telah bermula 1400 tahun yang lalu. Ulama silam telah berbincang dan berbahas mengenai zakat dalam karya mereka sebagai asas dan disiplin secara kemas dan rapi supaya mudah difahami oleh generasi akan datang. Perbincangan mengenai zakat selalunya diletakkan dalam satu bab khusus selepas bab ibadah menurut gaya penulisan ulama. Karya ini digunakan sebagai panduan asas dalam memahami realiti zakat pada masa kini. Dalam aspek agihan yang menjadi topik perbincangan, pengkaji membahagikan perbahasan kepada dua tema. Tema yang akan dibahaskan merangkumi konsep mualaf menurut Islam dan agihan zakat terhadap asnaf mualaf.

1.9.1 Konsep Mualaf dalam Islam

Konsep adalah kerangka dasar sesuatu idea yang dibentuk hasil daripada pencerapan dan pengamatan dengan mengambil nilai-nilai dan peraturan tertentu.¹⁸ Dalam perbincangan fiqh, mualaf terbahagi kepada orang Islam dan kafir. Mazhab empat

¹⁸ Hailani bin Muji Tahir, "Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa," *Jurnal Pengurusan Jawhar* 3, no. 1 (2009), 35-36.

iaitu mazhab Ḥanafī, Mālikī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī mengiktiraf orang Islam dan kafir sebagai mualaf. Namun begitu, Imam al- Shāfi'ī tidak menerima orang kafir sebagai mualaf. Mualaf menurut beliau ialah orang yang baru memeluk Islam.¹⁹ Ini menunjukkan telah berlaku perbezaan pendapat dalam menentukan definisi mualaf.

Di Malaysia, definisi mualaf perlu merujuk kepada negeri-negeri kerana tiada penyelarasan bersama. Tafsiran mualaf boleh dilihat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri atau Akta. Majoriti negeri menafsirkan mualaf sebagai mereka yang baru memeluk Islam. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri menjelaskan elemen yang perlu diambil kira untuk mengesahkan pengislaman seseorang. Terdapat beberapa negeri yang tidak memberikan tafsiran dalam enakmen antaranya Perlis, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Sabah dan Sarawak.²⁰ Akan tetapi, pengkaji mendapati telah ada tafsiran mualaf dalam enakmen atau akta bagi negeri Perlis, Wilayah Persekutuan dan Sabah yang mana sama seperti negeri-negeri lain.

Berlainan pula dengan tafsiran mualaf yang digunapakai oleh pusat zakat negeri. Terdapat dua tafsiran konsep mualaf yang merangkumi kelompok yang baru memeluk Islam dan bukan Islam. Perluasan konsep mualaf kepada bukan Islam telah dilaksanakan oleh beberapa pusat zakat negeri seperti Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan Kelantan.²¹ Ini menunjukkan, berlaku perbezaan tafsiran mualaf dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dengan pusat zakat negeri bagi Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor. Konsep mualaf dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam menjurus kepada mereka yang baru memeluk Islam sahaja manakala tafsiran pusat zakat negeri pula merangkumi mereka yang baru memeluk Islam dan bukan Islam.

¹⁹ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī, *Al-Umm* (Manṣūrah: Dār al-Wafā', 2008), 3:183.

²⁰ Azman Ab Rahman et al., "Analisis Pentafsiran Mualaf Menurut Islam dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di Malaysia," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 6 (2015).

²¹ Tutasting @ Rawi Nordin et al., "Perluasan Konsep Asnaf Mualaf Zakat di Malaysia" (Kertas kerja, The World Universities 1st Zakat Conference 2011, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Putra World Trade Center (PWTC) Kuala Lumpur, 22-24 November 2011), 10.

Penggunaan gelaran mualaf di Malaysia merujuk kepada mereka yang telah memeluk Islam. Perkataan mualaf sinonim dengan istilah saudara baru, saudara muslim dan saudara kita.²² Dari sudut penggunaan istilah mualaf, mualaf menerima gelaran itu digunakan untuk mereka kerana memberi kelebihan dan kebaikan kepada mereka. Mualaf yang tidak bersetuju berpendapat bahawa gelaran itu menjadikan mereka golongan kelas kedua berbanding muslim yang lain. Dari sudut keselesaan terhadap gelaran, mualaf lebih cenderung kepada istilah saudara muslim kerana merasa lebih dekat dengan orang Islam.²³

Kajian mengenai konsep mualaf dikupas dari aspek tafsir, hadith dan fiqh sepertimana kajian Mohd Zulkifli Ibrahim²⁴ dan Mariam Abdul Majid.²⁵ Terdapat juga kajian yang memasukkan elemen tafsiran kontemporari seperti kajian Othman Sahalan²⁶ dan Afifah Hamdan.²⁷ Kajian pengkaji juga membincangkan konsep mualaf dari aspek tafsir, hadith, fiqh dan kontemporari, namun menambah elemen definisi menurut MAIN dan tafsiran dalam enakmen serta akta.

1.9.2 Agihan Zakat Terhadap Asnaf Mualaf

Mualaf merupakan asnaf keempat yang disebut dalam al-Quran sebagai penerima zakat selepas asnaf fakir, miskin dan amil. Mereka golongan istimewa kerana dipilih oleh Allah untuk memeluk Islam. Mualaf perlu dibimbing supaya tidak terjebak dengan gejala murtad yang menjadi ancaman mualaf masa kini.²⁸ Kekurangan

²² Irwan Mohd Subri et.al., "Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 6 (2015), 112.

²³ *Ibid.*, 130.

²⁴ Mohd Zulkifli Ibrahim, "Golongan Ibn Sabil dan Muallaf Qulubuhum sebagai Penerima Zakat: Satu Kajian Pelaksanaannya di Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Terengganu" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 72-79.

²⁵ Mariam Abdul Majid, "Mualaf di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri dalam Kehidupan Islam" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 25-29.

²⁶ Othman Sahalan, "Persepsi Muallaf Terhadap Program Pembangunan Asnaf: Kajian di Johor Bahru" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 55-60.

²⁷ Afifah Hamdan, "Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Muallaf di Kuala Lumpur: Kajian dari Perspektif Maqasid al-Shari'ah" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 32-33.

²⁸ Rahisam Ramli, "Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa" (Proceedings of World Universities' Islamic Philanthropy Conference, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Menara Bank Islam, Kuala Lumpur, Disember 2013), 1.

bimbingan akan memberi kesan terhadap tahap kepercayaan kerana terdapat segelintir yang telah kembali kepada kepercayaan asal selepas beberapa bulan memeluk Islam.²⁹ Punca utama berlaku masalah murtad ialah kurang pengetahuan agama, tidak mendapat bimbingan agama secara berterusan,³⁰ persekitaran, desakan keluarga dan ingin berkahwin dengan pasangan bukan Islam.³¹ Oleh itu, pemberian zakat kepada muallaf bertujuan menguatkan Islam dalam diri mereka berbanding menyelesaikan masalah kemiskinan.³² Hal ini sejajar dengan kondisi muallaf yang bergantung harap kepada pertolongan orang Islam bagi meningkatkan keimanan mereka ekoran tahap pengetahuan dan kefahaman Islam yang masih rendah.³³

Bentuk agihan zakat yang disediakan oleh institusi zakat di Malaysia terhadap asnaf muallaf meliputi aspek sosial, pendidikan, ekonomi, kebajikan dan dakwah.³⁴ Bantuan berbentuk sokongan dan bimbingan merupakan aspek yang perlu diberi keutamaan untuk disalurkan kepada muallaf melebihi bantuan berbentuk sara diri jika diteliti dari sudut tujuan pensyariaan supaya dapat menambah dan mempertahankan keyakinan mereka terhadap kebenaran agama Islam.³⁵ Agihan berbentuk wang juga

²⁹ Zulfahmi Alwi, "Gagasan Goh Chee Kiong dalam Mengelola Muallaf di Kota Makassar" (Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013 (ICMuD 2013), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Selangor, 7-8 September 2013), 15.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad dan Azman Ab. Rahman, "Peranan Zakat dalam Mengatasi Masalah Murtad di Kalangan Muallaf di Malaysia: Satu Tinjauan Awal," *Jurnal Pengurusan Jawhar* 7, no. 2 (2013), 149-151.

³² Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail, "Persepsi Muallaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Muallaf: Kajian di Negeri Sembilan" (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat & Waqf 2015 (IMAF 2015), Kolej Universiti Islam Selangor, Bangi, 1-2 Disember 2015), 4.

³³ Fuadah Johari et al., "Zakat Distribution and Programme For Sustaining Muallaf Belief and Thought," *Jurnal Teknologi* 66, no.1(2014), 35-36.

³⁴ Azman Ab. Rahman, Ummu Salamah Ahmad dan Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, "Skim Bantuan Zakat Kepada Muallaf oleh Institusi Zakat di Malaysia: Satu Tinjauan Awal" (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat & Waqaf 2014(I-MAF), Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kuala Lumpur, 1-2 Disember 2014), 8.

³⁵ Aidit Ghazali dan Zulkifli Abd Hamid, "Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Muallaf di Selangor" (Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013), 63.

mesti bermatlamat meningkatkan kepercayaan (tauhid) dan keyakinan (iman) muallaf terhadap Islam.³⁶

Walau bagaimanapun, mekanisme khusus dalam mengenalpasti keperluan asnaf muallaf bagi meningkatkan nilai keagamaan masih belum ditemui.³⁷ Nilai keagamaan yang menjadi tumpuan kajian Rahisam Ramli³⁸ merujuk kepada tiga aspek utama iaitu kekuatan pegangan akidah, pemahaman terhadap syariat Islam dan pengamalan akhlak sebagai seorang Islam. Tiga aspek ini menjadi asas dalam kajian pengkaji bagi melihat kesan skim bantuan zakat terhadap tahap keagamaan muallaf. Terdapat juga pengkaji yang mengecilkan skop penghayatan Islam merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.³⁹ Selain itu, kurikulum pendidikan Islam kepada muallaf dalam kajian Siti Fathimatul Zahrah Yusri dan A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pow merangkumi penerapan akidah, pelaksanaan ibadah melalui pendidikan syariah dan pembangunan positif akhlak.⁴⁰ Aspek pendidikan muallaf mestilah bermatlamat ke arah pembinaan kefahaman, penghayatan akidah ibadah, akhlak dan hukum Islam.⁴¹ Aspek pendidikan yang dibuat melalui penganjuran kelas-kelas agama, ceramah dan program kerohanian akan lebih berkesan sekiranya dibuat secara praktikal berbanding secara kuliah.⁴² Aspek pendidikan secara berterusan, kemudahan perkhidmatan, program susulan

³⁶ Faudah Johari et al., "Zakat Distribution and Programme For Sustaining Muallaf Belief and Thought," *Jurnal Teknologi* 66, no.1(2014), 35.

³⁷ Rahisam Ramli, "Mekanisma Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa" (Proceedings of World Universities' Islamic Philanthropy Conference, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Menara Bank Islam, Kuala Lumpur, Disember 2013), 1.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Suhairi Kiman, "Masalah Penghayatan Islam di Kalangan Pelajar Orang Asli Daerah Bentong, Pahang" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2009), 48.

⁴⁰ Siti Fathimatul Zahrah Yusri dan A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pow, "Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf: Satu Kajian Literatur" (Kertas kerja, Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 3-4.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail, "Persepsi Muallaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Muallaf: Kajian di Negeri Sembilan" (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat & Waqf 2015 (IMAF 2015), Kolej Universiti Islam Selangor, Bangi, 1-2 Disember 2015), 6.

secara berkala dan konsisten perlu dititikberatkan oleh pihak yang terlibat⁴³ kerana kebanyakan muallaf mendapatkan pengisian mengenai agama Islam berdasarkan kursus-kursus yang dianjurkan oleh institusi zakat.⁴⁴

Bantuan produktif terhadap nilai keagamaan kepada muallaf Orang Asal perlu diberi perhatian yang lebih kerana kefahaman dan penghayatan Islam mereka masih di tahap minima,⁴⁵ lemah⁴⁶ dan masih ketinggalan dalam urusan kehidupan terutamanya wanita.⁴⁷ Kekurangan mendapatkan bimbingan pengukuhan dalam mengamalkan ajaran Islam menjadi salah satu faktor penghalang ke arah peningkatan kualiti hidup muallaf⁴⁸ sedangkan peranan zakat adalah meningkatkan kualiti hidup muallaf Orang Asal.⁴⁹ Sekiranya muallaf Orang Asal tidak menghayati ajaran Islam dengan baik, maka mereka menjadi liabiliti kelangsungan dakwah terhadap Orang Asal yang belum memeluk Islam.⁵⁰

⁴³ Aidit Ghazali dan Zulkifli Abd Hamid, "Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Muallaf di Selangor" (Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013), 63.

⁴⁴ Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail, "Persepsi Muallaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Muallaf: Kajian di Negeri Sembilan" (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat & Waqf 2015 (IMAF 2015), Kolej Universiti Islam Selangor, Bangi, 1-2 Disember 2015), 7.

⁴⁵ Abdul Ghafar Don et. al, "Signifikansi Kefahaman dan Penghayatan Islam dalam Konteks Dakwah Orang Asli Selangor" (Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013), 35.

⁴⁶ Abdul Ghafar Don, "Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam" (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidiscipline Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, 17-19 Mac 2014), 5.

⁴⁷ A'dawiyah Ismail dan Siti Rugayah Tibek, "Program Pembangunan Wanita Muallaf Orang Asli di Kampung Sentok Pos Hendrop Lojing, Gua Musang, Kelantan" (Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013), 189.

⁴⁸ Fariza Md Sham, Siti Aisyah Jami'an dan Siti Rugayah Hj. Tibek, "Faktor Peningkatan Kualiti Hidup Saudara Baru Orang Asli di Gombak Selangor" (Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013), 39.

⁴⁹ Aidil Alfin, "Zakat Sebagai Instrumen Jalinan Sosial: Kajian Pelaksanaannya di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan" (Tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012), 281.

⁵⁰ Abdul Ghafar Don et. al, "Signifikansi Kefahaman dan Penghayatan Islam dalam Konteks Dakwah Orang Asli Selangor" (Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013), 35.

Terdapat permasalahan yang diketengahkan oleh Aidit Ghazali dan Zulkifli Abdul Hamid⁵¹ berkenaan pengetahuan muallaf tentang bantuan-bantuan yang ditawarkan masih di tahap kurang memuaskan. Ini disebabkan sumber dan sistem penyampaian maklumat yang kurang berkesan oleh pihak institusi zakat. Solusi kepada masalah ini, Azman Ab Rahman, Ummu Salamah Ahmad dan Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin mencadangkan supaya Pusat Zakat dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) memperkasa kaedah penyampaian maklumat memperanankan fungsi masjid, laman sosial, universiti, sekolah dan tempat yang menjadi tumpuan orang ramai.⁵² Manakala, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader⁵³ menyetujui idea yang dicetus oleh Zayas (2003) supaya institusi zakat ditubuhkan bermula di masjid sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Othman Sahalan dan Luqman Abdullah⁵⁴ pula mencadangkan supaya menaik taraf unit yang menguruskan kebajikan dan hak-hak muallaf.

Terdapat juga kajian yang mengkaji bentuk skim bantuan berdasarkan maqasid syariah. Afifah Hamdan⁵⁵ dalam kajian beliau menekankan aspek maqasid syariah dalam agihan zakat terhadap muallaf terutama aspek *ta'rif al-qulūb*. Maqasid *ta'rif al-qulūb* merangkumi elemen mengajak manusia kepada Islam, menambah keimanan, memelihara daripada murtad, menjaga kemaslahatan umum serta menghalang kejahatan mereka. Bagi mencapai maqasid agihan iaitu *ta'rif al-qulūb*, zakat boleh disalurkan kepada usaha-usaha dakwah yang dapat menjinakkan hati muallaf terlebih

⁵¹ Aidit Ghazali dan Zulkifli Abd Hamid, "Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Muallaf di Selangor," (Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013), 60.

⁵² Azman Ab Rahman, Ummu Salamah Ahmad dan Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, "Skim Bantuan Kepada Muallaf oleh Institusi Zakat di Malaysia: Satu Tinjauan Awal", 9.

⁵³ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kadir, "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf : Kajian di Malaysia" (Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/2009, Universiti Malaya, 10-11 Febuari 2009), 12.

⁵⁴ Othman Sahalan dan Luqman Hj Abdullah, "Pengurusan Zakat Asnaf Muallaf di Negeri Johor : Satu Sorotan," Jurnal Fiqh, no. 11 (2014), 50.

⁵⁵ Afifah Hamdan, "Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Muallaf di Kuala Lumpur: Kajian Dari Perspektif Maqasid al-Syariah (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 110-111.

dahulu sebelum menjelaskan pengajaran berkaitan Islam.⁵⁶ Pendekatan maqasid syariah sebagai parameter pengukuran skim agihan zakat wajar dititikberatkan.⁵⁷ Ini kerana prinsip maqasid syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan aspek yang diperlukan dalam membentuk individu atau masyarakat mengikut acuan Islam.⁵⁸ Skop kajian Afifah Hamdan mirip kajian yang dijalankan oleh Azman Ab Rahman et. al⁵⁹ dan kajian Hairulfazli Mohammad Som, Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail⁶⁰ namun berbeza lokasi kajian.

Kajian-kajian di atas membincangkan peranan zakat terhadap mualaf, bentuk skim yang ditawarkan dan juga persepsi mualaf terhadap skim yang diberikan. Ada kajian bentuk skim bantuan yang ditawarkan secara umum atau khusus mengikut negeri. Namun pengkaji belum menjumpai mana-mana kajian yang mengkaji bentuk skim bantuan khusus di Pahang. Pengkaji juga mendapati belum ada kajian yang mengkaji kesan bantuan yang diberikan dalam meningkatkan tahap keagamaan mualaf secara mendalam. Kajian ini penting bagi menilai kejayaan bantuan yang disediakan kepada mualaf. Kejayaan skim bantuan menentukan aras keberkesanan agihan zakat kepada asnaf mualaf. Oleh itu, kajian yang ingin dijalankan ini akan mengisi kelompangan kajian-kajian lepas dalam mengkaji kesan bantuan produktif terhadap nilai keagamaan terhadap tahap keagamaan mualaf Orang Asal di Pahang. Pengkaji

⁵⁶ Mariam Abd. Majid dan Mohd Anwarulhaq Sulaiman, “ Peruntukan Zakat Suatu Manifestasi Pendekatan Dakwah al-Ta’lif Qabla Ta’rif Terhadap Mualaf: Aplikasinya di Negeri Selangor Darul Ehsan” (Kertas kerja, Seminar Muzakarah Fiqh & Fiqh Antarabangsa 2014, Concorde Inn KLIA Sepang, 3-4 Disember 2014), 7.

⁵⁷ Hairulfazli Mohammad Som, Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail, “Skim Agihan Zakat Kepada Mualaf Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang” (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat dan Waqaf (IMAF 2016) kali ke-3, Shah Alam, Selangor, 1 Disember 2016), 128.

⁵⁸ Azman Ab Rahman et. al, “Skim Agihan Zakat Kepada Mualaf Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Negeri Sembilan dan Selangor” (Kertas kerja, Seminar Muzakarah Fiqh dan Fiqh Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi, 22-23 November 2016), 181.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Hairulfazli Mohammad Som, Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail, “Skim Agihan Zakat Kepada Mualaf Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang” (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat dan Waqaf (IMAF 2016) kali ke-3, Shah Alam, Selangor, 1 Disember 2016).

mengira kajian ini sebagai pelengkap kepada kajian-kajian yang telah dijalankan penyelidik sebelum ini.

1.10 METODOLOGI KAJIAN

1.10.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam bidang penyelidikan, pemilihan reka bentuk kajian adalah berdasarkan objektif kajian. Kaedah yang ingin dijalankan secara umumnya bertujuan mendapatkan ilmu pengetahuan, mengetahui pandangan, melihat kefahaman dan pengamalan subjek kajian. Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpul data kajian. Ini lebih sesuai dengan kesediaan subjek bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan terperinci. Kaedah kualitatif banyak menggunakan kaedah interaksi dan bersemuka dengan subjek kajian dari sudut pengumpulan data dan penjaan teori.

1.10.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi mewakili seluruh kumpulan yang akan dikaji manakala sampel pula merujuk kepada sebahagian elemen yang berada dalam populasi tersebut. Pemilihan sampel yang betul dan tepat berdasarkan populasi sangat penting, maka ia perlu dilakukan dengan teliti. Ini kerana kualiti hasil kajian terutama dalam bab analisis dipengaruhi oleh dapatan maklumat yang diterima melalui informan.⁶¹

Bilangan sampel yang digunakan dalam kajian kualitatif adalah lebih kecil berbanding kajian kuantitatif. Teknik persampelan yang lebih dekat dan sesuai dengan kajian ini adalah teknik sampel bertujuan (*purposive sampling*). Pemilihan informan adalah terhadap kepada individu yang mempunyai ciri-ciri yang telah digariskan. Terdapat tiga kelompok yang menjadi subjek kajian. Pertama adalah Pegawai Hal

⁶¹ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006), 178.

Ehwal Islam yang bekerja di MUIP, kedua ialah Guru Bridged Dakwah manakala kelompok ketiga ialah asnaf mualaf Orang Asal.

Bagi kelompok pertama, seorang anggota Pegawai Hal Ehwal Islam yang bekerja di bawah Unit Dakwah dan Muallaf MUIP dan dua Pembantu Tadbir MUIP cawangan Bera akan ditemubual bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan betul. Pegawai Hal Ehwal Islam Unit Dakwah dan Muallaf dipilih kerana informan merupakan ketua yang menguruskan hal mualaf di seluruh negeri Pahang. Pembantu Tadbir MUIP cawangan Bera pula adalah kakitangan yang banyak mengurus perihal mualaf di cawangan Bera. Objektif temu bual adalah bertujuan mendapatkan maklumat terperinci berkaitan bentuk bantuan yang ditawarkan oleh MUIP kepada asnaf mualaf. Selain itu, temu bual menginginkan penjelasan corak pengagihan yang diamalkan oleh MUIP terhadap asnaf mualaf dan juga permasalahan yang dihadapi dalam menguruskan agihan tersebut.

Informan kelompok kedua ialah tenaga pengajar yang menjadi Guru Bridged Dakwah di KBD. Dua Guru Bridged Dakwah telah dipilih untuk tujuan temu bual namun hanya Guru Bridged Dakwah di KBD Kampung Bongkok sahaja yang berjaya ditemubual manakala Guru Bridged Dakwah di KBD Kampung Bukit Gemuruh tidak memberikan kerjasama yang baik. Temu bual bertujuan mendapatkan maklumat terperinci tentang kaedah P&P yang digunakan dalam KBD, penggunaan silibus dan permasalahan yang berlaku.

Informan kelompok ketiga pula terdiri daripada asnaf mualaf Orang Asal yang tinggal di sekitar daerah Bera. Pemilihan informan menggunakan kaedah persampelan bertujuan yang terdiri daripada mualaf Orang Asal yang telah memeluk Islam kurang daripada 7 tahun. Tempoh ini merupakan ketetapan had bagi gelaran mualaf yang digunapakai pihak MUIP bagi negeri Pahang. Populasi mualaf Orang Asal yang mempunyai ciri-ciri tersebut adalah seramai 134 orang. Daripada jumlah populasi

tersebut, sampel yang diambil adalah seramai 13 mualaf Orang Asal dengan pembahagian 4 orang mualaf dari Kampung Bongkok, 5 orang mualaf dari Kampung Bukit Gemuruh dan 4 orang imualaf dari Kampung Bukit Rok. Pengkaji memilih 3 kampung sahaja kerana ia mudah diakses berbanding kampung-kampung yang lain.

1.10.3 Kaedah Pengumpulan Data

1.10.3.1 Kajian Kepustakaan

i) Kaedah Dokumentasi

Kaedah dokumentasi merupakan antara kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat dua instrumen utama yang menjadi rujukan pengkaji iaitu sumber primer dan sekunder. Sumber primer ialah bahan yang diperolehi dari asalnya seperti al-Quran dan hadis manakala sumber sekunder pula menjurus kepada bahan asal yang telah diolah dan dikumpulkan seperti buku, tesis, disertasi, jurnal, artikel dan kertas prosiding seminar. Pengkaji turut menggunakan kemudahan perpustakaan elektronik yang ada. Aplikasi ini mengandungi buku-buku turath dan kontemporari hasil karya ulama. Perpustakaan elektronik mudah dirujuk kerana telah disusun secara sistematik mengikut kategori ilmu dan kumpulan mazhab. Cara ini membantu memudahkan pencarian terus kepada bab-bab tertentu tanpa mengambil masa yang lama. Antara laman yang menjadi rujukan pengkaji adalah Maktabah Shamela⁶² dan Maktabah Waqfeya.⁶³

1.10.3.2 Kajian Lapangan

i) Kaedah Temu bual

Kajian ini menggunakan kajian lapangan secara temu bual yang diertikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian.⁶⁴ Kajian ini menggunakan jenis temu bual semi-struktur yang membolehkan pengkaji menyoal

⁶² Maktabah Shamela, dicapai 13 April 2016, shamela.ws

⁶³ Maktabah Waqfeya, dicapai 13 April 2016, <http://waqfeya.com/>.

⁶⁴ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, 114.

soalan formal yang telah dibina, namun masih bebas untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam lagi.⁶⁵ Hal ini menyebabkan pengkaji merangka soalan-soalan terlebih dahulu kemudian berbincang dengan penyelia sebelum menjalankan temu bual. Pengkaji juga bersedia untuk bertanya soalan yang tidak disenaraikan namun dirasakan perlu sebagai pencerahan kepada maklumat yang telah disampaikan. Maklumat yang diterima melalui temu bual adalah sumber primer yang akan digunakan dalam bab tiga dan bab empat.

Kaedah temu bual yang dijalankan adalah temu bual bersemuka dan temu bual tidak bersemuka. Temu bual bersemuka memerlukan pengkaji berjumpa dengan informan bagi tujuan tersebut. Pengkaji menggunakan temu bual individu dengan cara menemu bual setiap informan pada masa yang berlainan.⁶⁶ Temu bual bersemuka bersama Pegawai Hal Ehwal Islam Unit Dakwah dan Muallaf dan Pembantu Tadbir MUIP cawangan Bera diadakan pada bulan Oktober 2016, temu bual Guru Bridged Dakwah pada bulan Mac 2017 manakala temu bual bersama muallaf Orang Asal diadakan pada hujung Mac hingga awal April 2017. Temu bual tidak bersemuka pula dijalankan secara temu bual telefon. Temu bual telah dijalankan pada bulan Mei 2016. Temu bual telefon dilakukan kerana terdapat maklumat yang tidak jelas yang memerlukan penjelasan daripada informan.

1.10.4 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data bergantung kepada data yang telah dikumpul iaitu data primer dan data sekunder.

i) Analisis Data Primer

Data primer iaitu dapatan temu bual menggunakan kaedah analisis tematik. Terdapat beberapa proses yang perlu dibuat secara tertib sebelum melakukan analisis. Data yang diterima semasa temu bual akan dikumpul bagi tujuan transkripsi. Maklumat

⁶⁵ *Ibid.*, 116.

⁶⁶ *Ibid.*, 128.

yang diterima akan disalin semula tanpa mengubah atau meninggalkan satu perkataan daripada temu bual tersebut. Ini penting kerana setiap data yang diterjemah dalam bentuk tulisan akan menjadi bahan penting dalam kajian. Selepas itu, data yang telah siap disalin akan diringkaskan dengan membuang mana-mana bahagian yang tidak penting atau tidak berkaitan. Data yang penting itu akan dikod mengikut tema kajian bagi tujuan mengenalpasti maklumat secara tersusun. Seterusnya, data akan dianalisis bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Hasil pemerhatian juga boleh digunakan untuk menyokong data temu bual dalam analisis ini.

ii) Analisis Data Sekunder

Data sekunder seperti buku, disertasi atau tesis, jurnal dan mana-mana data yang telah diolah dari sumber asal akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini mengenalpasti konsep agihan zakat terhadap asnaf muallaf dalam Islam serta agihan zakat terhadap asnaf muallaf Orang Asal di negeri Pahang.

1.11 KESIMPULAN

Kesimpulan bagi bab pendahuluan, kajian ini dijalankan bagi melihat kesan agihan zakat terhadap tahap keagamaan muallaf Orang Asal di daerah Bera, Pahang. Kajian ini perlu dijalankan berikutan berlaku masalah berkaitan agama dalam kalangan muallaf Orang Asal. Walaupun telah ada mekanisme untuk meningkatkan pengetahuan muallaf melalui KBD, namun masalah kepercayaan animisme, permainan judi dan perkahwinan berlainan agama masih terjadi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah dokumentasi dan temu bual dalam mengumpul data kajian.

BAB DUA

AGIHAN ZAKAT TERHADAP MUALAF MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

2.1 PENGENALAN

Penerima atau asnaf zakat terdiri daripada lapan golongan yang telah disebut secara jelas dalam surah al-Taubah ayat ke-60. Mereka ialah *faqīr*, *miskīn*, *'āmil*, *mu'allafah qulūbuhum*, *al-riqāb*, *ghārimīn*, *fī sabīlillah* dan *ibn sabīl*. *Mu'allafah qulūbuhum* atau dikenali mualaf adalah asnaf ke-4 yang tergolong dalam kelompok terawal. Mualaf bermaksud kelompok yang dilembutkan hatinya. Dalam bab ini, perbincangan fokus kepada konsep mualaf yang merangkumi definisi menurut bahasa dan perspektif Islam iaitu tafsir, hadith dan fiqh. Tafsiran mualaf secara kontemporari juga diketengahkan bagi merungkai istilah ini dengan lebih mendalam.

Selain itu, pensyariatan agihan zakat sama ada secara umum mahupun secara khusus kepada mualaf dikupas supaya sejarah ini diketahui bagaimana bermula pensyariatan. Kajian ini juga menyentuh perihal kaedah agihan zakat yang merangkumi konsep agihan serta maqasid syariah dalam agihan. Tujuan utama agihan zakat terhadap mualaf adalah untuk melembutkan hati mereka terhadap Islam dan meningkatkan keimanan mereka kepada Islam.

2.2 KONSEP MUALAF

2.2.1 Definisi Mualaf Menurut Bahasa

Mualaf dalam bahasa Arab berasal daripada kata dasar ألف menurut beberapa rujukan.

ألف memberi beberapa pengertian antaranya menjadikan sesuatu angka kepada ribu dan menghimpunkan sesuatu dengan yang lain sebagaimana menurut Ibn Manzūr,¹ manakala boleh juga merujuk kepada sesuatu yang dikumpulkan atau dihimpunkan dan

¹ Muḥammad bin Mukrim Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Bayrut: Dār Ṣādir, 1990), 9: 9.

disusun berdasarkan pendapat Ibrāhīm Madkūr² dan Fū'ad Ifrām al-Bustānī.³ Pendapat di atas lebih spesifik kepada keadaan penghasilan sebuah buku yang merangkumi proses mengumpul dan menghimpun ilmu pengetahuan seterusnya membuat penyusunan. Perkataan مؤلف pula اسم مفعول bagi ألف bermaksud yang disempurnakan⁴ atau merujuk kepada kitab yang terkandung didalamnya satu cabang ilmu daripada ilmu-ilmu.⁵ Selain itu, kata dasar اِيف memberi maksud yang mirip dengan sifat mualaf. اِيف bermaksud suka atau gembira akan dia atau menjinakkan⁶ manakala dalam kitab *al-Mu'jam al-Wasīf*⁷, *al-Munjid fi al-Lughah wa al-I'lām*⁸ dan *Munjid al-Ṭullāb*⁹ bermaksud gemar, senang dan suka kepadanya.

2.2.2 Mualaf Menurut Perspektif Islam

Bagi memahami istilah mualaf dengan lebih mendalam, bab ini akan membincangkan definisi mualaf menurut tafsir al-Quran, hadith, fiqh dan tafsiran kontemporari di Malaysia.

a) Tafsir al-Quran

Dalam al-Quran, perkataan mualaf diambil daripada perkataan *mu'allafatu qulūbuhum* menerusi surah al-Taubah ayat 60.

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Al-Taubah 9:60

Terjemahan: Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya, untuk memerdekakan hamba, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajipan dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

² Ibrāhīm Madkūr, *Al-Mu'jam al-Wasīf* (t.tp, t.p, t.t), 1:24.

³ Fū'ad Ifrām al-Bustānī, *Munjid al-Ṭullāb* (Bayrut: Dār al-Mashhriq, 1986), 11.

⁴ Muḥammad bin Abī Bakar al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ* (Bayrut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1967), 22.

⁵ Penulis tidak diketahui, *Al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-I'lām* (Bayrut: Dar al-Mashriq, 1992), 16.

⁶ Muḥammad Idrīs Abd Ra'ūf al-Marbawī, *Kāmūs Idrīs al-Marbawī* (Kāherah: Dār al-Fikrī, 1933), 26.

⁷ Ibrāhīm Madkūr, *Al-Mu'jam al-Wasīf*, 1:23.

⁸ Penulis tidak diketahui, *Al-Munjid Fi al-Lughah wa al-I'lām*, 16.

⁹ Al-Bustānī, *Munjid al-Ṭullāb*, 11.

Perkataan ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Quran. *Mu'allafatu qulūbuhum* diterjemahkan sebagai mereka yang dijinakkan hati. Namun al-Quran tidak memperincikan ciri-ciri golongan mualaf. Walaupun begitu, *mufassir* berselisih pendapat dalam menentukan definisi berdasarkan perkataan tersebut. Berdasarkan beberapa karya *mufassir*, terdapat definisi ringkas yang disebut oleh al-Rāghib al-Aṣfahānī sebagai kelompok yang bebas.¹⁰ Adapun definisi terperinci dibahagikan kepada tiga kelompok.

Kelompok pertama meletakkan mualaf ialah orang kafir yang belum memeluk Islam. Mereka kelompok yang dijinakkan kepada Islam melalui pemberian sebagai salah satu cara bagi mendapatkan kebaikan daripada mereka dan ahli keluarga.¹¹ Menurut Ibn Manẓūr¹² dan al-Qurṭubī,¹³ mereka terdiri dalam kalangan pemimpin dan pembesar Arab yang diperintahkan oleh Allah supaya dilembutkan hati dengan cara mendekati dan memberi zakat. Ini supaya mereka memeluk Islam¹⁴ atau meningkatkan jaminan terhadap agama Islam di negara tersebut.¹⁵ Sebagai contoh zakat diberikan kepada Abī Sufyān bin Ḥarb, 'Uyaynah bin Badr dan al-Aqra' bin Ḥābis.

Bagi kelompok kedua, mualaf ialah orang yang baru atau telah memeluk Islam namun tahap keimanan masih rendah dan lemah. Menurut al-Qurṭubī, mereka menzahirkan keislaman ketika awal kedatangan Islam namun keimanan masih rapuh. Zuhri menyatakan mereka adalah penganut asal agama Yahudi dan Nasrani. Zakat diberikan kepada mereka bagi menguatkan keimanan sekalipun kaya dari sudut harta.¹⁶

Adapun kelompok ketiga, mualaf ialah mereka yang belum memeluk Islam dan juga mereka yang baru atau telah memeluk Islam. Kelompok Muslim ialah mereka yang

¹⁰ Al-Rāghib al-Aṣfahānī, *Mufrodatu Alfāz al-Qur'ān* (Bayrut: Dār al-Qalam, 1992), 81.

¹¹ Abī Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī* (Miṣr: Shirkah Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1968), 6:398.

¹² Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 9: 9.

¹³ Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' Al-Aḥkām al-Qur'ān* (Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 1994), 4:509.

¹⁴ Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Qurshī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* (Madīnah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1993), 2:349.

¹⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Tafsīr al-Munīr* (Damshiq: Dār al-Fikr, 2011), 5:613.

¹⁶ Al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qur'ān*, 4:509.

memeluk Islam dalam keadaan niat yang lemah lalu diberikan zakat supaya dapat memurnikan niat tersebut. Adapun jika mereka benar-benar berniat yang baik ketika memeluk Islam, zakat bertujuan menarik ahli keluarga yang masih belum memeluk Islam. Zakat pernah diberikan kepada ‘Uqbah bin Zaid, Abī Sufyān bin Ḥarb, al-Aqra‘ bin Ḥābis dan ‘Abbās bin Mirdās kerana niat pemeluk Islam mereka masih lemah.

Kelompok kafir pula ialah mereka yang sering menyakiti orang muslim yang lain. Zakat diberikan bagi menolak kejahatan yang dilakukan. Selain itu, mereka yang berjinak-jinak dengan Islam juga layak menerima zakat supaya zakat berperanan menjinakkan hati mereka untuk memeluk Islam.¹⁷

Kesimpulan perbincangan di atas, mualaf terdiri dalam kalangan mereka yang belum memeluk Islam dan telah memeluk Islam. Mereka yang belum memeluk Islam ialah pembesar Arab, orang kafir yang sering menyakiti orang Islam dan orang kafir yang cenderung kepada Islam. Mereka yang telah memeluk Islam pula terdiri daripada mereka yang baru memeluk Islam atau orang Islam yang masih lemah dan rapuh keimanannya.

b) Hadith

Sumber primer pertama iaitu al-Quran tidak menerangkan ciri-ciri mualaf. Justeru, sumber kedua iaitu hadith dirujuk bagi menentukan definisi mualaf. Terdapat beberapa hadith yang dijumpai menceritakan berkenaan mualaf. Perbincangan boleh dilihat dalam kitab *al-zakāh* pada bab *al-mu'allafatu qulūbuhum*. Walau bagaimanapun, tidak dijumpai hadith yang menceritakan maksud sebenar mualaf secara tepat. Hadith yang ditemui menceritakan perihal perbuatan Nabi Muhammad mengagihkan zakat kepada mualaf. Daripada Abī Sa'īd al-Khudrī berkata:

بَعَثَ عَلَيَّ، وَهُوَ فِي الْيَمَنِ، إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِذَهَبِيَّةٍ فِي ثُرَيْبِهَا، فَقَسَمَهَا بَيْنَ الْأَفْرَعِ
بِْنِ حَابِسِ الْحَنْظَلِيِّ، ثُمَّ أَحَدِ بَنِي مُجَاشِعٍ، وَبَيْنَ عُيَيْنَةَ بِنِ بَدْرِ الْفَزَارِيِّ، وَبَيْنَ عَلْقَمَةَ بِنِ غُلَانَةَ

¹⁷ Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad al-Māwardī al-Baṣrī, *Tafsīr al-Māwardī* (Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992), 2:375-376.

العَامِرِيِّ، ثُمَّ أَحَدِ بَنِي كِلَابٍ، وَبَيْنَ زَيْدِ الْخَيْلِ الطَّائِيِّ، ثُمَّ أَحَدِ بَنِي نَبَهَانَ، فَتَغَيَّظَتْ قُرَيْشٌ
وَالْأَنْصَارُ، فَقَالُوا: يُعْطِيهِ صَنَادِيدَ أَهْلِ نَجْدٍ وَيَدْعُنَا، قَالَ: إِنَّمَا أَتَأَلَّفُهُمْ

Terjemahan: Ali telah mengutuskan kepada Nabi Muhammad SAW emas, maka Nabi membahagikannya kepada empat individu iaitu al-Aqra' bin Hābis al-Hanzalī, 'Uyaynah bin Badr al-Fazārī, Zaid al-Ṭā'ī dan 'Alqamah bin 'Ulāthah al-'Āmirī. Maka kaum Quraisy dan Ansar berasa marah lalu berkata kepada Nabi: Engkau memberikan zakat kepada pembesar ahli Najd dan melupakan kami? Nabi menjawab: pemberian ini adalah untuk menjinakkan hati mereka.¹⁸

Kandungan hadith menunjukkan perbuatan Nabi Muhammad mengagihkan emas kepada empat individu iaitu al-Aqra' bin Hābis al-Hanzalī, 'Uyaynah bin Badr al-Fazārī, Zaid al-Ṭā'ī dan 'Alqamah bin 'Ulāthah al-'Āmirī. Mereka adalah individu yang berpengaruh serta dihormati dalam kalangan mereka.¹⁹ Al-Aqra' pernah menyertai beberapa siri peperangan bersama Nabi Muhammad. Beliau diamanahkan sebagai penunggang kuda dan telah terkorban dalam perang Yarmouk. Zaid al-Ṭā'ī merupakan seorang penyair dan pemidato yang berani dalam kabilahnya. Adapun 'Alqamah bin 'Ulāthah al-'Āmirī adalah seorang yang bijak dan berhemah.

Situasi ini menunjukkan Nabi Muhammad menggunakan pendekatan yang lembut dalam menjinakkan hati melalui pemberian harta.²⁰ Memberi zakat kepada golongan pemimpin memberi manfaat besar kepada Islam. Selain melembutkan hati mereka, zakat berperanan menarik minat pengikut mereka untuk mengenali Islam. Ini kerana pengaruh pemimpin terhadap pengikut sangat kuat.

Selain itu, terdapat satu hadith yang menyebut perkataan *mu'allafatu qulūbuhum* namun tidak diperincikan maksud tersebut.

Daripada 'Abdullah bin Zaid berkata:

¹⁸ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Tauhīd, Bab Qawlullahi Ta'ālā : Ta'ruju al-malā'ikatu warruhu ilayh, no.hadith 7432, hadith riwayat Muslim, Kitab al-Zakāh, Bab Dhikr al-Khawārij wa Ṣifātuhum, no.hadith 1064 dan hadith riwayat al-Nasā'ī, Kitab al-Zakāh, Bab Mu'allafatu Qulūbuhum, no.hadith 2590. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Lubnān: Bayt Afkār al-Dawlah, 2012), 1:832 dan Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ al-Muslim* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1998), 429-430 dan Jam'iyyah al-Maknaz al-Islāmī, *Sunan al-Nasā'ī* (Kāherah: Jam'iyyah al-Maknaz al-Islāmī, 2000), 1: 418-419.

¹⁹ Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Dār al-Ṭaybah, 2011), 7:624-625.

²⁰ Maḥmūd bin Aḥmad al-'Ainī, *'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī* (Kāherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, 2010), 12:453-455.

لما أفاء الله على رسوله صلى الله عليه وسلم يوم حنين، قَسَمَ في الناسِ في المولفةِ قلوبهم، ولم يُعْطِ
الأنصارَ شيئاً، فكأنهم وجدوا إذ لم يُصِبْهم ما أصاب الناسَ، فَحَطَبْتَهُمْ

Terjemahan: Ketika Allah memberi kemenangan kepada Nabi Muhammad SAW pada perang Hunain, Nabi Muhammad telah membahagi-bahagikan harta rampasan perang kepada golongan mualaf, namun baginda tidak mengagihkan kepada kaum Ansar.²¹

Hadith ini menceritakan situasi Nabi Muhammad mengagihkan harta rampasan perang selepas peperangan Hunain. Agihan tersebut diterima oleh kelompok mualaf Quraisy yang turut menyertai peperangan Hunain. Ini membangkitkan rasa cemburu kaum Ansar terhadap mualaf. Pemberian ini bertujuan mengajak kaum Quraisy supaya terus membantu Islam melalui jalan peperangan dan melembutkan hati bagi memeluk Islam. Al-Qāḍī 'Iyāḍ berpendapat bahawa tindakan Nabi Muhammad melebihi kaum Quraisy berbanding kaum Ansar adalah berdasarkan pandangan sebagai seorang pemimpin. Ia memberi *maslahah* kepada umat Islam.²²

Hadith di atas menunjukkan Nabi Muhammad mengagihkan zakat dan harta rampasan perang kepada mualaf beragama Islam dan kafir. Mualaf orang Islam terdiri dalam kalangan pemimpin dan pembesar manakala mualaf kafir terdiri daripada mereka yang membantu Nabi Muhammad dalam peperangan. Pemberian kepada dua kelompok di atas memberi manfaat besar terhadap agama. Sebagai contoh, zakat yang diberikan kepada Ḥakīm bin Ḥizām telah digunakan bagi membantu orang lain.²³ Selain itu, zakat berjaya menghilangkan rasa benci orang kafir terhadap Nabi Muhammad dan Islam itu sendiri sebagaimana berlaku kepada Ṣafwān bin Umayyah.²⁴ Secara kesimpulan, berdasarkan hadith-hadith di atas, pemberian zakat terhadap mualaf hendaklah bertujuan menjinakkan hati mereka terhadap Islam, menarik minat pengikut bawahan

²¹ Hadith riwayat Bukhārī, Kitab al-Maghazī, Bab Ghazwah al-Tā'if Fī Shawwal Sanah Thamāni Qālahu Mūsā bin 'Uqbah, no.hadith 4330. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Kāherah: Maktabah al-Ṣafā, 2002), 2:351.

²² Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 2001), 4: 163.

²³ Al-Qurtubī, *Al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qur'ān*, 4:509.

²⁴ Hadith Riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Zakāh, Bab Mā Jā'a Fī I'tā'i al-Mu'allafati Qulūbuhum, no.hadith 666. Lihat Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Alī al-Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (Riyād: Maktabah Dār al-Salām, 2008), 1712.

mereka dan menggalakan mualaf untuk terus membantu agama Islam dalam peperangan.

c) Fiqh

Dalam perbahasan fiqh, perbincangan mualaf terletak dalam bahagian zakat pada bab kelompok yang layak menerima zakat. Ulama dalam empat mazhab utama iaitu Ḥanafī, Mālikī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī berselisih pendapat dalam menentukan definisi mualaf. Perbezaan ini berlaku bersandarkan perbuatan Nabi Muhammad yang mengagihkan zakat kepada dua kelompok tersebut. Terdapat ulama yang menerangkan definisi secara umum dan khusus lengkap dengan pembahagian kelompok. Secara umum, mualaf terdiri daripada orang Islam dan kafir.

Dalam mazhab Ḥanafī, mualaf terbahagi kepada orang Islam dan kafir. Mualaf orang Islam ialah mereka yang telah memeluk Islam namun tahap keimanan masih diperingkat lemah. Mualaf orang kafir pula ialah mereka yang dilembutkan hati terhadap Islam atau kerana ingin menolak kejahatan mereka terhadap umat Islam.²⁵ Definisi ini turut dikemukakan oleh Ibn al-Ḥumām al-Ḥanafī²⁶ dan Fakhru al-dīn al-Zaylā'ī al-Ḥanafī.²⁷ Terdapat ulama yang fokus kepada kelompok pembesar dan pemimpin Quraisy yang berpengaruh, ramai pengikut dan kuat sebagai mualaf seperti Abī Sufyān bin Ḥarb, Ṣafwān bin Umayyah, al-Aqra' bin Ḥābis, 'Uyaynah bin Ḥiṣn al-Fazārī, al-'Abbas bin Mirdās, Mālik bin 'Auf dan Ḥakīm bin Ḥizām.²⁸

Bagi mazhab Mālikī pula, mualaf terbahagi kepada kelompok orang Islam dan kafir. Mualaf orang Islam terdiri daripada mereka yang lemah dari sudut tujuan pengislamannya. Adapun mualaf kafir terdiri daripada mereka yang diharapkan kebbaikannya terhadap Islam atau kerana ditakuti kejahatan mereka terhadap orang

²⁵ Muḥammad bin 'Alī al-Ḥashkafī, *Ḥāshiah Ibn 'Ābidīn* (Bayrut: Dār al- Ma'rifah, 2000), 3: 337.

²⁶ Ibn al-Ḥumām al-Ḥanafī, *Sharh Fath al-Qadīr* (Bayrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 2: 264.

²⁷ Fakhruddīn 'Uthmān bin 'Alī al-Zaylā'ī al-Ḥanafī, *Tabyīn al-Ḥaqā'iq Sharḥ Kanzu al-Daqā'iq* (Kāherah: Dār al-Kitāb al-Islāmiy, 1892), 1:299.

²⁸ Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī al-Ḥanafī, *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Shara'i'* (Bayrut: Dār al-Ma'rifah, 2000), 2:71.

Islam. Mereka yang berjinak-jinak terhadap Islam juga termasuk dalam kalangan mualaf.²⁹ Orang kafir yang diharapkan kebajikannya adalah golongan yang boleh menerima dakwah dengan cara berhemah sama ada pemberian atau pergaulan bukan melalui peperangan mahupun paksaan.³⁰ Sebagaimana Nabi Muhammad pernah mengagihkan harta rampasan perang Hunain berupa 100 ekor unta kepada beberapa mualaf kafir.³¹ Menurut al-Thawrī, mualaf adalah mereka yang berada pada zaman Nabi Muhammad sahaja.³² Ini menunjukkan kelompok mualaf menurut mazhab Mālikī sudah tiada lagi.³³

Mualaf dalam mazhab Shāfi‘ī juga terdiri daripada orang Islam dan kafir. Namun begitu, Imam al-Shāfi‘ī hanya menerima mualaf dalam kalangan orang Islam sahaja. Mualaf menurut beliau ialah orang yang baru memeluk Islam.³⁴ Al-Nawawī membahagikan mualaf orang Islam kepada empat golongan iaitu kelompok pemimpin yang dihormati dan disegani dalam kalangan mereka, orang yang telah memeluk Islam namun tujuan pemelukannya adalah lemah, orang Islam yang tinggal dalam kawasan yang terdapat kelompok orang kafir manakala yang terakhir ialah orang Islam yang tinggal di kawasan kelompok yang enggan membayar zakat.³⁵ Muḥammad Arshād ‘Abd Allah al-Banjārī juga membahagikan kepada empat kelompok sebagaimana al-Nawawī tetapi sedikit berbeza kerana menambah kelompok yang menjaga keselamatan di pinggir negara dan tidak memasukkan aspek pemimpin atau pembesar.³⁶

Bagi al-Nawawī, mualaf orang kafir terdiri daripada mereka yang diharapkan kebajikannya atau kerana takut kejahatan mereka kepada orang Islam. Walau

²⁹ Ibn ‘Abd al-Barr, *Al-Istidhkār* (Kāherah: Dār al-Wa‘yu, 1993), 9:218.

³⁰ Shihabuddīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarfī, *al-Dhakhīrah* (Bayrut: Dār al-Gharb al-Islāmiyy, 1994), 3:146.

³¹ Ibn ‘Abd al-Barr, *Al-Istidhkār* (Kāherah: Dar al-Wa‘yu, 1993), 9:218.

³² Ibn ‘Abd al-Barr, *Al-Istidhkār* (Kāherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, 1993), 9:219.

³³ Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid* (Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 1:37.

³⁴ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *Al-Umm* (Mansūrah: Dār al-Wafā’, 2008), 3:183.

³⁵ Muḥyi al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū’* (Bayrut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiy, t.t), 6:117.

³⁶ Muḥammad Arshād ‘Abdullah al-Banjārī, *Sabīl al-Muhtadīn lil Tafaqquh fī Amr al-Dīn* (Kāherah: Dār al-Ṭibā‘ah al-Miṣriyyah, t.t), 116-117.

bagaimanapun, al-Shāfi'ī tidak mengiktiraf orang kafir sebagai mualaf. Ini kerana apa yang diberikan oleh Nabi Muhammad kepada sekelompok orang kafir selepas perang Hunain adalah daripada harta *fai* atau harta Nabi³⁷ atau harta rampasan perang bukannya harta zakat.³⁸

Menurut Shams al-Dīn, mualaf ialah orang yang baru memeluk Islam namun lemah tujuan pemelukannya dan pemimpin atau ketua yang memeluk Islam walaupun tujuan pemelukannya adalah kuat.

Dalam mazhab Ḥanbalī, mualaf juga terbahagi kepada orang Islam dan kafir. Definisi mualaf menurut Ibn Qudāmah ialah pemimpin dan pembesar yang ditaati oleh ahli bawahan sama ada muslim ataupun kafir.³⁹ Secara terperinci, mualaf orang Islam terbahagi kepada tiga kelompok iaitu mereka yang dihormati dalam kalangan masyarakat setempat, mereka yang masih lemah keimanannya dan mereka yang bertugas sebagai pemungut zakat daripada kelompok yang enggan membayarnya. Ini adalah pandangan Sheikh Ibrāhīm bin Muḥammad,⁴⁰ Imām al-Māwardī⁴¹ dan Ibn Qudāmah.⁴² Walau bagaimanapun, Ibn Qudāmah menambah satu lagi kelompok iaitu mereka yang membantu orang Islam dalam peperangan serta bertindak memberi perlindungan. Mualaf orang kafir pula terdiri daripada ketua yang ditaati oleh ahli bawahannya yang diharapkan keislamannya atau kerana ditakuti kejahatannya kepada orang Islam.

Menurut ulama kontemporari seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī, mualaf adalah mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya kepada Islam atau keyakinannya semakin bertambah terhadap Islam, atau dapat menghalang kejahatan mereka terhadap umat Islam atau mengharapkan manfaat mereka untuk mempertahankan dan membantu umat

³⁷ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī, *Al-Umm* (Manṣūrah: Dār al-Wafā', 2008), 3:183.

³⁸ Al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū'*, 6:117.

³⁹ 'Abdullah bin Aḥmad al-Qudāmah, *al-Mughnī* (Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 1995) 4:93.

⁴⁰ Ibrāhīm bin Muḥammad bin Salīm, *Manār al-Sabīl fī Sharḥ al-Dalīl* (Manṣūrah: Dār al-Yaqīn lil Nashr wa al-Tawzī', 2004), 192.

⁴¹ Al-Māwardī, *Al-Inṣāf* (Bayrut, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 3: 205.

⁴² Ibn Qudāmah, *Al-Kāfi fī Fiqh al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal* (Bayrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 1:439-440.

Islam daripada kejahatan musuh.⁴³ Manakala ‘Umar Sulaymān al-Ashqar pula mendefiniskan mualaf sebagai mereka yang tertarik hatinya kepada Islam lalu diraikan dengan cara pemberian dan usaha atau mereka yang mempunyai tahap keimanan yang lemah lalu diberikan sedikit pemberian supaya dapat menguatkan keimanan tersebut dan menambah rasa cinta terhadap Islam dan umatnya.⁴⁴ Definisi di atas menunjukkan ulama kontemporari membahagikan mualaf kepada Islam dan kafir.

Adapun perincian perbincangan, Muṣṭafā al-Khin membahagikan mualaf Islam kepada empat kelompok iaitu mereka yang baru memeluk Islam, pemimpin yang ada kedudukan atau kuasa dalam kalangan mereka, orang Islam yang tinggal di perbatasan dan mereka yang mengutip zakat daripada kelompok yang enggan membayar zakat.⁴⁵

Bagi Yūsuf al-Qaraḍāwī, mualaf terbahagi kepada lima kelompok iaitu mereka yang baru memeluk Islam, pemimpin kaum muslimin yang turut bersama mereka pemimpin dalam kalangan bukan Islam, pemimpin dan ketua orang Islam yang masih lemah tahap keimanannya namun sangat ditaati oleh pengikut mereka, orang Islam yang tinggal di pinggir negeri yang bersepadan dengan negara musuh dan yang terakhir ialah orang Islam yang mengutip zakat daripada orang Islam yang berkewajipan namun enggan membayar melainkan dengan cara paksaan.

Mualaf kafir pula terdiri daripada mereka yang diharapkan pengislamannya atau pengislaman masyarakat mahupun keluarga mereka dan yang ditakuti kejahatannya terhadap umat Islam. Hal ini kerana terdapat orang kafir yang menerima zakat akan memuji-muji Islam sebagai agama yang baik, namun apabila tidak diberi maka mereka akan menghina dan mencela Islam. Pengkaji berpandangan bahawa pendapat Yūsuf al-Qaraḍāwī di atas mirip kepada pandangan al-Nawawī dalam mazhab Shāfi‘ī.

⁴³ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh* (Kāherah: Maktabah Wahbah, 2013), 2: 606.

⁴⁴ ‘Umar Sulaymān al-Ashqar, Ta’līf al-Qulūb ‘alā al-Islām bi Amwāl al-Ṣadaqāt,” dalam *Abhāth Fiqhiyyah fī Qaḍāyā al-Zakāh al-Mu‘āṣarah* (‘Ammān: Dār al-Nafā’is, 1998), 2: 651.

⁴⁵ Muṣṭafā al-Khin, *Al-Fiqh al-Manhajī ‘alā al-Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (Damshiq: Dār al-Qalam, 2012), 1:321.

Kesimpulan bagi perbincangan fiqh, empat mazhab utama iaitu Ḥanafī, Mālikī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī membahagikan mualaf kepada orang Islam dan kafir kecuali Imam al-Shāfi‘ī yang tidak menerima mualaf dari kalangan kafir. Bagi mazhab Mālikī, asnaf mualaf hanya wujud pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad sahaja. Adapun kini, mualaf telah digugurkan daripada menjadi salah satu asnaf zakat. Definisi dan kelompok mengikut setiap mazhab adalah berbeza dan berbagai-bagai namun masih wujud persamaan menurut penilaian secara umum. Penerangan ciri-ciri mualaf akan diringkaskan dalam bentuk jadual seperti di bawah.

Jadual 2.1 Ciri-Ciri Mualaf Mengikut Mazhab

Kategori Mualaf	Ciri-ciri Mualaf	Mazhab				
		Ḥanafī	Mālikī	Shāfi‘ī	Ḥanbalī	Ulama Kontemporari
Islam	Orang Islam yang masih lemah tahap keimanannya	✓			✓	
	Orang Islam yang lemah tujuan pengislamannya		✓			✓
	Orang yang baru memeluk Islam			✓		✓
	Orang atau pemimpin yang mempunyai kedudukan atau kuasa dalam kelompok mereka			✓	✓	✓
	Orang Islam yang tinggal di perbatasan negara			✓		✓
	Orang yang bertugas mengutip zakat daripada mereka yang enggan membayarnya			✓	✓	✓
	Orang Islam yang tinggal dalam kawasan orang kafir			✓		
Kafir	Melembutkan hati mereka terhadap Islam	✓	✓	✓	✓	✓
	Menolak kejahatan mereka terhadap umat Islam	✓	✓	✓	✓	✓

Pemimpin Quraisy yang berpengaruh	✓			✓	
Orang kafir yang membantu orang Islam dalam peperangan	✓			✓	

Sumber: Analisis ringkas pengkaji

d) Tafsiran Mualaf di Malaysia

Di Malaysia, penggunaan gelaran mualaf merujuk kepada orang bukan Islam yang telah memeluk Islam. Adapun definisi terperinci perlu merujuk kepada negeri-negeri. Tafsiran mualaf boleh dilihat dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Mualaf ditafsirkan sebagai seseorang yang memeluk agama Islam dan menjadi seorang Islam sebaik sahaja selesai mengucap dua kalimah syahadah. Terdapat beberapa keperluan yang perlu dipenuhi bagi tujuan memeluk agama Islam. Antaranya, mestilah mengucapkan dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab secara jelas dan sedar bahawa kalimah ini bermakna “Aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah”. Ucapan ini mesti dibuat atas kerelaan sendiri bukan paksaan. Adapun sekiranya tidak boleh bercakap, dibolehkan mengucap dua kalimah syahadah dengan menggunakan isyarat.

Seksyen ini terdapat dalam enakmen dan akta bagi 12 buah negeri iaitu Sabah,⁴⁶ Wilayah Persekutuan,⁴⁷ Perlis,⁴⁸ Pahang,⁴⁹ Terengganu,⁵⁰ Johor,⁵¹ Melaka,⁵² Negeri Sembilan,⁵³ Selangor,⁵⁴ Perak,⁵⁵ Kedah⁵⁶ dan Pulau Pinang.⁵⁷ Terdapat 2 negeri yang tidak memberikan tafsiran mualaf dalam enakmen dan ordinan iaitu Kelantan dan

⁴⁶ Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 (No.13/ 1992).

⁴⁷ Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No.505, 1993).

⁴⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (No.4/2006).

⁴⁹ Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (No.3/ 1991).

⁵⁰ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (No. 2/ 2001).

⁵¹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (No. 16/ 2003).

⁵² Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (No. 7/ 2002)

⁵³ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No. 10/ 2003).

⁵⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (No. 1/ 2003).

⁵⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (No.4/ 2004).

⁵⁶ Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (No.5/ 2008).

⁵⁷ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (No. 4/ 2004).

Sarawak. Ini menunjukkan majoriti negeri di Malaysia mengiktiraf mualaf dalam kalangan orang Islam sahaja.

Selain itu, terdapat juga definisi yang dikemukakan oleh MAIN. Terdapat MAIN yang mengiktiraf mualaf dalam kalangan orang Islam sahaja manakala sebahagian lagi mengiktiraf orang Islam dan kafir. Empat negeri iaitu Terengganu, Johor, Sabah dan Sarawak mengiktiraf mualaf dari kelompok orang Islam sahaja. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu meletakkan mualaf sebagai kelompok yang dijinakkan hatinya dan telah memeluk agama Islam akan tetapi mempunyai tahap keimanan yang masih lemah.⁵⁸ Majlis Agama Islam Negeri Johor pula memberi tafsiran mualaf sebagai mereka yang mendapat hidayat untuk menganut agama Islam supaya mereka merasakan adanya tempat bergantung bagi menghadapi cabaran yang mendatang.⁵⁹ Manakala, Pusat Zakat Sabah menetapkan mualaf sebagai seorang yang baharu memeluk agama Islam dan memerlukan bantuan kewangan.⁶⁰ Bagi Majlis Islam Sarawak pula, mualaf ialah golongan yang imannya masih ragu-ragu dengan kebenaran Islam dan perlu dijinakkan dan dimantapkan imannya.⁶¹

Lanjutan perbincangan di atas, terdapat negeri yang mengiktiraf mualaf dalam kalangan orang Islam dan kafir. Mualaf didefinisikan sebagai mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam namun masih belum kukuh keislamannya. Definisi ini yang digunapakai oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan,⁶² Majlis Agama Islam dan

⁵⁸ Siapa Penerima Zakat, Laman Web Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, dikemaskini 31 Oktober 2016, dicapai 07 Nov 2016, <http://www.maidam.gov.my/index.php/index.php/perkhidmatan-kami/agihan-zakat/404-siapa-penerima-zakat>.

⁵⁹ Takrif Asnaf, Portal Rasmi Majlis Agama Islam Negeri Johor, dikemaskini pada 1 Nov 2016, dicapai 07 Nov 2016, http://www.maij.gov.my/?page_id=401.

⁶⁰ Info Agihan, Laman Web Rasmi Pusat Zakat Sabah, dikemaskini 24 Oktober 2016, dicapai pada 07 Nov 2016, http://www.zakat.sabah.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=17&Itemid=138&lang=en.

⁶¹ Soal Jawab Zakat, Laman Web Tabung Baitul Mal Majlis Islam Sarawak, dikemaskini 11 Oktober 2016, dicapai 15 Februari 2017, <https://www.tbs.org.my/www/?page=62>.

⁶² Takrif Asnaf Zakat, Laman Rasmi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dicapai pada 7 Nov 2016, <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/takrif-asnaf>.

Adat Istiadat Melayu Perlis,⁶³ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,⁶⁴ Majlis Agama Islam Melaka,⁶⁵ Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang⁶⁶ dan Lembaga Zakat Selangor.⁶⁷

Dalam perbincangan ini, pengkaji mendapati berlaku kontradiksi antara tafsiran mualaf dalam akta dan enakmen dengan definisi yang dikemukakan oleh MAIN. Akta dan enakmen menafsirkan mualaf sebagai seseorang yang memeluk agama Islam dengan erti kata lain mualaf hanya dalam kalangan orang Islam manakala orang kafir terkeluar daripada kelompok mualaf. Akan tetapi, definisi yang dikemukakan MAIN memasukkan orang Islam dan kafir sebagai mualaf. Ini berlaku kepada Wilayah Persekutuan, Perlis, Pahang, Melaka dan Selangor.

Perbincangan di atas menunjukkan mualaf terbahagi kepada orang Islam dan kafir. Negeri yang mengiktiraf mualaf hanya dalam kalangan orang Islam sahaja adalah mengikut pendapat Imam al- Shāfi'ī manakala negeri yang memasukkan elemen orang Islam dan kafir dalam tafsiran mualaf adalah berdasarkan pandangan mazhab Ḥanafi, Māliki, Shāfi'ī dan Ḥanbali.

2.3 PENSYARIATAN AGIHAN ZAKAT

2.3.1 Pencyariatan Agihan Zakat dalam Islam

Zakat merupakan sistem ekonomi Islam yang menjana kebajikan manusia. Asas aplikasi zakat disebut oleh Nabi Muhammad dengan cara mengambilnya daripada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin. Daripada 'Abd Allah bin 'Abbās:

⁶³ Takrif Asnaf, Portal Rasmi Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Perlis, dicapai pada 7 Nov 2016 dikemaskini pada 06 Nov 2016, <http://www.maips.gov.my/index.php/component/content/article/2-uncategorised/22-asnaf>.

⁶⁴ Agihan Zakat, Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, dikemaskini 07 Nov 2016, dicapai 07 Nov 2016, <http://www.e-maik.my/portal/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>.

⁶⁵ Asnaf Muallaf, Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Melaka, dikemaskini 07 Nov 2016, dicapai 07 Nov 2016, <http://www.maim.gov.my/index.php/my/contact/asnaf-zakat-program/muallaf>.

⁶⁶ Jenis-Jenis Asnaf, Laman Web Rasmi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, dikemaskini 31 Oktober 2016, dicapai 07 Nov 2016, <http://www.muip.gov.my/v3/index.php/jenis-jenis-asnaf/asnaf-muallaf>.

⁶⁷ Pengenalan Asnaf Zakat, Lembaga Zakat Selangor, dikemaskini 28 Oktober 2016, dicapai 07 Nov 2016, <http://www.zakatselangor.com.my/info-agihan/info-agihan-2/>.

أن النبي صلى الله عليه وسلم بعثَ مُعَاذًا رَضِيَ اللهُ عَنْهُ إِلَى الْيَمَنِ ، فَقَالَ : ادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَدُنْكَ ، فَأَعْلِمْتَهُمْ أَنَّ اللهُ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَدُنْكَ ، فَأَعْلِمْتَهُمْ أَنَّ اللهُ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ ، تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW telah mengutus Muaz ke Yaman, maka kata Nabi: Serulah mereka supaya bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku pesuruh Allah. Kalau mereka patuh, sampaikan kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan solat lima waktu pada tiap siang dan malam. Kalau mereka patuh, sampaikan bahawa Allah telah mewajibkan zakat pada harta mereka, yang diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang fakir.⁶⁸

Perkataan zakat banyak disebut dalam al-Quran. Suruhan mengeluarkan zakat selalunya didahului dengan suruhan melaksanakan kewajipan solat. Terdapat 82 tempat yang menyebut berkenaan zakat bersama solat.⁶⁹ Ini menunjukkan keterikatan kewajipan solat dan zakat sebagai salah satu rukun Islam. Kewajipan zakat bermula pada bulan syawal pada tahun kedua hijrah selepas kewajipan puasa di bulan Ramadan.⁷⁰ Kewajipan ini boleh dilihat menerusi ayat al-Quran⁷¹ dan hadith.⁷²

Walaupun begitu, sorotan ayat suruhan mengeluarkan zakat pada hari menuai dalam surah al-An'am ayat 41 menunjukkan kewajipan zakat telah bermula ketika di Makkah lagi.⁷³ Ini kerana ayat tersebut diturunkan di Makkah bukan Madinah.

Pensyariatannya seiring dengan suruhan mengeluarkan zakat. Dalam agihan zakat, Allah sendiri telah membahagikan asnaf kepada lapan golongan. Menerusi surah al-Taubah ayat 60.

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ
 اللهُ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Al-Taubah 9:60

⁶⁸ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Zakāh, Bab Wujūb al-Zakāh, no.hadith 1395. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Al-Urdun: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2012), 159.

⁶⁹ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmiyy Wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr, 2007), 3: 1792.

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ Lihat surah al-Baqarah ayat 43, surah al-Taubah ayat 103, surah al-Rum ayat 39 dan surah Maryam ayat 55.

⁷² Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Īmān, Bab al-Īmān wa Qawl al-Nabī: Buniya al-Islām 'alā Khams, no.hadith 8. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Al-Urdun: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2012), 13.

⁷³ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:79.

Terjemahan: Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya, untuk memerdekakan hamba, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Pengagihan zakat secara tersusun dan bersistematik bermula selepas penurunan ayat ini. Allah menyatakan secara jelas kriteria asnaf tanpa boleh diubah oleh manusia mahupun undang-undang. Tambahan lagi, Allah memberikan penegasan pada ayat *فَرِيضَةً* *مِّنَ اللَّهِ* menunjukkan bahawa pembahagian ini adalah suatu kewajiban yang telah ditetapkan. Menurut al-Quran, ayat agihan lebih khusus dan terperinci berbanding ayat berkaitan sumber atau kutipan zakat. Ini kerana pintu penyelewengan dan ketidakadilan dalam mengendalikan proses agihan lebih terbuka luas berbanding proses kutipan.

Surah al-Taubah ayat 60 turun disebabkan munculnya golongan yang suka meminta-minta zakat pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad. Justeru, ayat ini diturunkan bagi memastikan pembahagian zakat hanya kepada golongan yang disebut. Nabi Muhammad menegaskan pembahagian zakat hanya terhadap kepada mereka yang berhak menurut satu hadith yang panjang. Daripada Ziyād bin al-Hārith al-Ṣadā'ī:

... فقال السائلُ فأعطني من الصدقة فقال له رسولُ الله صَلَّى اللهُ عليه وسلَّم إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ لم يرضَ بحكمِ نبيٍّ ولا غيره في الصدقاتِ حتىَّ حكمَ فيها فجزأها ثمانيةَ أجزاءٍ فإن كنتَ من تلك الأجزاءِ أعطيتُكَ أو أعطيناكَ حقَّكَ ...

Terjemahan: Datang seorang lelaki kepada Nabi Muhammad ﷺ lalu berkata: “Berilah saya sebahagian daripada zakat itu”. Maka Nabi Muhammad ﷺ bersabda kepada lelaki tersebut: Sesungguhnya Allah tidak redha kepada keputusan seorang nabi apatah lagi orang lain dalam masalah berkaitan zakat, melainkan Allah sendirilah yang memutuskannya. Allah telah membahagikan mereka kepada lapan golongan. Sekiranya kamu termasuk dalam salah satu daripada lapan golongan tersebut, maka aku akan memberikan kepada kamu bahagian tersebut”.⁷⁴

Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengklasifikasikan asnaf kepada dua kelompok.

Kelompok pertama adalah mereka yang mengambil zakat kerana keperluan iaitu *faqīr*,

⁷⁴ Hadith riwayat Abū Dāwud, no. Hadith 34. Lihat Abū Dāwud Sulaymān al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwud* (Bayrut: Dār al-Fikr, 1994), 381.

miskīn, *al-riqāb* dan *ibn sabīl*. Kelompok kedua pula mengambil zakat kerana manfaat iaitu *‘āmil*, *mu’allaf qulūbuhum*, *al-ghārimīn* dan *fī sabīlillah*.⁷⁵ Adapun perincian ciri-ciri setiap asnaf ditentukan oleh ulama berdasarkan dalil hadith berikutan al-Quran tidak menjelaskan ciri-ciri tersebut.

2.3.2 Agihan Zakat Terhadap Asnaf Mualaf

Mualaf merupakan asnaf keempat selepas *amil*. Asnaf ini telah ada ketika pensyarian agihan zakat berikutan perbuatan Nabi Muhammad mengagihkan pemberian kepada mereka. Penilaian terhadap kandungan hadith menunjukkan terdapat dua bentuk pemberian yang diberikan kepada mualaf iaitu harta rampasan perang dan harta zakat.

Bentuk agihan yang diberikan adalah berbeza-beza. Hal ini kerana bentuk agihan adalah mengikut apa yang dibayar oleh pembayar zakat. Terdapat zakat berbentuk tanaman, buah-buahan, binatang ternakan, emas dan matawang. Ini bergantung kepada jenis zakat yang ingin dikeluarkan. Menurut hadith sepertimana dalam perbincangan konsep mualaf, terdapat beberapa bentuk agihan yang telah diberikan kepada mualaf. Nabi Muhammad pernah memberikan sejumlah emas kepada al-Aqra’ bin Ḥābis al-Ḥanzalī, ‘Uyaynah bin Badr al-Fazārī, Zaid al-Ṭā’ī dan ‘Alqamah bin ‘Ulāthah al-‘Āmirī.⁷⁶ Mereka adalah individu yang berpengaruh dan terhormat.⁷⁷

Selain itu, terdapat hadith yang menyebut bahawa Ṣafwān bin Umayyah pernah menerima unta dalam kuantiti yang banyak daripada Nabi Muhammad ketika sebelum memeluk Islam dan masih berterusan sehingga beliau memeluk Islam.⁷⁸ Menurut hadith, pemberian tersebut berhasil melembutkan hati Ṣafwān bin Umayyah terhadap

⁷⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma’ād fī Ḥādī Khayr al-‘Ibād* (Bayrut: Mu’assasah al-Risālah, 2005), 2:8.

⁷⁶ Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Tauḥīd*, Bab Qawllullahi Ta’ālā : Ta’ruju al-malā’ikatu warruhu ilayh, no.hadith 7432. Lihat Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Lubnān: Bayt Afkār al-Dawlah, 2012), 1:832.

⁷⁷ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ al-Bukhārī*, 7:624.

⁷⁸ Hadith Riwayat al-Tirmidhī, *Kitāb al-Zakāh*, Bab Mā Jā’a Fī I’tāi al-Mu’allafati Qulūbuhum, no.hadith 666. Lihat Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ālī al-Shaykh, *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (Riyāḍ: Maktabah Dār al-Salām, 2008), 1712.

Nabi Muhammad.⁷⁹ Nabi Muhammad juga pernah mengagihkan harta rampasan perang Hunain kepada mualaf kaum Quraisy sebanyak 100 ekor unta.⁸⁰

Pada zaman pemerintahan khalifah pertama, Abu Bakar masih meneruskan pemberian zakat kepada mualaf. Beliau pernah memberi zakat berbentuk ternakan kepada ‘Ādī bin Ḥātim dengan jumlah 300 ekor kambing dan 30 ekor unta.⁸¹ Selain daripada itu, ‘Uyaynah bin Ḥiṣn dan al-Aqra’ bin Ḥābis pernah memohon zakat berbentuk tanah daripada Abu Bakar namun telah dihalang oleh Umar.⁸²

Ketika zaman pemerintahan Umar, beliau tidak lagi mengagihkan zakat kepada mualaf sebagaimana yang pernah dilakukan oleh pemerintah sebelumnya iaitu Nabi Muhammad dan Abu Bakar. Perbuatan Umar kelihatan bercanggah dengan amalan pemerintah sebelumnya dalam soal agihan zakat terhadap asnaf mualaf. Namun begitu, Umar pernah memberikan dua bekas berisi makanan kepada anak perempuan Khafāf bin Īmā’ al-Ghifārī ketika zaman pemerintahan beliau.⁸³

Agihan zakat pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad dan para sahabat kepada mualaf adalah dalam bentuk emas, haiwan ternakan, tanah dan makanan. Bentuk agihan zakat mula berubah apabila mazhab Ḥanafī mengharuskan pembayaran zakat dalam bentuk matawang bagi memudahkan urusan pembayaran dan pengagihan zakat.⁸⁴ Pandangan ini turut diketengahkan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī serta dipraktikkan oleh pusat zakat negeri di Malaysia.

Di Malaysia, bentuk bantuan zakat terhadap mualaf terdiri daripada bantuan secara langsung dan bantuan tidak langsung. Walaupun matawang merupakan asas kepada dana zakat namun Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Pusat Zakat yang

⁷⁹ Muḥammad ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī* (Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 3:269.

⁸⁰ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Zakāh, Bab I‘ṭā’i al-Mu’allaḥ al-Fatū Qulūbuhum ‘alā al-Islām, no.hadith 133. Lihat Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 2001), 4: 163.

⁸¹ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 2:606.

⁸² Al-Māwardī, *Tafsīr al-Māwardī*, 2:376.

⁸³ ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Raḥman al-Rawḍān, “Ta’līf al-Qulūb fī al-Da‘wā ilā Allah Ta‘ālā, Ḍawābiṭuhū wa Athāruhu” (Disertasi sarjana, Universiti Islam al-Imam Muhammad bin Saud, Arab Saudi, 1998), 62.

⁸⁴ Al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*, 2:979-980.

menguruskan agihan telah mempelbagaikan bentuk agihan berdasarkan keperluan muallaf. Secara umum, bentuk bantuan zakat yang disediakan oleh MAIN merangkumi aspek sosial, pendidikan, ekonomi, kebajikan dan dakwah.

Bantuan sosial meliputi bantuan kewangan bulanan atau sara diri, bantuan hari raya dan kebesaran Islam, bantuan sewa atau pembinaan rumah, bantuan perubatan, bantuan berkhatah dan bantuan perkahwinan. Dari aspek pendidikan, pihak pengurusan zakat memfokuskan kepada bantuan am persekolah dan bantuan dermasiswa untuk pelajar universiti. Dari aspek ekonomi, terdapat bantuan berbentuk modal perniagaan kepada muallaf dan bantuan sewa beli teksi bagi yang ingin memulakan perniagaan atau pekerjaan.

Melihat kepada aspek kebajikan, terdapat bantuan kecemasan bencana, saguhati memeluk Islam, bantuan guaman, bantuan deposit membeli motosikal OKU dan bantuan bulan Ramadan. Bantuan dari sudut dakwah pula merangkumi penganjuran kelas-kelas agama dan fardu ain, ceramah, kursus dakwah dan bantuan kewangan kepada badan-badan bukan kerajaan yang menjalankan program dakwah. Bantuan ini tidak disalurkan secara terus kepada muallaf, akan tetapi digunakan bagi membiayai kos-kos dalam merealisasikan agenda dakwah. Sehubungan dengan itu, terdapat juga bantuan elaun kepada muallaf yang menghadiri kelas bimbingan.

Lima aspek di atas merupakan teras agihan kepada muallaf namun begitu, bentuk bantuan hanyalah secara umum merangkumi semua pusat agihan zakat yang mana sebahagiannya di bawah pengurusan MAIN.⁸⁵ Adapun secara khusus, bantuan bergantung kepada bentuk yang ditawarkan oleh MAIN setiap negeri berdasarkan objektif yang telah digariskan. Namun begitu, bentuk agihan perlu menekankan aspek keagamaan dalam diri muallaf berdasarkan tiga asas utama iaitu kekuatan pegangan

⁸⁵ Azman Ab Rahman, Ummu Salamah Ahmad dan Tengku Mansur bin Tengku Zainal Abidin, "Skim Bantuan Zakat Kepada Muallaf oleh Institusi Zakat di Malaysia: Satu Tinjauan Awal" (Kertas kerja, Seminar Anatarabangsa Masjid, Zakat & Waqaf 2014(I-MAF), Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kuala Lumpur, 1-2 Disember 2014), 8-9.

akidah, pemahaman terhadap syariat Islam dan pengamalan akhlak sebagai seorang Islam.

Kesimpulan umum menunjukkan agihan zakat terhadap mualaf telah bermula pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad sehingga ke hari ini. Bantuan yang diberikan berbentuk matawang seperti dinar, ternakan seperti unta dan kambing serta harta seperti tanah. Kendatipun begitu, bentuk bantuan adalah berbeza di Malaysia ekoran peredaran masa dan melihat keperluan mualaf. Tindakan ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu tindakan yang dibuat oleh pemimpin ke atas rakyat adalah berdasarkan *maṣlahah*. Bentuk agihan umumnya terdiri daripada bantuan kewangan, perkhidmatan dan produktif terhadap nilai keagamaan. Bantuan ini selari dengan tujuan agihan zakat iaitu melembutkan hati dan meningkatkan keimanan.

Lanjutan perbincangan agihan zakat, Umar tidak mengagihkan zakat terhadap mualaf ketika pemerintahannya. Ini menunjukkan tindakan yang berlawanan dengan pemerintah sebelumnya iaitu Nabi Muhammad dan Abu Bakar. Perbezaan ini juga menyebabkan ulama berselisih pendapat dalam menentukan kedudukan mualaf sebagai asnaf selepas kewafatan Nabi Muhammad. Perbezaan ini akan dibincangkan dalam sub-topik yang seterusnya.

2.3.3 Kedudukan Mualaf Sebagai Asnaf Zakat Selepas Kewafatan Nabi

Kebanyakan ulama yang membicarakan tentang mualaf sebagai asnaf zakat turut menyentuh kedudukan mualaf selepas kewafatan Nabi Muhammad. Perbincangan ini boleh ditemui dalam kitab tafsir, sharah hadith dan juga fiqh. Ulama berselisih pendapat dalam menentukan kedudukan mualaf rentetan daripada perbezaan amalan sahabat dengan Nabi Muhammad.

Perselisihan dalam kalangan ulama menatijahkan dua pendapat utama. Pendapat pertama menyatakan mualaf masih kekal sebagai asnaf zakat. Pendapat ini

bersandarkan kepada perbuatan Nabi Muhammad yang masih meneruskan pemberian zakat kepada mualaf walaupun selepas *fathu makkah*.⁸⁶ Mualaf dikekalkan bertujuan melembutkan hati supaya menerima atau meneguhkan hati mereka terhadap Islam. Bahkan zakat berperanan mengurang atau menghalang kejahatan pemimpin kafir yang sering menyakiti orang Islam.⁸⁷

Pemberian zakat kepada mualaf adalah berdasarkan keperluan. Perkara ini perlu diputuskan oleh pemerintah setempat yang melihat keadaan mualaf sama ada perlu dijinakkan hati melalui pemberian ataupun tidak.⁸⁸ Sekiranya pemerintah tidak mengagihkan zakat kepada mualaf, hal ini kerana mereka melihat tiada keperluan untuk mengagihkan zakat pada ketika itu. Ia tidak bermaksud kelompok mualaf telah digugurkan sebagai asnaf zakat. Ini adalah antara pendapat al-Ḥasan dan pengikutnya⁸⁹ serta Abī Ja'far.⁹⁰

Pendapat kedua mengatakan mualaf telah digugurkan sebagai asnaf zakat selepas kewafatan Nabi Muhammad. Pengguguran bermula pada zaman pemerintahan Abu Bakar.⁹¹ Mualaf tidak lagi diberikan zakat, tidak sepertimana pada zaman Nabi Muhammad. Pendapat kedua bersandar kepada peristiwa apabila al-Aqra' bin Ḥābis al-Ḥanzalī dan 'Uyaynah bin Badr al-Fazārī datang menemui Abu Bakar bagi memohon zakat berupa sebidang tanah. Lalu ditulis bahagian untuk mereka namun kertas tersebut telah dirampas oleh Umar lalu berkata: "Pemberian ini diberikan Nabi Muhammad bertujuan menjinakkan hati namun kini Allah telah memuliakan Islam dan mencukupi sekiranya kamu tetap di atas jalan Islam, sekiranya tidak maka kelompok kamu akan

⁸⁶ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 2:349.

⁸⁷ Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, 2:71.

⁸⁸ Al-Qurtubī, *Al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qur'ān*, 4:509.

⁸⁹ Al-Māwardī, *Tafsīr al-Māwardī*, 2:376.

⁹⁰ Abī Ja'far al-Nuḥās, *Ma'ānī al-Qur'ān* (Kāherah : Dār al-Ḥadīth, 2004), 1: 453-454.

⁹¹ Shihābuddīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūḥ al-Ma'ānī Fī Tafsīr Al-Qur'ān al-'Azīm wa al-Sab'u Mathānī* (Bayrut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, 1999), 9:436.

diperangi dengan pedang”.⁹² Terdapat keadaan di mana Umar tidak lagi memberikan zakat kepada mualaf.⁹³

Diriwayatkan daripada Ḥisān bin ‘Atiyyah berkata: saidina Umar menyatakan bahawa beliau didatangi oleh ‘Uyaynah bin Ḥiṣn yang meminta bantuan zakat bahagian mualaf, maka saidina Umar menyebut sesungguhnya Allah telah mengurniakan kekayaan kepada *فليؤمن ومن شاء فليؤمن*engkau. Lalu saidina Umar membaca ayat

Pendapat kedua melihat tiada lagi keperluan untuk memberikan zakat kepada mualaf kerana Allah telah memuliakan Islam dan penganutnya serta menguatkan Islam dengan bilangan umat yang ramai.⁹⁴ Zakat diberikan ketika permulaan Islam kepada mualaf terutama orang kafir kerana situasi umat Islam yang sedikit dan lemah manakala orang kafir terlalu ramai dan kuat.⁹⁵ Kekuatan orang kafir pada ketika itu mampu untuk menghapuskan agama Islam yang baru berkembang. Zakat menjadi satu keperluan untuk menarik orang kafir bagi menganut Islam atau sekurang-kurangnya mesra terhadap Islam. Keadaan ini berbeza dengan situasi sekarang apabila Allah telah meramaikan bilangan umat Islam dan meluaskan pengaruh agama Islam. Ini menunjukkan keperluan untuk *ta’līf al-qulūb* sebagai ‘illah pemberian zakat kepada mualaf telahpun tiada. Ini adalah pendapat Umar, al-Ḥasan,⁹⁶ Ṣufyān al-Thawrī, ahli Kufah, Aḥmad, Ishāk⁹⁷ Amīr al-Sha‘bī, dan kumpulan mereka.

Secara literal, perbuatan sahabat yang tidak mengagihkan zakat kepada mualaf telah bercanggah dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad sepanjang pemerintahan Baginda. Ia juga seolah-olah menyalahi apa yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Tambahan pula, tidak dijumpai satu bukti yang menunjukkan perintah mengagihkan zakat terhadap mualaf telah dinasakh oleh mana-mana dalil

⁹² *Ibid.*

⁹³ Al-Māwardī, *Tafsīr al-Māwardī*, 2:376.

⁹⁴ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 2:349.

⁹⁵ Ibn ‘Abd al-Barr, *Al-Istidhkār* (Kāherah: Dār al-Wa‘yu, 1993), 9:218.

⁹⁶ Al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ Al-Aḥkām al-Qur’ān*, 4:509.

⁹⁷ Al-Mubārakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī*, 3:270-271.

melainkan perbuatan Umar yang menghalang beberapa orang mualaf bagi mendapatkan bantuan zakat.

Selain itu, kedua-dua pendapat menekankan aspek keperluan dalam menentukan kedudukan mualaf. Pendapat pertama melihat terdapat keperluan untuk terus memberi zakat bagi menjinakkan hati atau meningkatkan keimanan. Manakala pendapat kedua pula merasakan tiada keperluan ekoran 'illah agihan iaitu *ta'lif al-qulūb* telah tiada. Namun begitu, tiada keperluan pada satu ketika tidaklah bermaksud digugurkan kerana dikhuatiri diperlukan pada ketika yang lain. Ini kerana perbuatan saidina Umar yang tidak mengagihkan zakat kepada mualaf pada zaman pemerintahan beliau kerana tiada keperluan lantaran Islam telah menjadi kuat atau objektif agihan telah tercapai.⁹⁸ Ini tidak bererti mualaf telah digugurkan sebagai salah satu asnaf. Hal ini kerana *ta'lif al-qulūb* mengambil kira aspek kekuasaan Islam terhadap negara, kekuatan umat Islam dan masalah yang dilihat perlu oleh pemimpin negara.⁹⁹ Tambahan lagi, Islam pada masa kini telah kembali menjadi asing. Sekalipun bilangan umat Islam semakin ramai, namun penguasaan mereka terhadap negara dan dunia sangat lemah. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah:

بدأ الإسلامُ غريباً، وسيعودُ كما بدأ غريباً، فطوبى للغرباء

Terjemahan: Islam mula tersebar dalam keadaan dagang (asing). Dan ia akan kembali asing pula. Maka beruntunglah orang-orang yang asing.¹⁰⁰

Kesimpulan perbincangan menunjukkan kedudukan mualaf masih kekal sebagai asnaf yang layak menerima zakat. Ini kerana seruan dakwah kepada mualaf terhadap Islam tidak pernah terputus.¹⁰¹

⁹⁸ Ibn al-Qudāmah, *al-Mughnī*, 4:94

⁹⁹ Abdullah Nāsih 'Ulwān, *Ahkām al-Zakāt 'alā Ḍaw'i al-Madhāhib al-Arba'ah* (Kāherah: Dār al-Salām, 2007) 51.

¹⁰⁰ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Īmān, Bab Bayān anna al-Islām Bada'ā Gharībān wa Saya' ūdu Gharībān, Ya'ruzu Bayna al-Masjidaini, no. Hadith 372. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Riyād: Dar al-Salām lil Nashr wa al-Tawzī', 1998), 74.

¹⁰¹ 'Uthmān Ḥussayn 'Abdullah, *Al-Zakāh al-Ḍamān al-Ijtimā'ī al-Islāmiyy* (Mansūrah: Dār al-Wafā', 1989), 135.

2.4 KAEDAH AGIHAN ZAKAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

2.4.1 Konsep Agihan Zakat Terhadap Mualaf

Konsep ialah pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu.¹⁰² Konsep zakat sama ada kutipan atau agihan terbentuk daripada sistem yang unggul iaitu *al-dīn* yang terdapat di dalamnya nilai-nilai hukum, disiplin, dan peraturan yang mengawasi perjalanan sistem yang telah ditetapkan oleh Allah.¹⁰³ Asas utama pembentukan konsep agihan zakat adalah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana suruhan mengagihkan zakat terhadap asnaf terkandung dalam al-Quran manakala pelaksanaan telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad.

Terdapat beberapa konsep yang dikenalpasti menjadi dasar agihan zakat. Kebajikan asnaf dijaga oleh pihak pengurusan zakat sesuai dengan suruhan mengagihkan zakat dalam surah al-Taubah. Ini adalah konsep takaful yang diertikan sebagai tanggungjawab sosial kepada golongan yang memerlukan.¹⁰⁴ Ini termasuk kepada asnaf mualaf.

Dari sudut bantuan, terdapat konsep agihan secara langsung dan agihan secara tidak langsung.¹⁰⁵ Agihan secara langsung merupakan bantuan yang diberikan secara terus kepada asnaf. Ini merangkumi bantuan berbentuk matawang, binatang ternakan, tanaman dan tanah. Agihan secara tidak langsung pula adalah pemberian bantuan melalui program yang boleh memberi kesan dalam jangka panjang kepada asnaf. Bantuan disalurkan kepada badan atau institusi yang menguruskan kelas bimbingan atau program. Melalui konsep ini, mualaf menerima manfaat hasil daripada bantuan zakat tersebut.

¹⁰² Laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 16 Sept 2017, prpm.dpb.gov.my/cari1?keyword=Konsep.

¹⁰³ Hailani Muji Tahir, "Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 3, No. 1 (2009), 36.

¹⁰⁴ Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin dan Mahadi Mohammad, "The Philosophy and Elasticity of Zakah Distribution in Islam," *International Journal of Education and Research* 1, no. 8 (Ogos 2013), 4.

¹⁰⁵ Mohd. Parid Shaikh Ahmad, "Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam," dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001), 17-18.

Selain daripada itu, zakat terhadap mualaf adalah bertujuan pembinaan ummah dan pemeliharaan martabat manusia berdasarkan konsep produktif.¹⁰⁶ Zakat produktif yang perlu ditekankan adalah dari sudut nilai keagamaan yang boleh mengembangkan potensi asnaf mualaf ke arah kehidupan yang lebih baik dan sejahtera.¹⁰⁷ Ini selari dengan matlamat agihan terhadap mualaf iaitu meningkatkan keimanan mereka terhadap Islam.

Konsep yang menjadi tunjang dalam pengagihan zakat terhadap mualaf ialah konsep takaful, agihan secara langsung dan tidak langsung serta produktif. Konsep ini diaplikasi bagi mencapai semaksima mungkin tujuan agihan terhadap mualaf.

2.4.2 *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam Agihan Zakat Terhadap Mualaf

Maqāṣid al-sharī'ah menurut Ibn 'Āshūr ialah makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil kira oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian daripada aspek pensyariatannya. Ia tidak dikhususkan kepada hukum-hukum tertentu sahaja dari hukum-hukum syariat bahkan merangkumi sifat-sifat syariat dan motifnya secara umum serta makna-makna yang tidak sunyi dari pemerhatian syarak.¹⁰⁸ Secara umum, matlamat utama pensyariatan dalam agama Islam secara umum adalah untuk mencapai kebaikan (*maṣlahah*) dan menolak keburukan (*mafsadah*).

Syariat diciptakan bertujuan menjamin kepentingan manusia sentiasa dalam keadaan terjaga dan terpelihara. Menurut perspektif syarak, tahap kepentingan yang perlu dijaga dan dipelihara terbahagi kepada tiga peringkat iaitu *al-darūriyyat*, *al-ḥājiyyat* dan *al-taḥṣīniyyat*.¹⁰⁹ *Al-darūriyyat* merupakan keperluan untuk membangunkan *maṣlahah* terhadap agama dan kehidupan manusia. Sekiranya

¹⁰⁶ Rahisam Ramli, "Mekanisma Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa" (Proceedings of World Universities' Islamic Philanthropy Conference, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Menara Bank Islam, Kuala Lumpur, Disember 2013), 4.

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ Muḥammad al-Ṭāhir bin 'Āshūr, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Kāherah: Dār al-Salām, 2005), 55.

¹⁰⁹ Abī Ishāk Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭibi, *Al-Muwāfaqāt* ('Arab Sa'ūdī: Dār Ibn 'Affān li Nashr wa al-Tawzī', 1997), 2:17.

maṣlahah terhadap agama dan kehidupan tidak ada, maka berlaku kerosakan, kepincangan dalam hidup dan menjadi orang yang rugi di akhirat nanti. *Al-daruriyyat* terdiri daripada perkara-perkara utama dalam agama yang disebut sebagai *al-darūriyyat al-khams*. *Al-darūriyyat al-khams* merangkumi pemeliharaan terhadap agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.¹¹⁰

Al-Ḥājiyyat pula ialah *maṣlahah* yang diperlukan oleh manusia untuk memberi kemudahan kepada mereka bagi menghapuskan kesulitan dan kesukaran. Namun ketiadaan *maṣlahah* ini tidak membawa kepada kepincangan hidup, akan tetapi menyebabkan kesulitan dalam hidup manusia.¹¹¹ *Al-Taḥsīniyyat* ialah *maṣlahah* yang diperlukan oleh manusia bagi menambah kemudahan dan kesenangan dalam hidup. Ketidadaan *maṣlahah al-taḥsīniyyat* tidak membawa kepada kepincangan hidup seperti *al-darūriyyat* ataupun kesukaran hidup seperti *al-ḥājiyyat*, akan tetapi ia boleh membawa kepada kehidupan yang keji menurut pandangan orang yang berakal.¹¹²

Dalam agihan zakat terhadap asnaf, penekanan perlu diberikan bagi mencapai matlamat pensyariatian dalam Islam iaitu menggapai kebaikan dan menolak keburukan. Dalam erti kata lain, matlamat agihan hendaklah memberi kebaikan kepada Islam dan menolak keburukan terhadap Islam. Adapun secara khusus terhadap asnaf mualaf, ulama menekankan matlamat *ta'līf al-qulūb* iaitu menjinak serta melembutkan hati mualaf atau meningkatkan keimanan mualaf. *Ta'līf al-qulūb* dijadikan asas dalam menentukan ciri-ciri mualaf dan bentuk agihan yang ingin diberi. Hal ini supaya matlamat *ta'līf al-qulūb* dalam agihan zakat akan tercapai dan memberi *maṣlahah* kepada agama Islam itu sendiri.

Oleh kerana al-Quran tidak menghurai definisi mualaf secara jelas, ulama telah meletakkan ciri-ciri mualaf berpandukan tafsir al-Quran dan hadith. Perkara ini telah dihurai secara terperinci dalam bab konsep mualaf. Secara umum, semua ciri-ciri

¹¹⁰ *Ibid.*, 2:20.

¹¹¹ *Ibid.*, 2:21.

¹¹² *Ibid.*, 2:22.

mualaf menepati maqāṣid *ta'lif al-qulūb*. Mualaf terbahagi kepada dua kelompok iaitu beragama Islam dan kafir. Pemberian zakat terhadap mualaf beragama Islam seperti baru memeluk Islam, keimanan yang masih lemah, tujuan pemeluk yang lemah dan mereka yang mendiami dalam kawasan orang kafir adalah untuk meningkatkan keimanan dalam diri mereka. Hal ini supaya mereka tetap berada dalam agama Islam dan terhindar daripada ancaman murtad. Memastikan mualaf tidak terjebak ke kancah murtad merupakan perkara *al-darūriyyat* dalam Islam.

Agihan zakat terhadap pemimpin yang dihormati dan berpengaruh adalah untuk menarik minat pengikut mereka supaya memeluk Islam. Sebagai contoh, Nabi Muhammad mengagihkan emas kepada empat orang pemimpin Arab iaitu al-Aqra' bin Hābis al-Ḥanzalī, 'Uyaynah bin Badr al-Fazārī, Zaid al-Ṭā'ī dan 'Alqamah bin 'Ulāthah al-'Āmirī. Nabi Muhammad mensasarkan golongan pemimpin sebagai asnaf merupakan strategi politik yang baik bagi menambah bilangan umat Islam pada ketika itu. Pemberian zakat kepada orang Islam yang tinggal di perbatasan kerana menjaga keselamatan dan orang Islam yang bertugas sebagai pemungut zakat daripada mereka yang enggan membayarnya adalah bertujuan memberi galakan dan penghargaan kerana membantu gerak kerja Islam.

Agihan zakat kepada orang kafir adalah bertujuan melembutkan hati mereka terhadap Islam, mengharapkan kebaikan dan menolak kejahatan mereka terhadap umat Islam. Mereka adalah golongan yang perlu dijinakkan dengan jalan pemberian bukan paksaan atau peperangan. Nabi Muhammad pernah memberikan zakat kepada Ṣafwān bin Umayyah bagi tujuan melembutkan hatinya.

Daripada Ṣafwān bin Umayyah berkata:

أعطاني رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ حُنَيْنٍ ، وَإِنَّهُ لَأَبْعَضُ الْخَلْقِ إِلَيَّ ، فَمَا زَالَ يعطيني ،
حَتَّى إِنَّهُ لَأَحَبُّ الْخَلْقِ إِلَيَّ

Terjemahan: Rasulullah SAW memberi pemberian kepadaku ketika perang Hunain sedangkan Baginda menjadi orang yang paling aku

benci. Pemberian itu berterusan sehingga Baginda menjadi orang yang dicintai oleh ku.¹¹³

Hadith di atas menunjukkan kesan positif pemberian terhadap mualaf kafir. Pemberian secara berterusan berjaya menghilangkan perasaan benci Şafwān bin Umayyah terhadap Nabi Muhammad. Selain itu, terdapat juga ulama yang memasukkan golongan pemimpin yang berpengaruh, ramai pengikut dan kuat sebagai asnaf bagi melembutkan hati mereka terhadap Islam dan mengharapkan pengislaman mereka serta pengikutnya sepertimana Abī Sufyān bin Ḥarb, ‘Uyaynah bin Badr, al-Aqra‘ bin Ḥābis, al-‘Abbās bin Mirdās, Mālik bin ‘Auf dan Ḥakīm bin Ḥizām.

Secara jelas, penentuan ciri-ciri mualaf adalah berdasarkan matlamat *ta’līf al-qulūb* sama ada untuk menjinakkan hati atau meningkatkan keimanan atau mengharapkan kebaikan atau menolak kejahatan mereka. Pemberian zakat terhadap mualaf merupakan satu dakwah bagi mencapai matlamat *ta’līf al-qulūb*. Pencapaian ini sekaligus menjaga matlamat utama pensyariatan dalam Islam sama ada menggapai kebaikan atau menolak keburukan.

2.5 KESIMPULAN

Mualaf merupakan salah satu asnaf yang layak menerima zakat. Pembahagian ini telah disebut dalam surah al-Taubah ayat 60. Mualaf terdiri daripada orang Islam dan kafir. Tujuan agihan zakat kepada mualaf orang Islam adalah untuk meningkatkan keimanan mereka manakala menjinak atau melembutkan hati bagi orang kafir. Pada zaman Nabi Muhammad, bantuan zakat kepada mualaf terdiri daripada emas, haiwan ternakan, tanah dan makanan. Di Malaysia, bantuan telah dipelbagaikan menurut keperluan mualaf seperti bantuan dari aspek sosial, pendidikan, ekonomi, kebajikan dan dakwah.

¹¹³ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Zakāh, Bab Mā Jā’a fī I’tā’i al-Mu’allafati Qulūbuhum, no.hadith 666. Lihat Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah, *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ wahuwa Sunan al-Tirmidhī* (Miṣr: Shirkah Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1976), 3: 44.

BAB TIGA
AGIHAN ZAKAT TERHADAP MUALAF ORANG ASAL DI NEGERI
PAHANG

3.1 PENGENALAN

Pengurusan zakat di negeri Pahang terletak di bawah kuasa Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) selaku badan berkanun yang menjaga hal ehwal agama Islam di Pahang. MUIP diiktiraf sebagai badan yang berkuasa untuk mengutip¹ dan mengagih dana zakat. MUIP mengagih zakat kepada lapan asnaf yang terdapat di Pahang termasuk asnaf mualaf Orang Asal. Bentuk bantuan yang disediakan oleh MUIP kepada asnaf mualaf merangkumi bantuan sara diri, bantuan produktif terhadap nilai keagamaan dan bantuan am. Terdapat bantuan yang diterima secara langsung oleh mualaf dan juga bantuan yang diterima secara tidak langsung.

3.2 LATAR BELAKANG MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)

3.2.1 Sejarah Penubuhan MUIP

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) ditubuhkan pada tahun 1962 dengan nama Majlis Anggota Islam Pahang. Kemudian bertukar kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang sebelum kekal dengan nama yang sedia ada sehingga sekarang. MUIP lebih mesra dengan panggilan Majlis dalam kalangan kakitangan mahupun masyarakat awam. Hierarki pentadbiran MUIP ketika awal penubuhan dinaungi oleh Yang Amat Mulia Tengku Besar Sulaiman kemudian diganti oleh Sultan Haji Ahmad Shah al-Mustai'in Billah ibni al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayattudin al-Muadzam Shah pada 8 Mei 1974.²

¹ Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Pahang (No.6/1991).

² "Sejarah MUIP", Laman Web Rasmi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, dikemaskini 18 Ogos 2016, dicapai 24 Ogos 2016, <http://www.muip.gov.my/v3/index.php/mengenal-kami/sejarah-muip>.


Bermula 1 November 1984, jawatan Yang Dipertua Majlis telah diserahkan kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dan kekal menerajui MUIP sehingga hari ini. Pusat pentadbiran MUIP yang terletak di Jalan Istana Permai Pekan mula dibina pada 21 Oktober 2002 dan siap sepenuhnya pada 5 Julai 2006. Berfungsi sebagai ibu pejabat utama MUIP, pembinaan ini telah menelan kos perbelanjaan sebanyak RM 13.85 juta hasil sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan dan dana MUIP sendiri. Bangunan pusat pentadbiran MUIP dinamakan sebagai Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah telah dirasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada tanggal 21 Jun 2007.³

MUIP ditugaskan untuk menjaga dan menyelia urusan baitulmal, wakaf, zakat dan pelaburan sesuai dengan visi yang dibawa iaitu 'Menjadi Institusi Pengurusan Hal Ehwal Islam Yang Cepak dan Terunggul'. MUIP mempunyai 14 cawangan yang merangkumi Cameron Highlands, Kuala Lipis, Jerantut, Kuantan, Pekan, Rompin, Muadzam Shah, Maran, Jengka, Chenor, Temerloh, Raub, Bentong dan Bera. Penubuhan ini bertujuan memudahkan segala urusan yang melibatkan cawangan tersebut. MUIP juga memiliki sebuah pejabat saham wakaf serta sebuah kompleks asnaf yang terletak di daerah Kuantan.

³ *Ibid.*

3.2.2 Struktur Organisasi Pentadbiran

Jadual 3.1 Carta Organisasi Pentadbiran MUIP



Sumber: Laman Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

Jadual 3.1 menunjukkan carta organisasi pentadbiran MUIP yang dipimpin oleh Tengku Abdullah Al-Haj Ibn Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan dibantu oleh Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Bin Haji Wan Hassan serta Dato' Ahmad Hairi Bin Hussain. Pentadbiran MUIP disokong lima bahagian utama yang bertindak melicinkan gerak kerja di peringkat MUIP. Ia terdiri daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Akaun dan Kewangan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Baitulmal, Wakaf dan Pelaburan serta Bahagian Zakat.

Dalam kajian ini, hanya Bahagian Zakat sahaja yang disentuh bersesuaian dengan skop kajian. Bahagian Zakat mempunyai empat unit yang terdiri daripada Unit Fakir atau Miskin dan Am, Unit Pendidikan, Unit Pembangunan Asnaf dan Unit

Dakwah dan Muallaf. Berdasarkan empat unit di atas, cuma Unit Dakwah dan Muallaf sahaja yang akan diperinci kerana berkaitan dengan kajian ini.

Unit Dakwah dan Muallaf berperanan mengurus perkara berkaitan agihan bantuan kepada muallaf. Unit ini bertindak sebagai pengurus pendaftaran, kebajikan dan pendidikan muallaf. Selaku pembimbing utama muallaf, Unit Dakwah dan Muallaf menyalurkan bantuan zakat kepada muallaf melalui MUIP cawangan bagi memudahkan urusan agihan. Unit ini juga berfungsi menyebarkan dakwah kepada masyarakat bukan Islam dengan memberi kefahaman berkenaan Islam melalui program-program yang diadakan.⁴ Hasil usaha Unit Dakwah dan Muallaf dalam menyebarkan Islam, telah ramai *non muslim* yang memeluk Islam di Pahang terutama Orang Asal.

3.3 ORANG ASAL DI NEGERI PAHANG

3.3.1 Sejarah Orang Asal

Orang Asal merupakan salah satu etnik minoriti yang mendiami Malaysia. Istilah Orang Asal mula diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia bagi menggantikan gelaran *aborigines* yang digunapakai oleh kerajaan Inggeris sebelum ini. Penggantian ini disebabkan gelaran *aborigines* membawa konotasi yang menjurus kepada bentuk penghinaan dan bersifat merendah-rendahkan Orang Asal. Mereka digambarkan sebagai kumpulan yang mundur, tidak maju dan bersikap primitif. Adapun istilah Orang Asal yang dicadangkan oleh kerajaan Malaysia tidak bermaksud sebegitu.⁵ Cadangan ini disambut baik oleh semua pihak sama ada Orang Asal mahupun bukan Orang Asal dan dikekalkan sehingga hari ini.

Seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) menyebut penetapan istilah dan kelayakan untuk seseorang dikatakan sebahagian daripada komuniti Orang Asal.

⁴ Penulis tidak diketahui "Laporan Tahunan 2011" (Laporan, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, t.t), 76.

⁵ Iskandar Carey, *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), 3.

Mereka perlu mempunyai salah satu kriteria seperti berikut bagi membuktikan bahawa mereka merupakan komuniti Orang Asal.

1. Sesiapa yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asal, yang bertutur menggunakan bahasa Orang Asal dan mengikut cara hidup serta adat kepercayaan Orang Asal.
2. Sesiapa yang ketika masih kecil dijadikan sebagai anak angkat oleh Orang Asal serta dibesarkan dengan kehidupan sebagai Orang asal di mana lazimnya bercakap bahasa Orang Asal dan mengikut cara hidup serta adat kepercayaan Orang Asal.
3. Mereka adalah anak hasil mana-mana penyatuan perkahwinan di antara pihak perempuan Orang Asal dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain. Walau bagaimanapun, anak itu disyaratkan bertutur menggunakan bahasa Orang Asal dan mengikut kepercayaan Orang Asal.⁶

Orang Asal didapati berada di setiap negeri di semenanjung Malaysia kecuali Pulau Pinang dan Perlis. Statistik yang dikeluarkan pada tahun 2014 menunjukkan telah ada seramai 178,197 Orang Asal yang tinggal di sekitar semenanjung Malaysia.⁷ Negeri Pahang mempunyai penduduk Orang Asal paling ramai dan diikuti Perak serta Selangor.

3.3.2 Kaum dan Suku Orang Asal

i) Kaum Orang Asal

Jadual 3.2 Jenis Kaum Orang Asal di Malaysia

Kaum Orang Asal		
Negrito	Senoi	Melayu Proto

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

⁶ Pengenalan Orang Asli, Laman Sesawang Jabatan Kemajuan Orang Asli, dikemaskini 17 Jun 2016, dicapai 17 Jun 2016, www.jakoa.gov.my.

⁷ Statistik Orang Asli 2014, Laman Sesawang Portal Rasmi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dikemaskini 19 Jun 2016, dicapai 19 Jun 2016, <http://www.rurallink.gov.my/#>.

Terdapat tiga kaum dalam hierarki Orang Asal iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Ketiga-tiga kaum ini berbeza berdasarkan ciri-ciri fizikal, bahasa, kepercayaan dan juga ekonomi. Walau bagaimanapun, penulis terawal yang mengkaji berkenaan Orang Asal seperti De Quatrefages, De Mogan dan Vaughan-Stevens berpegang bahawa Orang Asal hanya mempunyai satu etnik sahaja iaitu Negrito. Adapun perbezaan dari sudut bahasa dan budaya antara satu sama lain dalam kalangan mereka adalah kerana berlaku perkahwinan campur di antara masyarakat Orang Asal dengan bukan Orang Asal seperti Melayu, Thailand, Papua bahkan Negro dari Afrika.⁸ Pendapat di atas ditolak oleh Iskandar Carey dengan menganggap ini adalah khayalan yang direka-reka.⁹

a) Kaum Negrito

Perkataan Negrito bukanlah panggilan asal untuk kumpulan mereka bahkan baru mula digunakan awal tahun 1970. Ini kerana kaum Negrito dahulu dikenali dengan panggilan *Semang* atau *Pangan* yang bermaksud orang hutan atau orang yang berhutang.¹⁰ Perkataan Negrito membawa maksud *little negro* atau negro kerdil yang merujuk kepada keadaan fizikal mereka yang kecil dan rendah berbanding etnik lain.

Bentuk fizikal kaum Negrito mudah dikenali kerana berbeza daripada kaum Senoi dan Melayu-Proto. Majoriti kaum Negrito kelihatan kecil dan rendah sekitar lima kaki ke bawah. Walaupun begitu, masih terdapat mereka yang mempunyai ketinggian lima kaki ke atas namun jarang dijumpai. Warna kulit mereka mirip seperti warna tembaga gelap dan juga hitam, bahkan lebih gelap berbanding kaum Senoi. Selain itu, mereka juga mempunyai hidung yang besar, bermata bulat dan tulang pipi yang rendah. Oleh kerana mempunyai rambut yang kusut dan kerinting, mereka dilihat seperti kebanyakan orang Afrika Timur mahupun Orang Asal Papua yang berada di New Guinea.¹¹

⁸ Carey, *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, 12.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*, 14

¹¹ Carey, "Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia", 15.

Bilangan kaum Negrito adalah paling sedikit dengan jumlah 5000 orang pada tahun 2014. Mereka berada di setiap negeri di semenanjung kecuali Negeri Sembilan.¹²

b) Kaum Senoi

Sebagaimana perbincangan perkataan Negrito di atas, perkataan Senoi juga bukanlah perkataan asal gelaran bagi mereka. Mereka digelar *Sakai* semenjak pemerintahan tentera British di Tanah Melayu.¹³ Gelaran ini mempunyai unsur berbentuk penindasan terhadap mereka kerana ia membawa erti hamba, orang suruhan atau pengikut.¹⁴ Walhal secara realiti, Orang Asal tidak berstatus hamba bahkan diberi pengiktirafan sebagai pribumi oleh kerajaan Malaysia. Perkataan Senoi diambil daripada bahasa suku Temiar yang bermaksud orang atau manusia.¹⁵

Terdapat perbezaan pendapat dalam menentukan asal-usul kaum Senoi. Sebahagian berpegang bahawa mereka berasal dari Mon-Khmer yang terletak di Kemboja dan Vietnam berdasarkan wujud keserasian antara dialek kaum Senoi dengan bahasa Khmer. Manakala, sebahagian lagi berpendapat mereka berasal dari Vedda dan sebahagian yang tinggal di selatan India dan Ceylon. Ini disebabkan faktor penampilan fizikal yang hampir sama. Oleh kerana tiada bukti kukuh yang menyokong teori yang dibawa oleh dua kelompok di atas, maka spekulasi ini ditinggalkan dan tidak lagi dibahas.¹⁶

Sambungan perbincangan di atas, Amran Kasimin cenderung kepada pendapat pertama yang meletakkan kaum Senoi berasal dari Mon-Khmer. Ini berdasarkan faktor bahasa Kaum Senoi yang boleh dihubungkan dengan bahasa Mon yang digunapakai oleh masyarakat Mon di Burma. Begitu juga soal bentuk fizikal yang mirip menyerupai

¹² Statistik Orang Asli 2014, Laman Sesawang Portal Rasmi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dikemaskini 19 Jun 2016, dicapai 19 Jun 2016, <http://www.rurallink.gov.my/#>.

¹³ Carey, "Orang Asli *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*", 3.

¹⁴ *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1368, entri "sakai". Lihat juga Carey, "Orang Asli *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*", 3.

¹⁵ Carey, "Orang Asli *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*", 17.

¹⁶ *Ibid.*, 18-19.

suku kaum di Kemboja yang berkulit coklat kekuningan berbanding Orang Asal di India Selatan yang berkulit hitam.¹⁷

Kaum Senoi mempunyai kulit yang lebih cerah dan rambut yang berwarna hitam serta berombak. Akan tetapi, masih juga terdapat dalam kalangan mereka yang mempunyai rambut berwarna coklat mahupun merah. Kaum Senoi mempunyai tubuh badan yang lebih tinggi berbanding kaum Negrito bahkan menyamai ketinggian kebanyakan masyarakat Melayu pada hari ini.¹⁸ Penelitian terhadap fizikal memperlihatkan mereka menyerupai masyarakat Melayu bahkan sukar untuk dibezakan melainkan cara pemakaian dan bahasa harian. Pada tahun 2014, terdapat 97,856 Orang Asal kaum Senoi di setiap negeri di Semenanjung terutama Perak dan Pahang.¹⁹

c) Kaum Melayu-Proto

Kaum Melayu-Proto atau Melayu Asli adalah gelaran yang menggantikan panggilan *Jakun* sebelum ini. Definisi perkataan *Jakun* secara tepat tidak dijumpai kerana tidak diketahui asal usul perkataan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat Orang Asal yang menggunakan perkataan *jak* atau *jah* yang bermaksud orang atau manusia. Dengan ini boleh dikatakan maksud bagi perkataan *Jakun* adalah orang dalam sebagaimana mereka juga memperkenalkan diri dengan gelaran tersebut.²⁰

Kumpulan ini dikatakan mula memasuki Malaysia kira-kira 4000 tahun dahulu namun tidak dapat dibuktikan secara saintifik teori yang dikemukakan. Namun, ketibaan mereka lebih lewat berbanding kaum Negrito dan Senoi.²¹ Kaum Melayu-Proto tidak mempunyai bahasa sendiri bahkan menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa

¹⁷ Amran Kasimin, *Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu*, terj. Padilah Haji Ali (Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 8-9.

¹⁸ Carey, "Orang Asli *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*", 17-18.

¹⁹ Statistik Orang Asli 2014, Laman Sesawang Portal Rasmi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dikemaskini 19 Jun 2016, dicapai 19 Jun 2016, <http://www.rurallink.gov.my/#>.

²⁰ Carey, "Orang Asli *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*", 21.

²¹ *Ibid.*, 22.

pertuturan harian. Ini disebabkan oleh kedudukan geografi kumpulan mereka yang lebih terdedah kepada arus perdana dan pergaulan bersama masyarakat Melayu.²²

Dari sudut fizikal, mereka lebih mirip menyerupai masyarakat Melayu dalam beberapa keadaan. Mereka mempunyai warna kulit yang sedikit cerah dan coklat gelap serta rambut yang agak lurus. Terdapat kira-kira 75,332 orang kaum Melayu-Proto pada tahun 2014.²³ Mereka wujud di setiap negeri kecuali Kedah bahkan separuh daripada daripada mereka tinggal di pinggir dan pedalaman negeri Pahang.

Berdasarkan perbincangan di atas, Orang Asal mempunyai tiga kaum teras iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Ketiga-tiga kaum ini boleh dibezakan melalui pemerhatian terhadap aspek bentuk fizikal, bahasa yang digunakan sebagai pertuturan dan tempat tinggal. Bentuk fizikal mereka berbeza dari sudut ketinggian, rupa bentuk dan warna kulit kerana mereka berasal dari negara yang berlainan. Begitu juga dari sudut bahasa pertuturan. Adapun dari sudut demografi, kebanyakan kaum Negrito boleh ditemui di bahagian utara semenanjung manakala kaum Senoi berada di bahagian tengah dan kaum Melayu-Proto menetap di bahagian selatan.²⁴ Setiap kaum juga mempunyai beberapa suku yang akan diperincikan dalam perbincangan seterusnya.

ii) Suku Orang Asal

Jadual 3.3 Jenis Suku Orang Asal Mengikut Kaum

Kaum Orang Asal	Negrito	Senoi	Melayu-Proto
Suku Orang Asal	Kensiu	Temiar	Orang Kuala
	Kintak	Semai	Orang Kanaq
	Lanoh	Semoq Beri	Orang Seletar
	Jahai	Jah Hut	Jakun
	Mendriq	Mahmeri	Semelai
	Bateq	Che Wong	Temuan

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

²² *Ibid.*, 217.

²³ Statistik Orang Asli 2014, Laman Sesawang Portal Rasmi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dikemaskini 19 Jun 2016, dicapai 19 Jun 2016, <http://www.rurallink.gov.my/#>.

²⁴ Orang Asli di Malaysia, laman sesawang Wikipedia Bahasa Melayu, dicapai pada 21 Jun 2016, dikemaskini 1 Februari 2016, https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_Asl_i_Malaysia.

Berdasarkan tiga kaum teras yang telah diterangkan di atas, terdapat 18 suku yang berada di bawah tiga kaum tersebut. Kaum Negrito terdiri daripada suku Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Sementara itu, kaum Senoi terdiri daripada suku Temiar, Semai, Semoq Beri, Jah Hut, Mahmeri dan juga Che Wong. Manakala, kaum Melayu-Proto terdiri daripada suku Orang Kuala, Orang Kanaq, Orang Seletar, Jakun, Semelai dan juga Temuan.

Berdasarkan skop kajian yang memfokus terhadap negeri Pahang, hanya 8 suku sahaja yang dikenalpasti wujud di negeri ini. Bagi kaum Negrito, cuma suku Bateq sahaja yang ada manakala kaum Senoi terdiri daripada suku Semai, Semoq Beri, Jah Hut dan Che Wong. Dahulu, suku Temiar di bawah kaum Senoi wujud di Pahang namun telah pupus sejak kebelakangan ini.²⁵ Sementara itu, kaum Melayu-Proto mempunyai tiga suku yang merangkumi Jakun, Semelai dan Temuan.

(i) Suku Bateq

Suku Bateq merupakan suku minoriti yang berada di negeri Pahang. Bateq bermaksud orang menurut bahasa harian yang mereka gunakan. Penempatan suku Bateq bercampur dengan suku Semoq Beri daripada kaum Senoi sebagaimana di pedalaman Jerantut.²⁶ Namun begitu, suku Semoq Beri mendominasi kawasan kerana kelompok mereka lebih ramai. Sekalipun mereka daripada suku yang berbeza, namun hubungan mereka sangat baik. Bahkan, terdapat suku Bateq yang mengisytihar diri mereka dari suku Semoq Beri kerana tidak mahu dipandang rendah oleh kumpulan lain. Hal ini kerana, kaum Negrito dianggap mundur dan liar.²⁷ Kumpulan mereka boleh ditemui di pinggir dan pedalaman daerah Jerantut dengan jumlah mereka seramai 324 orang.²⁸

(ii) Suku Semai

²⁵ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, "Cabaran dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), Lampiran.

²⁶ Carey, "Orang Asli *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*", 31.

²⁷ *Ibid.*, 31-32.

²⁸ Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang.

Suku Semai merupakan suku majoriti di Pahang. Mereka menggelarkan diri sebagai *Mai Serak* atau *Mai Darat* yang bermaksud orang dalam. Bahasa harian yang digunakan mempunyai beberapa persamaan dengan bahasa suku Temiar akan tetapi masih boleh dibezakan. Suku Semai lebih maju berbanding suku Temiar atas beberapa faktor antaranya geografi. Ini kerana penempatan suku Semai terletak di pinggir bandar yang memudahkan mereka berhubung dengan dunia luar.²⁹ Suku Semai terdapat di pinggir dan pedalaman daerah Raub, Lipis dan Cameron Highland.

(iii) Suku Jah Hut

Suku Jah Hut merupakan suku ketiga terbesar selepas suku Semai. Perkataan Jah dalam bahasa mereka bermaksud orang manakala Hut bermaksud hutan. Dapat difahami di sini, maksud perkataan tersebut merujuk kepada orang yang tinggal di dalam hutan. Suku Jah Hut mendiami kawasan tanah rendah yang memudahkan mereka untuk berhubung dengan dunia luar. Mereka tidak mendiami rumah panjang sebagaimana suku yang lain, sebaliknya membina rumah yang berasingan untuk seisi keluarga.³⁰ Kebanyakan mereka tinggal di pinggir dan pedalaman daerah Temerloh dan Jerantut.

(iv) Suku Semoq Beri

Suku Semoq Beri antara salah satu suku minoriti. Perkataan Semoq Beri bererti orang hutan atau orang dusun. Mereka antara suku yang mempunyai budaya dan sistem ekonomi yang teratur. Ini kerana mereka hidup secara menetap di suatu kawasan dan melakukan pekerjaan menanam padi di sekitar penempatan. Dari sudut fizikal, mereka mempunyai ketinggian yang rendah dan berkulit hitam seperti kaum Negrito walaupun mereka daripada kelompok Senoi.³¹ Suku Semoq Beri menetap di pinggir daerah Maran, Temerloh dan juga pedalaman daerah Jerantut.

(v) Suku Che Wong

²⁹ Carey, "Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia", 131.

³⁰*Ibid.*, 135.

³¹*Ibid.*, 132-133

Suku Che Wong merupakan suku kedua terkecil selepas suku Bateq. Perkataan Che dalam bahasa harian mereka bermaksud orang manakala Wong pula bererti hutan.³² Selain menggunakan nama Che Wong, kadang-kadang mereka juga menggunakan nama *Si Wong* atau *Siwong* bagi tujuan memperkenalkan diri. Kumpulan mereka hanya boleh ditemui di pedalaman daerah Temerloh.

(vi) Suku Jakun

Suku Jakun merupakan suku terbesar di Pahang. Mereka merupakan penduduk asal Yunan yang terletak di Selatan China kemudian berhijrah ke Malaysia kira-kira 5000 tahun dahulu.³³ Perkataan Jakun berasal daripada dua suku kata iaitu *Jah* dan *Kun*. *Jah* bermakna orang manakala *Kun* bermaksud liar atau mundur. Oleh kerana perkataan tersebut berunsur diskriminasi dan bertujuan merendah-rendahkan kelompok mereka, hanya segelintir sahaja yang menisbahkan diri mereka berasal daripada suku Jakun. Kebiasaannya, mereka menggunakan gelaran *Orang Ulu* yang bermaksud orang yang menetap di hulu atau pedalaman. Mereka menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa pertuturan kerana tidak mempunyai bahasa tersendiri.³⁴ Majoriti tinggal di pinggir dan pedalaman daerah Rompin dan Pekan.³⁵

(vii) Suku Temuan

Sebelum nama Temuan diperkenalkan, mereka menggunakan istilah *Orang Dusun Tua* bagi memperkenalkan diri. Perkataan Temuan berasal daripada perkataan *temu* yang bermaksud jumpa atau simpang. Mereka juga menggunakan nama *Belandas* yang membawa erti yang sama. Namun begitu, Temuan lebih acap digunakan berbanding nama Belandas dan lebih dikenali dalam kelompok mereka. Sebagaimana suku Jakun, suku Temuan juga menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa pertuturan harian. Suku

³²*Ibid.*, 132.

³³ Siti Fatimah Sa'at dan Jama'yah Zakaria, "Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun," *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu dan Tamadun (Iman)* 1, no.1 (2013), 83.

³⁴ Carey, "Orang Asli *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*", 223.

³⁵ Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang.

Temuan mempunyai semangat kejiranan yang baik walaupun bersama suku yang lain berbanding suku Jakun yang hidup berpuak-puak.³⁶ Kebanyakan suku Temuan tinggal di pinggir dan pedalaman daerah Bentong dan Raub.³⁷

(viii) Suku Semelai

Suku Semelai dikenapasti berasal dari semenanjung Sumatra, Indonesia. Mereka bertutur menggunakan bahasa tersendiri yang terdiri daripada campuran bahasa melayu dan bukan bahasa melayu. Apabila diamati, sebahagian besar bahasa suku Semelai mirip menyerupai bahasa Mon-Khmer yang turut digunakan oleh suku Semai dan Semok Beri. Kendatipun suku Semelai berada dalam kaum Melayu-Proto, akan tetapi bahasa harian lebih cenderung menyerupai kaum Senoi.³⁸ Suku Semelai tinggal di pinggir dan pedalaman daerah Bera manakala sebahagian kecil menetap di pinggir daerah Temerloh.³⁹

Kesimpulan awal menunjukkan terdapat sembilan suku Orang Asal yang ada di Pahang. Suku terbesar ialah Jakun dan diikuti dengan Semai, Jah Hut, Temuan, Semelai, Semoq Beri, Che Wong dan akhirnya Bateq. Suku Temiar dari kaum Senoi pernah wujud dahulu namun telah pupus beberapa tahun yang lalu. Setiap suku mempunyai nama yang berbeza namun membawa maksud yang hampir sama. Nama setiap suku menggambarkan identiti tempat tinggal setiap kelompok.

3.3.3 Kepercayaan dan Agama Orang Asal

Kepercayaan bermaksud keyakinan atau akuan akan benarnya atau adanya atau berlakunya sesuatu.⁴⁰ Agama pula ialah kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifatNya serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran serta perintah-Nya atau satu bentuk

³⁶ Carey, "Orang Asli *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*", 240-241.

³⁷ Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang.

³⁸ Rohani Mohd Yusof dan Noor Hasnoor Mohamad Nor, "Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: Bahasa Atau Dialek Melayu" (Kertas kerja, Persidangan Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia, Kuching, 12-13 Oktober 2014). 1.

³⁹ Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang.

⁴⁰ *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, 1181, entri "kepercayaan"

kepercayaan pada yang Maha Kuasa.⁴¹ Ini menunjukkan kepercayaan dan agama saling berkaitan antara satu sama lain.

Pada permulaannya, Orang Asal tidak memeluk mana-mana agama tetapi berpegang kepada kepercayaan animisme. Animisme ialah kepercayaan bahawa terdapat roh-roh yang kekal mendiami pada objek yang tidak bernyawa seperti pokok mahupun batu ataupun pada fenomena semula jadi alam seperti guruh dan cahaya.⁴² Namun begitu, kefahaman kepercayaan terhadap animisme menurut tiga kaum teras Orang Asal adalah berbeza-beza.

Bagi kaum Negrito, mereka percaya bahawa alam ghaib dibahagikan kepada sejenis aturan berhierarki yang terdiri daripada beberapa peringkat. Setiap peringkat didiami oleh pelbagai jenis makhluk ghaib yang berbeza. Peringkat tertinggi dalam hierarki alam ghaib dikenali sebagai *Orang Hidup*. Istilah ini tidak merujuk kepada orang yang masih hidup akan tetapi kembali kepada makhluk ghaib yang bersifat abadi dalam kepercayaan mereka. Terdapat tiga asas yang penting bagi *Orang Hidup* iaitu *Tak Pedn*, *Karei* dan *Yak Manoi*. *Tak* dalam bahasa Kensiu bermaksud atuk manakala *Yak* pula bermaksud nenek. Ini menggambarkan tanda penghormatan kepada golongan yang lebih berusia dalam kalangan mereka.⁴³

Menurut suku Kensiu, *Karei* dianggap sebagai anak lelaki angkat *Tak Pedn* kerana menurut peraturan mereka, *Orang Hidup* tidak boleh menjadi bapa kepada sesiapa pun. *Tak Pedn* mencipta *Karei* dengan cara alam ghaib.⁴⁴ *Karei* cenderung untuk mengambil tahu dan mengikuti perkembangan hal ehwal kehidupan manusia. Keadaan ini mencetuskan kebimbangan *Karei* terhadap manusia hingga beritindak memperkenalkan peraturan tingkah laku. *Karei* juga bertanggungjawab untuk menghukum sesiapa yang melanggar pantang larang dan peraturan tingkah laku. *Karei*

⁴¹ *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, 14, entri “agama”

⁴² Carey, “*Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*”, 92.

⁴³ *Ibid.*, 93-94 .

⁴⁴ *Ibid.*

berkahwin dengan *Yak Manoi* iaitu salah satu asas bagi *Orang Hidup* namun tinggal secara berasingan. *Karei* tinggal di syurga manakala *Yak Manoi* tinggal di dunia.⁴⁵

Kepercayaan kaum Senoi terhadap animisme mempunyai persamaan dengan kaum Negrito. Mereka mengiktiraf kewujudan dewa tertinggi dan ketua roh yang memiliki ciri-ciri tertentu. Dewa tertinggi dikenali sebagai *Engku*, *Karei*, *Hilok* dan *Hiwoh*. *Engku* mempunyai kecenderungan mengikuti perkembangan kehidupan manusia sebagaimana *Karei*. Dengan itu, *Engku* ditugaskan untuk menghukum sesiapa yang melanggar pantang larang yang ditetapkan. Sebagai contoh, menantu lelaki dilarang untuk bercakap secara terus dengan ibu mertua dan sekiranya pantang larang ini dilanggar maka *Engku* akan menghantar guruh dan kilat sebagai tanda kemarahannya. Bagi menebus kesalahan tersebut, pesalah perlu melukakan kaki sehingga keluar darah kemudian dicampur dengan air untuk dibuang ke arah langit dan tanah sebagai tanda penyesalan.⁴⁶ Walau bagaimanapun, kambing atau ayam putih boleh dijadikan ganti kepada hukuman dengan cara menyembelih haiwan tersebut.⁴⁷

Kaum Melayu-Proto mempercayai kewujudan dua penjaga alam yang terdiri daripada *Tuhan Atas* dan *Tuhan Bawah* dalam kehidupan. *Tuhan Atas* adalah pencipta dunia, akhirat serta alam roh manakala *Tuhan Bawah* bertanggungjawab memberikan hukuman kepada sesiapa yang melanggar pantang larang yang ditetapkan. Menurut Amran Kasimin, *Tuhan Atas* merupakan isteri kepada *Tuhan Bawah* yang ditugaskan untuk menjaga dunia dan penghuni yang tinggal di bahagian atas manakala *Tuhan Bawah* pula ditugaskan untuk menjaga seluruh makhluk yang berada di dunia bahkan merangkumi mereka yang berada di lapisan tujuh di bawah. Tugas ini selaras dengan

⁴⁵ *Ibid.*, 95.

⁴⁶ *Ibid.*, 198.

⁴⁷ Amran Kasimin, "Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu", 44.

sifat *Tuhan Bawah* sebagai suami dan memiliki kuasa serta lebih kuat berbanding *Tuhan Atas*.⁴⁸

Bagi suku Semelai, Tuhan tidak mengambil tahu urusan manusia dan tidak menjatuhkan hukuman kepada sesiapa yang melanggar pantang larang.⁴⁹ Sekiranya suku Semelai melanggar pantang larang, mereka akan dihukum oleh roh nenek moyang yang telah mati ataupun roh yang mendiami di sekitar kawasan mereka bukannya *Tuhan Bawah*. Mereka juga percaya bahawa roh manusia yang telah mati akan berlegar-legar berhampiran kubur mereka selama beberapa bulan dan perlu diamankan secepat mungkin. Mereka juga percaya bahawa adanya kehidupan selepas mati sepertimana kehidupan di dunia namun di sana manusia tidak diserang sebarang penyakit dan kelaparan.⁵⁰ Dapat diperhatikan disini, kepercayaan suku Semelai sedikit berbeza berbanding suku-suku yang lain di bawah Melayu-Proto. Mereka percaya bahawa yang bertindak memberi hukuman adalah roh yang telah mati bukannya Tuhan yang menjadi kepercayaan sebahagian besar suku yang lain.

Animisme menjadi kepercayaan yang dipegang kukuh oleh Orang Asal. Keadaan ini berlarutan sehingga berlaku proses Islamisasi pada awal kurun ke-19 oleh pendakwah Islam dan badan kebajikan. Terdapat dalam kalangan Orang Asal yang mula memeluk Islam dan meninggalkan kepercayaan animisme. Sungguhpun demikian, masih ramai yang tidak mahu memeluk Islam kerana tersalah faham terhadap pelan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi mengintegrasikan Orang Asal ke dalam komuniti lain. Mereka menganggap pelan integrasi itu bertujuan menjadikan mereka bangsa Melayu yang akan berakhir dengan menjadi orang Islam.⁵¹ Salah faham ini telah diperbetulkan dan mereka mula menerima pelan yang dibuat oleh kerajaan Malaysia.

⁴⁸ *Ibid.*, 30-31.

⁴⁹ Carey, "Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia", 263.

⁵⁰ *Ibid.*, 263-264.

⁵¹ Amran Kasimin, "Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu", 110.

Natijahnya, ramai Orang Asal mula memeluk Islam hasil usaha keras yang dijalankan oleh pendakwah Islam.

Penganut agama lain juga turut mengambil kesempatan bagi menyebarkan agama mereka. Antaranya Kristian, Hindu dan Bahai. Walaupun bilangan Orang Asal yang menganut agama mereka kurang daripada jumlah pemeluk agama Islam, namun pendakwah Islam tidak boleh memandang ringan perkara ini. Mubaligh Kristian menggunakan pendekatan dari sudut kebajikan dengan menyalurkan bantuan kewangan⁵² bagi memenangi hati Orang Asal. Cara ini berkesan dan mendapat reaksi positif daripada Orang Asal. Agama Kristian juga dilihat lebih terbuka dalam menerima perbezaan adat dan pantang larang dalam kehidupan mereka.

Agama Hindu pula tersebar melalui jalan perdagangan antara pedagang India bersama Orang Asal yang tinggal berhampiran laut. Terdapat Orang Asal yang dilantik sebagai pemerintah atau Raja dengan sokongan pedagang India. Situasi ini mendorong pemerintah menyambut baik kedatangan pedagang dan mubaligh India ke kawasan mereka sekaligus membuka ruang untuk mengembangkan pengaruh agama Hindu dalam kalangan Orang Asal. Tambahan pula, kefahaman panteisme dalam agama Hindu mempunyai persamaan dengan kepercayaan animisme. Hal ini mendorong Orang Asal untuk memeluk agama Hindu bagi menggantikan kepercayaan animisme sebelum ini.⁵³

Agama Bahai juga tidak ketinggalan dalam usaha melebarkan pengaruh. Agama ini menekankan aspek kesatuan umat manusia, pendidikan dan penjagaan akhlak serta moral.⁵⁴ Seawal tahun 1960, penganut agama Bahai mula berperanan menyebarkan fahaman agama ini kepada Orang Asal di Perak.⁵⁵ Meskipun agama Bahai masih baru,

⁵² Mohd Nizam Sahad, "Pemikiran Orang Asli Tentang Agama: Suatu Kajian Khusus di Perkampungan Orang Asli Broga, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001), 127.

⁵³ Amran Kasimin, "Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu", 128-129.

⁵⁴ Masyarakat Baha'i Indonesia, "Sejarah Agama Baha'i," dicapai 10 Ogos 2016, <http://bahaiindonesia.org/sejarah-agama-bahai/>.

⁵⁵ Bazilah Daud, Zanariah Noor dan Nazirah Lee, "Kepercayaan dan Amalan Agama Baha'i dalam Kalangan Orang Asli RPS Jernang, Sungkai, Perak," *Jurnal Perspektif* 3, no. 2 (t.t), 29.

namun ia hampir menguasai masyarakat Orang Asal di Perak pada tahun 70-an.⁵⁶ Agama ini berkembang dengan cepat kerana disebar oleh penganut Bahai dalam kalangan Orang Asal itu sendiri. Tambahan pula, mereka mendakwa agama Bahai adalah agama asal bagi mereka yang hidup bebas dalam hutan serta tidak terikat dari sudut hukum hakam. Dua faktor ini menyebabkan agama Bahai cepat tersebar dan diterima baik oleh Orang Asal.

Dapat disimpulkan di sini, Orang Asal pada asalnya mempercayai animisme yang diwarisi sejak dahulu lagi. Namun, kepercayaan ini mula terhakis apabila agama Islam, Kristian, Hindu dan Bahai mula diperkenalkan kepada mereka. Semenjak itu, terdapat Orang Asal meninggalkan kepercayaan animisme dan beralih menganut agama yang menambat hati mereka. Agama disebar kepada Orang Asal melalui beberapa cara antaranya dakwah secara langsung, mengambil berat soal kebajikan terutamanya berkaitan kewangan, hubungan baik antara pemerintah dan penyebarkan serta Orang Asal sebagai ejen penyebar kepada kelompok mereka. Namun begitu, masih ramai Orang Asal yang tetap berpegang teguh kepercayaan animisme kerana tidak berminat dengan mana-mana agama. Justeru itu, pendakwah Islam perlu mencari alternatif terbaik bagi mendapatkan keyakinan Orang Asal untuk memeluk agama Islam.

3.3.4 Statistik Orang Asal Mengikut Daerah

Bilangan Orang Asal paling ramai adalah di Pahang kemudian Perak dan Selangor.⁵⁷ Jumlah mereka mencapai 74,528 orang menjelang tahun 2015. Berikut akan dibentangkan statistik Orang Asal mengikut daerah bagi mendapatkan perincian jumlah.

⁵⁶ Syed Abdurahman Syed Hussin, 'Dakwah Kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan,' *Jurnal Usuluddin* 30, no. 30 (2009), 172.

⁵⁷ Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), "Bilangan Kampung dan Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri," dicapai 04 Oktober 2017, <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/7-JAKOA.pdf>.

Jadual 3.4 Statistik Orang Asal di Negeri Pahang Tahun 2015

Daerah	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Orang Asal Beragama Islam
Pekan	12,270	1,082
Muadzam Shah	6,596	1,241
Rompin	8,179	698
Lipis	13,590	Tiada Maklumat
Bera	5,720	794
Cameron Highlands	6,433	2,753
Raub	4,604	521
Temerloh	6,958	1,279
Bentong	3,103	447
Jerantut	2,806	741
Maran	2,053	214
Kuantan	2,216	631
Jumlah Keseluruhan	74,528	10,401

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang

Jadual 3.4 menunjukkan statistik jumlah keseluruhan Orang Asal dan jumlah yang beragama Islam. Statistik dibahagikan mengikut daerah yang merangkumi 14 daerah. Mengikut statistik, hanya 12 daerah sahaja yang disenaraikan. Ini kerana salah satu daerah iaitu Chenor telah digabungkan dengan Maran manakala Jengka tiada dalam maklumat pengkaji.

Menurut statistik, jumlah penduduk Orang Asal bagi setiap daerah adalah tidak sekata. Terdapat dua daerah yang mempunyai bilangan penduduk paling ramai hingga melebihi 10,000 iaitu Lipis dan Pekan. Sementara itu, tiga daerah paling sedikit dengan bilangan penduduk tidak melebihi 3,000 ialah Maran, Kuantan dan Jerantut. Ini menunjukkan jumlah perbezaan yang ketara antara daerah paling ramai dan paling sedikit. Adapun daerah Bera yang menjadi skop kajian mencatatkan jumlah yang

sederhana. Daerah Bera menduduki tempat ke-7 mengikut bilangan penduduk dengan jumlah seramai 5,720 orang pada tahun 2015.

Bagi jumlah Orang Asal yang beragama Islam pula, jumlah keseluruhan pada tahun 2015 ialah 10,401 orang. Jumlah ini sudah tentu kecil berbanding jumlah keseluruhan Orang Asal iaitu 74,528 orang. Ini menunjukkan seramai 64,127 Orang Asal masih berpegang kepada kepercayaan animisme dan menganut agama selain Islam.

Statistik Orang Asal beragama Islam mengikut daerah adalah berbeza. Terdapat daerah yang mempunyai bilangan melebihi 2,000 dan ada yang kurang daripada 300 orang. Daerah yang paling ramai penduduk beragama Islam ialah Cameron Highlands dengan jumlah 2,753 orang manakala daerah yang paling sedikit adalah Maran dengan 214 orang.

Peratus pemeluk Islam Orang Asal mengikut daerah masih di tahap rendah. Ini kerana tidak ada daerah yang mencapai 50% pemeluk Islam daripada jumlah keseluruhan. Daerah paling tinggi ialah Cameron Highlands dengan 42.7% kemudian diikuti Kuantan dengan 28%. Daerah paling rendah ialah Rompin dengan 8.5% diikuti Pekan dengan 8.8%. Bagi daerah Bera, didapati 794 beragama Islam berbanding jumlah keseluruhan 5,720 orang. Ini bererti 4,926 masih berpegang dengan kepercayaan animisme atau agama lain. Daerah Bera menduduki tempat ke-5 tertinggi bagi jumlah Orang Asal beragama Islam berbanding tempat ke-7 bagi jumlah keseluruhan. Kajian mendapati jumlah keseluruhan tidak menggambarkan jumlah pemeluk Islam di daerah tersebut.

3.4 MUALAF ORANG ASAL DI NEGERI PAHANG

3.4.1 Statistik Muaf Orang Asal Mengikut Daerah

Mualaf di Pahang terdiri daripada bangsa Orang Asal, Cina, India, Kadazan dan Dusun. Orang Asal menjadi penyumbang terbesar statistik pemeluk Islam kemudian diikuti

Kadazan dan Dusun. Jumlah Orang Asal telah mewakili separuh daripada jumlah keseluruhan mualaf berdasarkan statistik yang dikeluarkan pada tahun 2010 hingga 2016.⁵⁸ Ini adalah satu perkembangan yang baik bagi agama Islam. Oleh itu, statistik mualaf Orang Asal dibahagikan mengikut daerah bagi melihat dengan lebih terperinci.

Jadual 3.5 Statistik Mualaf Orang Asal Mengikut Daerah

DAERAH	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Jumlah
Pekan	27	21	29	40	20	20	8	165
Kuantan	5	17	10	15	18	9	12	86
Rompin	33	11	23	33	19	11	11	141
Muadzam Shah	73	24	32	190	49	63	19	450
Maran	5	10	-	10	6	5	8	44
Chenor	1	1	3	-	4	1	1	11
Jengka	-	2	-	-	-	4	2	8
Jerantut	49	33	12	14	155	19	12	294
Temerloh	26	38	43	14	25	12	6	164
Bera	20	2	48	11	8	15	30	134
Bentong	6	17	8	23	13	17	2	86
Raub	35	211	10	65	13	26	27	387
Lipis	20	21	68	131	225	33	60	558
Cameron Highlands	125	78	51	63	63	31	46	457

Sumber: Bahagian Dakwah dan Muallaf, MUIP

Statistik ini merangkumi 14 daerah dalam negeri Pahang bermula tahun 2010 sehingga September 2016. Statistik menunjukkan berlaku peningkatan dan penurunan yang tidak sekata mengikut tahun. Daerah yang mempunyai mualaf paling ramai ialah Lipis dengan jumlah seramai 558 orang dan diikuti dengan Cameron Highlands sebanyak 457 orang. Daerah yang mempunyai mualaf paling sedikit ialah Jengka dengan 8 orang dan diikuti Chenor dengan 11 orang. Berlaku jurang yang tinggi antara daerah jumlah paling ramai dan paling sedikit. Hal ini kerana jumlah penduduk Orang

⁵⁸ Bahagian Dakwah dan Muallaf, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Asal di Jengka dan Chenor lebih sedikit berbanding Lipis dan Cameron Highlands. Inilah faktor berlaku jurang jumlah mualaf antara daerah tersebut.

Lipis antara daerah yang menunjukkan peningkatan pada setiap tahun bermula tahun 2010 hingga 2014 namun turun dengan ketara pada tahun 2015 dan 2016. Bagi Cameron Highlands, berlaku penurunan jumlah selama dua tahun bermula tahun 2010 hingga 2012 dan kembali meningkat pada tahun 2013. Bagi daerah Bera, jumlah mualaf ialah 134 orang sepanjang tempoh enam tahun. Mualaf paling ramai adalah pada tahun 2012 dan paling sedikit pada tahun 2011. Bera menduduki tempat ke-9 daripada keseluruhan daerah bagi jumlah mualaf. Bera juga antara daerah yang mengalami kenaikan dan penurunan jumlah yang tidak sekata.

Statistik jumlah mengikut tahun juga menunjukkan berlaku penurunan dan kenaikan sepanjang 6 tahun. Tahun 2014 adalah tahun paling ramai Orang Asal memeluk Islam iaitu 618 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak mencapai target MUIP untuk mendapatkan 1,000 mualaf Orang Asal setiap tahun sebagaimana yang disebut oleh salah seorang pegawai yang ditemuramah.

“Kita ni kalau boleh nak seribu mualaf setiap tahun. Tapi setakat ni belum tercapai lagi”⁵⁹

Bukan itu sahaja, jumlah ini turun dengan mendadak pada tahun 2015 dengan jumlah 266 orang sahaja manakala tahun 2016 dengan 244 orang meliputi keseluruhan negeri Pahang. Penurunan dan kenaikan jumlah juga dikaitkan dengan bilangan program yang dijalankan oleh MUIP cawangan bersama mualaf.⁶⁰ Semakin banyak program yang dijalankan bersama Orang Asal, semakin tinggi jumlah mualaf setiap tahun.

Oleh itu, MUIP perlu mempertingkatkan dan mempelbagaikan program bersama Orang Asal supaya dapat menarik minat mereka untuk memeluk Islam. Selain itu,

⁵⁹ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam MUIP Bahagian Dakwah dan Muallaf), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

⁶⁰ *Ibid.*

MUIP perlu mengkaji faktor Orang Asal tidak mahu memeluk Islam supaya masalah yang menjadi halangan ini dapat diatasi. Dalam sub-topik seterusnya, pengkaji akan membentangkan faktor-faktor Orang Asal memeluk Islam.

3.4.2 Faktor Memeluk Islam

Hasil temu bual bersama Pegawai Tadbir MUIP cawangan dan beberapa informan, terdapat beberapa faktor yang mendorong mualaf meninggalkan kepercayaan animisme dan bertekad memeluk Islam. Faktor asas adalah kerana hidayah daripada Allah SWT. Sebagaimana Allah menegaskan dalam al-Quran:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ٥٦
Al-Qashash 28: 56

Terjemahan: Sesungguhnya engkau (Muhammad) tidak akan dapat memberi hidayah (petunjuk) kepada orang yang kamu kasihi, tetapi Allah memberi hidayah kepada orang yang Dia kehendaki, dan Allah lebih mengetahui orang-orang yang mahu menerima petunjuk.

Faktor-faktor berikut diklasifikasi sebagai faktor pembantu ke arah menyempurnakan hidayah Allah SWT.

I. Perkahwinan

Bagi mualaf Orang Asal, perkahwinan menjadi faktor utama majoriti mualaf di Bera memeluk Islam.⁶¹ Ini kerana undang-undang Malaysia melarang perkahwinan berlainan agama.⁶² Sekalipun tujuan asal menukar agama adalah kerana perkahwinan semata-mata, namun ramai yang menemui keindahan Islam selepas mempelajari ilmu-ilmu Islam. Namun begitu, terdapat segelintir mualaf yang bertindak kembali kepada agama asal selepas gagal dalam perkahwinan yang berakhir dengan perceraian. Oleh itu, mereka perlu diingatkan bahawa tujuan utama memeluk Islam adalah kerana Allah semata-mata.

II. Pergaulan

⁶¹ Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 18 Ogos 2016.

⁶² Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Bahagian. 2/2005).

Faktor lain yang mendorong adalah kerana pergaulan baik bersama rakan yang beragama Islam. Ini kerana sebahagian Orang Asal hidup berjiran dengan masyarakat Melayu. Tempoh pergaulan yang lama sama ada di sekolah mahupun kawasan tempat tinggal atau tempat kerja membuka ruang untuk Orang Asal mengenali budaya dan agama Islam. Akhlak baik yang dipraktik ketika bergaul berjaya membawa imej ajaran Islam yang sebenar. Hal ini membuktikan bahawa keadaan persekitaran mampu mempengaruhi kepercayaan seseorang sebagaimana berlaku kepada mualaf Orang Asal. Justeru, umat Islam perlu mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dalam kehidupan kerana ia menjadi cerminan kepada agama.

III. Pembacaan dan Penyelidikan

Terdapat dalam kalangan Orang Asal yang tertarik kepada Islam melalui jalan pembacaan⁶³ dan penyelidikan.⁶⁴ Terdapat Orang Asal yang tahu mengenai Islam apabila mempelajari subjek pendidikan Islam di sekolah. Hal ini membawa mereka untuk mengkaji dengan lebih mendalam. Selain itu, ada juga dalam kalangan mereka yang mengetahui Islam melalui kemudahan media elektronik seperti televisyen dan radio yang menyiarkan rancangan berkaitan Islam sepertimana yang dikongsikan oleh seorang mualaf.

“Tengok TV, tengok cara dia orang bergaul, Macam Islam ni ramah, mudah ramah, mesra, sopan”⁶⁵

IV. Kemiskinan

Sebahagian Orang Asal di Bera berada di bawah garis kemiskinan. Keadaan ini mendorong mereka memeluk Islam dengan harapan supaya kehidupan lebih terjamin dengan bantuan wang zakat. Perkara ini berlaku dalam kalangan mualaf di Bera menurut perkongsian maklumat oleh kakitangan yang menguruskan perihal mualaf.

⁶³ Azarudin Awang dan Khadijah Khambali@ Hambali, “Dorongan Pemeluk Agama Islam dalam Kalangan Komuniti Minoriti di Sebuah Negeri Majoriti Melayu,” *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu dan Ketamadunan (Iman)* 2, no. 3 (2014), 7.

⁶⁴ Taqiyah Abdul Hadi, “Faktor Kecenderungan Saudara Kita Memeluk Islam: Satu Kajian di Darul Ukhuwwah, Tampoi, Johor” (latihan ilmiah, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, 2004), 69.

⁶⁵ Tirana Teh (asnaf mualaf di Kampung Bukit Gemuruh, Bera), dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

“Kalu kiter kabor, bapak masuk la Islam. Lepas tu dia tanye, mende die dapat”⁶⁶

Namun begitu, Orang Asal yang berpendapatan tinggi sukar untuk menerima Islam kerana telah merasa selesa dengan kehidupan yang ada. Hal ini kerana mereka melihat agama tidak berfungsi untuk membantu mereka dalam mencapai kemewahan yang sedia ada.⁶⁷

Dapat disimpulkan di sini, faktor yang mendorong Orang Asal untuk memeluk Islam ialah perkahwinan, pergaulan, pembacaan dan penyelidikan serta kemiskinan. Pengkaji melihat faktor pendidikan dapat membantu Orang Asal untuk memahami Islam dan bersedia memeluk Islam semata-mata kerana Allah.

3.4.3 Kriteria Asnaf Muallaf

Muallaf menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī ialah mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya kepada Islam atau keyakinannya semakin bertambah terhadap Islam, atau dapat menghalang kejahatan mereka terhadap umat Islam atau mengharapkan manfaat mereka untuk mempertahankan dan membantu umat Islam daripada kejahatan musuh.⁶⁸ Bagi negeri Pahang, terdapat 4 kriteria asnaf muallaf yang digariskan,⁶⁹ iaitu:

1. Mereka yang baru memeluk agama Islam.
2. Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam dan mempunyai hubungan yang baik dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam.
3. Ketua-ketua kaum yang telah memeluk Islam dan masih lemah tahap keimanannya. Akan tetapi, mereka masih ditaati oleh kelompok yang berada di bawah pimpinannya.

⁶⁶ Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 14 Oktober 2016.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh* (Kāherah: Maktabah Wahbah, 2013), 2: 606.

⁶⁹ “Asnaf Muallaf”, Laman Web rasmi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, dikemaskini 5 Julai 2016, dicapai 15 Ogos 2016, <http://www.muip.gov.my/v3/index.php/jenis-jenis-asnaf/asnaf-muallaf>.

4. Orang-orang yang memeluk Islam dan tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh.

Walaupun pemimpin setempat tergolong dalam kalangan asnaf mualaf namun, temu bual mendapati agihan tertumpu kepada kelompok yang baru memeluk Islam sahaja. Belum ada agihan zakat kepada pemimpin-pemimpin setempat setakat ini.⁷⁰

Dalam konsep mualaf pada bab 2, mualaf terbahagi kepada tiga kelompok. Mualaf ialah mereka yang belum memeluk Islam menurut kelompok pertama. Adapun kelompok kedua pula, mualaf ialah mereka yang telah memeluk Islam sahaja. Manakala, kelompok ketiga adalah gabungan pendapat kelompok pertama dan kedua. Jika diteliti, kriteria asnaf mualaf di Pahang telah masuk ke dalam kelompok kedua yang mengkhususkan asnaf mualaf kepada mereka yang telah memeluk Islam sahaja. Ini selari dengan pendapat Imam al-Shāfi'ī. 4 kriteria di atas juga selari dengan pembahagian yang dibuat oleh Yusuf al-Qaradawi dalam perbincangan mualaf menurut perspektif Islam.

3.4.5 Prosedur Pengislaman

Dalam Bahagian 7 Pemelukan Agama Islam Enakmen 3 Tahun 1991, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Negeri Pahang telah meletakkan syarat yang membolehkan seseorang untuk memeluk Islam. Mereka mesti mencapai umur 18 tahun dan mempunyai akal yang waras serta sempurna. Sekiranya belum mencapai umur 18 tahun, surat kebenaran daripada ibubapa atau penjaga diperlukan sebagai bukti keizinan untuk menukar agama.

Seksyen 106 Enakmen 3 Tahun 1991 menjelaskan prosedur pendaftaran memeluk agama Islam secara terperinci. Mualaf boleh memohon pendaftaran dengan mengisi borang melalui Pendaftar Muallaf yang telah dilantik. Nama mualaf akan didaftarkan

⁷⁰ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam MUIP Bahagian Dakwah dan Muallaf), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

sebagai seorang yang beragama Islam dalam Daftar Muallaf selepas Pendaftar Muallaf membuat penelitian terhadap permohonan dan menepati syarat yang ditetapkan. Sekiranya masih terdapat syarat yang belum dipenuhi, muallaf dibenarkan mengucap dua kalimah syahadah dihadapan Pendaftar Muallaf atau mana-mana pegawai yang dilantik.⁷¹

Pendaftar Muallaf akan mengeluarkan sijil Pemeluk Agama sebagai bukti dan pengiktirafan memeluk Islam. Pendaftaran dan pemilikan sijil adalah prosedur penting yang perlu dilakukan oleh individu yang baru memeluk Islam. Ini kerana, jika berlaku sesuatu masalah yang melibatkan undang-undang, maka perkara itu akan dikendalikan oleh Mahkamah Syariah menurut hukum syarak. Muallaf yang didapati sengaja memberi maklumat atau keterangan yang palsu mahupun mengelirukan, boleh disabit kesalahan yang membawa hukuman denda RM 1,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Ketika kajian dijalankan, pengkaji mendapati terdapat seorang Orang Asal yang belum mengucap syahadah tetapi namanya tersenarai sebagai muallaf. Beliau mengakui tidak melalui prosedur memeluk Islam sebagaimana yang ditetapkan dan tidak mahu memeluk Islam. Namun begitu, setiap tahun beliau masih menerima bantuan tahunan hari raya. Masalah ini perlu disiasat oleh MUIP dan diambil tindakan segera. Masalah ini tidak seharusnya berlaku kerana prosedur yang perlu dijalani adalah rumit sebelum didaftarkan sebagai muallaf. Kecuaian pengurusan prosedur perlu diperbaiki supaya masalah ini tidak berulang kembali.

Bagi mengelakkan masalah seperti di atas, sesiapa yang ingin memeluk Islam perlu melalui prosedur yang ditetapkan. Ini supaya maklumat lengkap muallaf berada dalam simpanan MUIP sebagai rujukan semasa. Kegagalan mengikuti prosedur boleh

⁷¹ Enakmen 3 Tahun 1991 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1991, (No 7/1991).

mengakibatkan kesukaran untuk sebarang urusan termasuklah permohonan bantuan zakat asnaf mualaf.

3.4.5 Tempoh Gelaran Mualaf

Mualaf adalah gelaran kepada mereka yang baru memeluk Islam. Gelaran ini telah memenuhi sebahagian maksud mualaf menurut ulama silam dan kontemporari. Hal ini kerana terdapat ulama yang memasukkan elemen bukan Islam dalam tafsiran mualaf. Mualaf adalah gelaran yang bersifat sementara di mana ia akan gugur apabila melepasi tempoh yang ditetapkan.

Perbincangan khusus mengenai tempoh gelaran mualaf oleh ulama silam belum dijumpai. Sebaliknya, ulama menekankan aspek melembut dan menjinakkan hati mualaf kepada Islam. Justeru difahami, gelaran ini kekal selama mana mereka masih dalam proses dilembut dan dijinakkan hati.

Persidangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan juga tidak meletakkan ketetapan dalam penentuan had tempoh gelaran mualaf, sebaliknya perlu dinilai berdasarkan *urf* mengikut negeri.⁷² Oleh itu, penetapan had bagi setiap negeri perlu dinilai berdasarkan keadaan setempat dan dilihat sesuai untuk dilaksanakan. Rentetan daripada perkara ini, terhasil kepelbagaian had tempoh gelaran menurut negeri masing-masing.

Di Pahang, Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang dalam persidangan pada 7 Disember 2015 memutuskan had tempoh gelaran mualaf adalah selama 7 tahun.⁷³ Tempoh ini terpakai di peringkat MUIP bagi menentukan kelayakan asnaf mualaf dalam menerima bantuan zakat. Mualaf yang tinggal dalam negeri Pahang

⁷² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Kuala Lumpur: Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM, 2009), 48.

⁷³ “Had Kemuallafan Seorang Saudara Baru”, Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang, dikemaskini 10 Ogos 2016, dicapai 15 Ogos 2016, <http://mufti.pahang.gov.my/index.php/2012-12-11-06-41-06/2012-12-11-06-44-13/2012-12-11-06-44-58/2015/136-had-kemuallafan-seorang-saudara-baru>.

layak menerima bantuan zakat bermula tarikh mereka memeluk Islam sehingga tahun ketujuh pengislaman.

Walaupun begitu, tidak semua skim bantuan terikat dengan had tempoh. Had ini digunakan terhadap agihan bantuan sara diri. Ini bermakna mualaf akan menerima bantuan tahunan hari raya sebanyak RM300 sehingga tahun ketujuh. Adapun skim bantuan produktif terhadap nilai keagamaan tidak menggunakan had tempoh. Mualaf dan bukan mualaf boleh menyertai kelas bimbingan yang dianjurkan khusus kepada mualaf.

Tempoh gelaran memainkan peranan penting bagi memastikan tujuan agihan tercapai. Bagi asnaf mualaf, tujuan utama adalah untuk melembut dan menjinakkan hati terhadap Islam serta meningkatkan tahap keimanan mereka. Justeru itu, agihan berbentuk bantuan produktif terhadap nilai keagamaan perlu ditekankan dalam tempoh tujuh tahun tersebut. Pengisian berasaskan nilai keagamaan seperti akidah, syariah dan akhlak perlu dirangka agar tiga aspek utama ini dikuasai oleh mualaf dari sudut asasnya. Hal ini supaya mualaf mampu berdikari selepas gugur tempoh tersebut tanpa bantuan orang lain terutama dalam hal kehidupan beragama.

Terdapat kajian yang mencadangkan tempoh peralihan daripada umur mumayyiz sehingga baligh iaitu selama lapan tahun sebagai penanda aras penentuan had tempoh mualaf di Malaysia.⁷⁴ Cadangan ini wajar dipertimbangkan oleh pihak MUIP sekiranya memberi kebaikan kepada asnaf mualaf.

3.5 BENTUK AGIHAN ZAKAT TERHADAP MUALAF

Agihan zakat terhadap asnaf mualaf oleh MUIP terdiri daripada beberapa bentuk bantuan. Bantuan tersebut tidak hanya tertumpu kepada agihan dari sudut kewangan sahaja. Bahkan turut merangkumi bantuan dari sudut meningkatkan nilai keagamaan

⁷⁴ Azman Ab Rahman et al., "Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf di Malaysia" (kertas Persidangan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi (NCOZ 2015), Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang, Hotel MS Garden Kuantan, 1 Jun 2015), 60.

dalam diri mualaf. Pengkaji membahagikan jenis bantuan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah bantuan sara diri yang merangkumi Saguhati Memeluk Islam dan Bantuan Tahunan Hari Raya. Bahagian kedua adalah bantuan produktif terhadap nilai keagamaan yang terdiri daripada Kelas Bimbingan Mualaf, Kelas Bridged Dakwah (KBD), Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak, Program Ziarah Dakwah serta Pemantapan Akidah dan Program Bersama Mualaf. Bahagian ketiga pula dikategori sebagai bantuan am yang mencakupi Sumbangan kepada Badan Pertubuhan dan Program Tajaan Umrah. Semua jenis bantuan diatas adalah daripada dana zakat tahunan yang berjaya dikutip oleh MUIP melalui anak syarikatnya iaitu Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP).

3.5.1 Objektif Agihan Zakat

MUIP menggariskan tiga objektif utama dalam pengagihan zakat terhadap asnaf di negeri Pahang.

1. Menjadikan zakat sebagai asas pembangunan negara dan ummah.
2. Menunaikan hak dan tanggungjawab kepada asnaf seperti mana yang ditetapkan oleh syarak.
3. Meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dalam semua bidang kehidupan merangkumi rohani, aqli dan jasmani.

3.5.2 Bantuan Sara Diri

a. Saguhati Memeluk Islam

Bantuan Saguhati Memeluk Islam diberikan kepada mereka yang baru sahaja memeluk Islam. Bantuan disampaikan setelah selesai proses mengucap dua kalimah syahadah di hadapan mana-mana pegawai yang diiktiraf oleh MUIP atau selepas mengisi borang pengakuan memeluk agama Islam di pejabat MUIP. Prosedur memeluk Islam di Pahang mestilah mengikut apa yang telah digariskan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991. Bantuan ini layak diterima sekali sahaja seumur hidup. Jumlah

bantuan berbeza mengikut peringkat umur. Mualaf yang berumur 18 tahun ke atas akan menerima RM 500 serta barangan keperluan ibadah berjumlah RM 100. Barang keperluan ibadah terdiri daripada buku panduan sembahyang, kain pelekat atau telekong, kopiah atau tudung, sejadah dan buku Iqra'. Bagi mualaf yang berumur 12 hingga 17 tahun, individu akan menerima RM 400 beserta barang keperluan ibadah berjumlah RM 100 manakala mualaf yang berumur 1 hingga 11 tahun akan menerima RM 300 sahaja. Pihak MUIP juga memberikan RM 50 sebagai saguhati kepada sesiapa yang membawa mualaf ke pejabat MUIP.⁷⁵

Pada tahun 2015, MUIP telah memperuntukkan RM 300,000 sebagai saguhati kepada 296 penerima mualaf.⁷⁶ Manakala pada tahun 2016, RM 268,845 diperuntukkan kepada 302 mualaf. Bantuan ini diberikan sebagai tanda penghargaan pihak MUIP kepada mualaf. Bantuan seperti ini perlu diteruskan di samping melihat keperluan lain yang dirasakan perlu oleh mualaf dalam menjalani kehidupan baru.

b. Bantuan Tahunan Hari Raya

Bantuan Tahunan Hari Raya diperuntukkan kepada semua mualaf yang berdaftar di bawah MUIP. Kadar bantuan yang diagih adalah sebanyak RM 300 kepada setiap ketua keluarga dan RM 300 kepada isteri. Untuk anak atau tanggungan, peruntukan sebanyak RM 300 bagi yang berumur 18 tahun ke atas manakala RM 100 bagi yang berumur di bawah 18 tahun.⁷⁷ Bantuan Tahunan Hari Raya tidak hanya khusus kepada asnaf mualaf sahaja tetapi turut diberikan kepada asnaf fakir dan miskin. Nilai bantuan yang diperuntukkan juga berbeza di mana ketua keluarga bagi asnaf fakir dan miskin menerima RM 300 manakala tanggungan dan anak menerima RM 100.

⁷⁵ Informan C (Pegawai Hal Ehwal Islam, MUIP Cawangan Daerah Bera), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2016.

⁷⁶ Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, "Agihan Zakat Negeri Pahang 2015," Buletin al-Risalah, Bil.2/2015, 48.

⁷⁷ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam MUIP Bahagian Dakwah dan Muallaf), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

Pada tahun 2015, MUIP telah memperuntukkan sebanyak RM 2.53 juta bagi tujuan ini. Seramai 15,311 mualaf tersenarai sebagai penerima terdiri daripada kaum Orang Asal, Cina, India, Kadazan, Dusun dan lain-lain.⁷⁸ Pada tahun 2016, sebanyak RM 2.986 juta telah diagihkan dengan melibatkan seramai 15,530 orang penerima. Bantuan disampaikan kepada mualaf melalui program berbuka puasa mualaf bersama pegawai MUIP yang ditugaskan untuk membuat agihan. Bantuan ini disampaikan bertujuan membantu mualaf membuat persiapan untuk menghadapi hari raya aidilfitri.

Dua skim bantuan di atas merupakan bantuan yang diterima secara langsung oleh mualaf. Bantuan ini bertujuan meraikan mualaf yang baru memeluk Islam dan membuat persiapan untuk menyambut aidilfitri. Namun begitu, MUIP tidak menyediakan skim bantuan kewangan bulanan kepada mualaf yang bertaraf fakir atau miskin. Tambahan pula, mualaf tidak boleh memohon skim bantuan kewangan bulanan yang diperuntukkan kepada asnaf fakir dan miskin atas alasan kerana mereka asnaf mualaf. Penilaian semula kelayakan akan dibuat selepas tamat gelaran mualaf iaitu tujuh tahun. Ini bermakna mualaf yang bertaraf fakir atau miskin tidak mendapat bantuan kewangan bulanan bagi tempoh tujuh tahun.

3.5.3 Bantuan Produktif Nilai Keagamaan

a. Kelas Bimbingan Mualaf

Kelas Bimbingan Mualaf merupakan kelas bimbingan al-Quran, fardhu ain dan akidah anjuran MUIP. Kelas ini menekankan P&P ilmu fardhu ain dan al-Quran dengan menggunakan kaedah P&P secara teori dan amali. Adapun ilmu akidah diterapkan kepada pelajar melalui program khusus yang dijalankan secara berkala. Pengajian ini dijalankan dua kali seminggu mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan. Kebiasaannya kelas ini diadakan pada hari Sabtu dan Ahad pada jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi.

⁷⁸ Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, "Agihan Zakat Negeri Pahang 2015," Buletin al-Risalah, Bil.2/2015, 48.

Kelas dijalankan di dewan masjid yang telah ditetapkan oleh MUIP cawangan masing-masing. Sasaran bagi kelas bimbingan adalah mualaf selain Orang Asal yang terdiri daripada bangsa Cina, India dan lain-lain. Namun, terdapat juga mualaf Orang Asal yang mengikuti kelas ini sebagaimana di Kuantan dan Temerloh. Pengasingan kelas mualaf Orang Asal dan selain Orang Asal adalah kerana faktor jarak jauh tempat pengajian dengan penempatan Orang Asal. Setiap pelajar yang mengikuti kelas ini akan diberikan elaun sebanyak RM 10 bagi setiap kehadiran.⁷⁹

Lantikan tenaga pengajar adalah berdasarkan permohonan yang dihantar kepada MUIP. Sesiapa yang berminat untuk menjadi tenaga pengajar perlu mengisi borang yang telah disediakan kemudian menghadiri temuduga lisan di pejabat MUIP. Calon yang berminat perlu memenuhi kriteria yang digariskan terutama mempunyai asas dalam bab fiqh, akidah dan penguasaan al-Quran. Tenaga pengajar yang terpilih terdiri daripada pendakwah bebas, guru dan juga individu yang mempunyai pengetahuan agama Islam. Mereka diberikan elaun sebanyak RM 100 bagi setiap kelas yang diadakan. Bayaran elaun akan dibuat selepas tenaga pengajar menghantar laporan aktiviti kepada pihak MUIP.⁸⁰

Dari sudut modul P&P, MUIP tidak menyediakan satu modul khusus kepada tenaga pengajar sebagai panduan dalam menjalankan aktiviti kelas bimbingan. Sebaliknya menyerahkan pembentukan modul sepenuhnya kepada tenaga pengajar dalam menentukan corak P&P yang mereka kehendaki. Tenaga pengajar bebas menjalankan sistem P&P mengikut keselesaan dan penerimaan pelajar. Pantauan pihak MUIP terhadap bentuk P&P yang telah dijalankan adalah menerusi laporan bulanan yang dihantar secara bertulis ke pejabat MUIP.

⁷⁹ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

⁸⁰ *Ibid.*

Pada tahun 2015, MUIP memperuntukkan RM 2.79 juta bagi menggerakkan Kelas Bimbingan Mualaf dan program-program mualaf.⁸¹ Manakala, peruntukan RM 210,000 telah digunakan sepanjang bulan Januari sehingga September 2016 bagi menggerakkan 14 kelas bimbingan. Walau bagaimanapun, Bera antara daerah yang masih belum menjalankan Kelas Bimbingan Mualaf. MUIP cawangan Bera sedang merangka untuk menjalankan kelas bimbingan kepada mualaf selain Orang Asal di Bera.⁸²

b. Kelas Bridged Dakwah (KBD)

Kelas Bridged Dakwah (KBD) adalah kelas bimbingan ilmu asas seperti akidah, al-Quran dan fardhu ain. KBD dikhususkan kepada mualaf Orang Asal sahaja. Kelas ini menekankan sistem P&P berteraskan teori dan amali. MUIP menyarankan tenaga pengajar menggunakan kitab *Mukāshafah al-Qulūb* bagi ilmu akidah, kitab Tajwid al-Quran Rasm al-Uthmani bagi ilmu al-Quran dan buku *Indahnya Hidup Bersyariat* bagi ilmu fardhu ain. Kelas ini dijalankan di surau yang terletak di perkampungan Orang Asal. Dari sudut waktu pembelajaran, kebanyakan kelas bermula pada waktu petang sekitar jam 3.30 petang atau 5.30 petang. Kelas ini berjalan selama satu hingga satu jam setengah dibawah bimbingan seorang tenaga pengajar.

Di daerah Bera, terdapat 7 KBD yang telah dijalankan setakat ini. KBD terdapat di Kampung Pos Iskandar, Kampung Bukit Rok, Kampung Gemuruh, Kampung Lubok Tambangan, Kampung Bongkok dan Kampung Durian Kuning. Dua KBD dilaksanakan di Kampung Pos Iskandar kerana terdapat ramai mualaf dan orang Islam. Walau bagaimanapun, terdapat satu kelas yang dihentikan buat sementara waktu iaitu di Kampung Bukit Rok. Kelas ini diadakan sebanyak dua kali seminggu mengikut jadual yang ditetapkan oleh tenaga pengajar yang dilantik.

⁸¹ Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, "Agihan Zakat Negeri Pahang 2015," Buletin al-Risalah, Bil.2/2015, 48.

⁸² Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)), dalam temu bual bersama pengkaji, 14 Oktober 2016.

Tenaga pengajar dikenali sebagai Guru Bridged Dakwah. Pelantikan Guru Bridged Dakwah dibuat melalui permohonan yang dihantar kepada MUIP. Sesiapa yang berminat untuk menjadi Guru Bridged Dakwah boleh mengisi borang yang disediakan serta menghadiri temuduga lisan di pejabat MUIP. Bagi daerah Bera yang menjadi fokus kajian, terdapat seramai lapan orang Guru Bridged Dakwah yang dilantik. Mereka terdiri dalam kalangan guru, pendakwah bebas, kakitangan Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP) dan individu yang mempunyai latar belakang agama. Mereka dibayar elaun sebanyak RM 100 bagi setiap kelas yang diadakan. Maksimum elaun yang diperuntukan adalah sebanyak RM 1,000 sebulan. Elaun akan dibayar secara tunai kepada Guru Bridged Dakwah selepas menghantar laporan perjalanan kelas selama sebulan ke ibu pejabat MUIP atau MUIP cawangan.

Mualaf Orang Asal yang mengikuti KBD tidak diberi elaun menghadiri kelas sebagaimana mualaf yang mengikuti Kelas Bimbingan Mualaf. Menurut informan, elaun menghadiri kelas pernah dilaksanakan di Bera namun telah dihentikan pada tahun 2014. Mereka yang menghadiri KBD diberi RM 5 sebagai elaun menghadiri kelas. Menurut informan juga, bantuan ini dihentikan supaya kehadiran mualaf adalah kerana kesedaran untuk menuntut ilmu bukan kerana ingin mendapatkan elaun. Selain itu, mualaf Orang Asal tidak perlu mengeluarkan wang untuk menghadiri KBD kerana diadakan dalam kawasan perkampungan mereka. Berbeza dengan mualaf selain Orang Asal, mereka diberikan elaun bagi menampung perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk menghadiri Kelas Bimbingan Mualaf seperti tambang dan minyak motor sebagaimana diceritakan oleh salah seorang informan.

“Elaun Kelas Bridged dulu ada tapi dah dihentikan”⁸³

“Kita tak nak mualaf pergi ke kelas sebab nak dapat duit bukan nak dapat ilmu. Kita tak nak biasakan mereka dengan cara macam tu.”⁸⁴

⁸³ Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 14 Oktober 2016.

Pengguguran elaun pada tahun 2014 menyebabkan kemerosotan bilangan kehadiran ke KBD. Pengkaji berpendapat, pemberian elaun kepada mualaf yang menyertai KBD wajar diteruskan. Elaun berupaya menjadi pendorong kepada mualaf untuk menghadiri kelas. Sebagaimana Nabi Muhammad pernah mengagihkan zakat berupa emas kepada mualaf sebagai galakan supaya kekal bersama Islam. Hasilnya, mereka menjadi orang yang membantu agama Islam. Oleh itu, MUIP boleh menjadikan elaun sebagai galakan untuk mualaf terus menyertai KBD.

Dari sudut modul atau silibus, Guru Bridged Dakwah tidak dibekalkan modul atau silibus sebagai panduan. Sebaliknya, mereka menggunakan modul atau silibus mengikut kehendak guru atau permintaan pelajar. MUIP mencadangkan tenaga pengajar menggunakan tiga buku teras yang telah disebut. Ini kerana, MUIP tidak mempunyai modul khusus yang boleh dijadikan rujukan. Terdapat juga Guru Bridged Dakwah yang menggunakan buku rujukan yang lain. Pantauan pihak MUIP terhadap perkembangan sistem P&P yang telah dijalankan adalah berdasarkan laporan bulanan yang dihantar kepada pihak MUIP yang bertugas. Hal ini dijelaskan dalam temu bual yang diadakan.

“Kami pantau melalui laporan. Bila tenaga pengajar hantar, kami akan baca laporan tu.”⁸⁵

KBD dikhususkan kepada mualaf Orang Asal atas faktor memudahkan mualaf untuk menghadirinya. Ini kerana KBD dijalankan dalam kawasan kampung mereka. KBD turut terbuka kepada Orang Asal yang lain. Pada tahun 2015, MUIP membelanjakan RM 1.444 juta bagi menjayakan KBD yang melibatkan 150 daripada 294 kampung di seluruh Pahang. Manakala, RM 873,400 diperuntukan bagi membayar elaun kepada Guru Bridged Dakwah seramai 150 orang. Pada tahun 2016, sebanyak RM 501,200 digunakan sepanjang Januari hingga September bagi membiayai KBD yang melibatkan 146 buah kampung Orang Asal.

⁸⁴ Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 14 Oktober 2016.

⁸⁵ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

c. Kelas Fardhu Ain Bersama Penggerak

Kelas Fardhu Ain Bersama Penggerak merupakan kelas P&P asas fardhu ain dan pengajian al-Quran. Kelas ini menggunakan kaedah P&P berteraskan teori dan amali. Kelas Fardhu Ain Bersama Penggerak merupakan kesinambungan Kelas Bridged Dakwah (KBD). Kelas ini diadakan sebanyak dua kali seminggu mengikut hari yang ditetapkan oleh tenaga Penggerak. Bagi mengelakkan pertembungan hari, tenaga Penggerak akan berbincang dengan pelajar atau Guru Bridged Dakwah bagi menetapkan waktu kelas. Kelas ini dijalankan selama satu jam pada waktu petang sekitar jam 3.30 petang atau selepas maghrib. Ini kerana kebanyakan mualaf Orang Asal keluar bekerja pada waktu pagi dan tengahari yang menyebabkan mereka tidak dapat menyertai kelas. Sasaran utama kelas ini ialah mualaf Orang Asal yang tinggal di sekitar kawasan tersebut namun terbuka kepada semua Orang Asal. Kelas ini dijalankan di surau-surau yang terdapat di perkampungan Orang Asal.

Tenaga pengajar bagi kelas ini dikenali sebagai tenaga Penggerak Orang Asal manakala pembantunya dipanggil sebagai Pembantu Penggerak Orang Asal. Tenaga Penggerak Orang Asal merupakan individu yang dilantik oleh JAKIM bagi menjaga masyarakat Orang Asal terutama dari sudut hal ehwal agama Islam. Kebanyakan Penggerak Orang Asal terdiri daripada orang Melayu manakala terdapat sebilangan kecil adalah Orang Asal. Tugas tenaga Penggerak Orang Asal adalah menjadi tenaga pengajar bagi kelas fardhu ain, imam solat, menjaga kampung Orang Asal dan mengadakan ziarah ke rumah Orang Asal. Seramai 50 orang Penggerak Orang Asal yang telah dilantik sehingga tahun 2016. Elaun tenaga Penggerak Orang Asal dibayar sepenuhnya oleh Yayasan Pahang. Elaun yang diperuntukkan kepada mereka sekitar RM 1500 dan ke bawah perbulan.⁸⁶

⁸⁶ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

Pembantu Penggerak Orang Asal terdiri daripada Orang Asal seperti Tok Batin, pelajar lepasan PETAMA dan individu yang berkelayakan. Pembantu Penggerak Orang Asal dilantik oleh pihak pentadbiran MUIP dengan bantuan MUIP cawangan. Sehingga tahun 2016, seramai 61 orang Pembantu Penggerak yang telah dilantik. Elaun Pembantu Penggerak sebahagiannya dibayar oleh MUIP manakala sebahagian lagi dibayar oleh Yayasan Pahang. Elaun yang diperuntukan kepada mereka adalah sebanyak RM 1,200 sebulan.⁸⁷ Pada tahun 2015, sebanyak RM 240,000 telah dibelanjakan untuk membayar elaun Pembantu Penggerak. Manakala sehingga September tahun 2016, sebanyak RM 222,600 telah digunakan bagi membayar elaun 43 orang Pembantu Penggerak di seluruh negeri Pahang.

Dari sudut modul atau silibus, Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak tidak mempunyai modul atau silibus yang selaras dan khusus. Mereka hanya menekankan aspek asas fardhu ain dan bacaan al-Quran seperti Iqra' atau muqaddam. Pihak MUIP juga tidak menyediakan modul atau silibus sebagai panduan kepada Penggerak Orang Asal dalam menjalankan kelas. Tenaga Penggerak Orang Asal dan Pembantu Penggerak dipantau sepenuhnya oleh Yayasan Pahang. Pantauan dibuat berdasarkan laporan bulanan perjalanan kelas fardhu ain yang dihantar oleh tenaga Penggerak Orang Asal.⁸⁸

Bagi daerah Bera, Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak tidak dapat dilaksanakan atas beberapa faktor. Faktor utama yang mengekang pelaksanaan kelas adalah kerana kekurangan tenaga Penggerak yang boleh untuk mengajar. Sehingga kini, hanya terdapat dua orang tenaga Penggerak Orang Asal manakala tiada Pembantu Penggerak yang dilantik. Penggerak Orang Asal tersebut berada di kawasan perkampungan Orang Asal Pos Iskandar dan juga Kampung Pasal sahaja. Manakala enam perkampungan Orang Asal yang selebihnya tidak mempunyai tenaga Penggerak Orang Asal atau

⁸⁷ *Ibid.*

⁸⁸ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

Pembantu Penggerak. Selain itu, adanya KBD menjadi faktor Kelas Fardhu Ain tidak perlu dilaksanakan.⁸⁹

d. Program Ziarah Dakwah dan Pemantapan Akidah

Program Ziarah Dakwah dan Pemantapan Akidah adalah program mega bahagian Dakwah dan Muallaf MUIP. Program yang berteraskan agenda dakwah dan pemantapan akidah ini berkonsepkan santai tetapi dipenuhi dengan aktiviti yang bermanfaat. Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan muallaf bersama barisan pegawai MUIP dan NGO yang turut serta. Program ini dijalankan secara tidak berkala mengikut bulan yang ditentukan oleh MUIP. Program ini kebiasaannya mengambil masa selama tiga hari dua malam di kampung Orang Asal. MUIP cawangan akan memberikan beberapa cadangan nama kampung Orang Asal sebagai tempat program dengan mengambil kira keadaan persekitaran, kemudahan dan sasaran peserta. Kebiasaannya hanya satu kampung Orang Asal sahaja yang akan dijadikan tempat untuk menjalankan program. Adapun dari sudut sasaran peserta, muallaf Orang Asal dan Orang Asal daripada kampung yang berdekatan juga turut dijemput untuk menyertai program ini.

Tempoh tiga hari dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan bermanfaat. Antaranya diadakan ziarah dakwah ke rumah muallaf Orang Asal, solat berjemaah, tazkirah maghrib, ceramah agama, usrah, malam kebudayaan dan aktiviti sukan. Aktiviti ini bertujuan meningkatkan pengetahuan muallaf Orang Asal terhadap agama Islam dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara pengajur dan peserta. Selain itu, terdapat satu slot bagi mendengar ucapan syahadah Orang Asal yang ingin memeluk Islam. Sebelum dimulakan, seorang ustaz akan memberikan ceramah ringkas mengenai keindahan dan kebaikan Islam. Terdapat 3 hingga 32 orang Orang Asal yang telah memeluk Islam ketika program dijalankan sepanjang tahun 2016.⁹⁰ Bagi daerah Bera,

⁸⁹ Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 18 Ogos 2016.

⁹⁰ Laporan Tahunan Aktiviti Bahagian Dakwah dan Muallaf MUIP bagi tahun 2016.

seramai 32 orang Orang Asal yang telah memeluk Islam ketika program di Kampung Orang Asal Penchorong pada tahun 2016.⁹¹ Ini menunjukkan program ziarah dakwah dan pemantauan akidah turut memberi impak kepada Orang Asal yang belum memeluk Islam. Aktiviti yang diadakan menjadi tarikan kepada Orang Asli untuk mendekati orang Islam. Justeru itu, program seperti ini perlu dijalankan secara berkala dan menyeluruh supaya berjaya menarik lebih ramai Orang Asal untuk memeluk Islam.

Program ini turut mendapat perhatian dan kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Orang Asal (JAKOA), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Guru Bridged Dakwah, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan badan pertubuhan kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan Malaysia dan persatuan pelajar universiti. Jabatan kerajaan dan NGO dijemput bagi memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asal mengenai fungsi jabatan yang terlibat dan menawarkan perkhidmatan secara percuma sepanjang program.

Pada tahun 2016, perbelanjaan bagi menjayakan Program Ziarah Dakwah dan Pemantapan Akidah dianggarkan sekitar RM 20,000 sehingga RM 70,000 bagi satu program. Perbelanjaan ini merangkumi persiapan program, makanan serta minuman peserta dan hadiah. Program Ziarah Dakwah Saudara Baharu Kampung Orang Asli Penchorong di Bera yang diadakan pada awal tahun 2016 menelan perbelanjaan sebanyak RM 57,102.26. Jumlah yang diperlukan bagi menjayakan satu program adalah tinggi dan peruntukan yang dikeluarkan juga sangat besar. Justeru itu, pengisian dan aktiviti yang dijalankan perlu memberi impak yang mandalam kepada peserta yang terlibat. Penelitian terhadap bentuk aktiviti dan pengisian perlu dibuat secara berkala supaya objektif yang digariskan mampu untuk dicapai.

e. Program Bersama Mualaf

⁹¹ *Ibid.*

Program bersama mualaf adalah program-program yang dijalankan oleh MUIP cawangan bersama mualaf. Setiap program yang dirangka mesti bermatlamat membantu mualaf untuk lebih mendalami agama Islam dan memberi manfaat kepada mualaf. Setiap tahun, MUIP akan menyediakan satu geran berjumlah RM 15,000 kepada MUIP cawangan bagi tujuan memperkasa dan memantapkan program-program dakwah di setiap daerah.⁹² Melalui geran ini, MUIP cawangan perlu merangka program dan aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada mualaf di daerah masing-masing. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah program ziarah dakwah dan pemantapan akidah, kursus pengurusan jenazah, program berkhatan, kursus ibadah korban, ceramah agama dan majlis berbuka puasa.

Geran tersebut perlu dihabiskan sebelum berakhir tahun penerimaan geran. Bahkan, peruntukan tambahan disediakan sekiranya MUIP cawangan memerlukan dana tambahan bagi menjalankan aktiviti bersama mualaf. Peruntukan perlu dimohon melalui surat beserta kertas kerja yang dihantar kepada MUIP. Namun begitu, majoriti MUIP cawangan tidak memohon dana tambahan walaupun telah disediakan.⁹³ Pada tahun 2016, dianggarkan sebanyak RM 312,668 diperuntukkan bagi geran tersebut.

Lima bantuan produktif terhadap nilai keagamaan merupakan bantuan yang membantu mualaf untuk meningkatkan nilai keimanan dan pengetahuan mengenai Islam. Bantuan ini sejajar dengan maqasid syariah dalam agihan zakat terhadap mualaf iaitu *ta'liif al-qulūb*. Bagi mencapai maqasid syariah itu, penekanan perlu diberikan terhadap bantuan Kelas Bimbingan Mualaf, Kelas Bridged Dakwah dan Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak. Ini kerana pengisian tiga bantuan ini menjurus untuk meningkatkan pengetahuan agama sekali gus berusaha meningkatkan keimanan mualaf.

⁹² Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, "Laporan Operasi Zakat," Laporan Tahunan 2011, t.t, 76.

⁹³ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

Ini menunjukkan telah ada platform untuk membantu mualaf meningkatkan ilmu pengetahuan. Bahkan, MUIP membuat pengasingan kelas antara mualaf Orang Asal dan bukan Orang Asal demi memudahkan mualaf untuk menghadiri kelas. Sepertimana yang diulas oleh informan dalam temu bual.

“Sebenornye kelas dah banyak sangatt, kadang sampai tak sempat nak pegi semua. Tapi ni atas kesedaran mualaf”⁹⁴

Namun di sini, perhatian utama adalah melihat kesan kelas yang diadakan terhadap nilai keagamaan dalam diri mualaf. Banyak jumlah kelas yang telah disediakan tidak memberi impak terhadap peningkatan nilai agama andai pengisian serta silibus tidak selari dengan keperluan semasa mualaf.

Bantuan produktif berperanan meningkatkan ilmu pengetahuan mualaf dari sudut akidah, syariah dan bacaan al-quran. Matlamat jangka panjang bantuan ini adalah untuk melahirkan mualaf yang menguasai tiga aspek di atas dan berperanan membantu mualaf yang lain untuk belajar. Dalam masa yang sama, mualaf boleh berdakwah kepada masyarakat Orang Asal yang belum memeluk Islam. Ini fungsi bantuan produktif dalam meningkatkan nilai keagamaan mualaf.

3.5.4 Bantuan Am

a. Sumbangan kepada Badan Pertubuhan

Sumbangan kepada badan pertubuhan adalah saguhati yang diberikan kepada institusi atau kumpulan yang terlibat dalam menjayakan sebarang program ataupun aktiviti yang dijalankan oleh MUIP bersama mualaf. Sumbangan ini juga terletak di bawah agihan zakat terhadap asnaf mualaf. Nilai sumbangan bergantung kepada permintaan yang dibuat secara bertulis kepada MUIP. Antara badan pertubuhan yang selalu terlibat dalam program bersama mualaf ialah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pejabat

⁹⁴ *Ibid.*

Agama Islam Daerah (PAID), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Persatuan Pelajar.

Pada tahun 2015, sebanyak RM 291,107 telah dihabiskan bagi menyampaikan sumbangan kepada badan pertubuhan untuk menjalankan program berbentuk kebajikan atau dakwah. Manakala pada tahun 2016, jumlah yang diperuntukkan mencecah RM 318,200 yang melibatkan 69 agensi dan pertubuhan. Walau bagaimanapun, jumlah ini telah merangkumi sumbangan yang diberikan kepada program berbentuk muktamar dan seminar yang berada di bawah gerak kerja bahagian dakwah MUIP.

b. Program Tajaan Umrah

Program Tajaan Umrah merupakan salah satu bentuk bantuan yang disediakan di bawah asnaf mu'alaf. Program ini menawarkan tajaan umrah secara penuh kepada individu yang telah banyak memberi khidmat dan terlibat secara langsung dengan gerak kerja dakwah terhadap Orang Asal. Tajaan umrah ini diberikan sebagai penghargaan kepada individu yang banyak berjasa dalam menjalankan gerak kerja dakwah. Selain itu, penajaan ini juga sebagai pemangkin kepada mereka untuk lebih bersemangat dan berdedikasi dalam menjalankan gerak kerja dakwah.

Mereka yang diberikan tajaan umrah terdiri daripada Penggerak Orang Asal, Pembantu Penggerak Orang Asal dan individu yang melibatkan diri dan memberi komitmen dalam menjalankan agenda dakwah. Pada tahun 2015, seramai empat individu yang telah ditaja menunaikan umrah dengan kos sebanyak RM 27,700 manakala pada tahun 2016, seramai lima orang yang mendapat tajaan umrah dengan nilai RM 42,754. MUIP menjalankan penajaan umrah hanya sekali sahaja pada setiap tahun.

Terdapat sembilan skim bantuan yang disediakan kepada asnaf mu'alaf. Dua bantuan sara diri berupa Saguhati Memeluk Islam dan Bantuan Tahunan Hari aya. Terdapat lima bantuan produktif terhadap nilai keagamaan yang terdiri daripada Kelas

Bimbingan Mualaf, Kelas Bridged Dakwah (KBD), Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak, Program Ziarah Dakwah dan Pemantapan Akidah serta Program Bersama Mualaf. Bantuan am pula merangkumi Sumbangan kepada Badan Pertubuhan dan Tajaan Umrah. Bantuan sara diri adalah bantuan yang diterima secara langsung manakala bantuan produktif terhadap nilai keagamaan dan bantuan am adalah bantuan yang diterima secara tidak langsung iaitu manfaat dan kebajikan bagi jangka masa panjang.

3.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) merupakan badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan agihan zakat di Pahang. Mualaf termasuk dalam kelompok yang layak menerima zakat asnaf mualaf di samping tujuh asnaf yang lain. Orang Asal menjadi penerima zakat paling ramai berbanding kaum Cina, India, Kadazan dan Dusun. Ini kerana mereka menjadi penyumbang utama pemeluk agama Islam pada setiap tahun. Agihan yang disediakan oleh MUIP berbentuk bantuan sara diri, bantuan produktif nilai keagamaan dan bantuan am. Bantuan ini menepati keperluan utama mualaf iaitu meningkatkan keimanan dan pengetahuan terutama bantuan produktif terhadap nilai keagamaan. Justeru, pengagihan bantuan mestilah disalurkan secara efisien supaya objektif agihan zakat terhadap asnaf mualaf dapat dicapai.

BAB EMPAT

KESAN AGIHAN ZAKAT TERHADAP TAHAP KEAGAMAAN MUALAF

4.1 PENGENALAN

Bab ini bertujuan melihat kesan pelaksanaan Kelas Bridged Dakwah (KBD) terhadap tahap keagamaan mualaf Orang Asal di daerah Bera, Pahang. KBD merupakan salah satu bentuk skim bantuan zakat yang disediakan oleh MUIP kepada asnaf mualaf. KBD dikhususkan kepada mualaf namun terbuka kepada Orang Asal yang beragama Islam. Dana zakat digunakan untuk membiayai perjalanan KBD dari sudut pembayaran elaun kepada tenaga pengajar yang dikenali sebagai Guru Bridged Dakwah. Analisa kajian merangkumi tiga fokus utama dalam nilai keagamaan yang terdiri daripada aspek kekuatan pegangan akidah, pemahaman terhadap syariah dan pengamalan akhlak. Tiga elemen ini berperanan untuk memandu mualaf ke arah hidup dengan cara Islam. Setiap aspek merangkumi persoalan dari sudut pengetahuan, kefahaman dan pengamalan. Tiga aspek ini mempunyai kaitan antara satu sama lain. Pengkaji meletakkan bahawa pengetahuan yang baik serta kefahaman yang betul akan memberi kesan terhadap pengamalan sesuatu perkara. Justeru, tiga aspek ini akan dinilai bagi melihat kesan agihan zakat yang disalurkan melalui penganjuran KBD di daerah Bera, Pahang. Metode temu bual digunakan dalam proses pengumpulan data manakala kaedah tematik digunakan dalam menganalisa data-data temu bual yang telah dikumpul.

4.2 KESAN KBD TERHADAP TAHAP KEAGAMAAN MUALAF

4.2.1 Demografi Informan

Jadual 4.1 Maklumat Informan

Informan	Jantina	Umur	Status Perkahwinan	Pekerjaan	Tahap Pendidikan	Tempoh Memeluk Islam
M1	Lelaki	17	Bujang	Tidak Bekerja	Menengah	6 Bulan
M2	Perempuan	42	Janda	Penoreh	Tiada	1 Tahun
M3	Perempuan	21	Berkahwin	Suri Rumah	Menengah	2 Tahun
M4	Perempuan	31	Janda	Penoreh	Tiada	2 Tahun
M5	Perempuan	25	Berkahwin	Tidak Bekerja	Menengah	3 Tahun
M6	Lelaki	46	Berkahwin	Tidak Bekerja	Menengah	4 Tahun
M7	Perempuan	20	Berkahwin	Suri Rumah	Menengah	4 Tahun
M8	Perempuan	23	Bujang	Tidak Bekerja	Menengah	4 Tahun
M9	Perempuan	25	Bujang	Penoreh	Rendah	5 Tahun
M10	Perempuan	34	Berkahwin	Suri Rumah	Tiada	6 Tahun
M11	Lelaki	75	Duda	Tidak Bekerja	Tiada	7 Tahun
M12	Perempuan	21	Bujang	Penoreh	Rendah	7 Tahun
M13	Perempuan	55	Janda	Penoreh	Tiada	7 Tahun

Sumber: Temu Bual

Jadual 4.1 menunjukkan maklumat demografi mualaf Orang Asal yang ditemuramah bagi mendapatkan maklumat. Seramai 13 mualaf berjaya ditemuramah dengan melibatkan tiga buah kampung iaitu Kampung Bongkok, Kampung Bukit Gemuruh dan Kampung Bukit Rok. Ketiga-tiga kampung ini terletak di daerah Bera. Berdasarkan jantina, informan lelaki adalah seramai 3 orang manakala informan perempuan seramai 10 orang. Informan perempuan lebih ramai dalam kajian ini berbanding lelaki dengan mengambil kira jumlah populasi dan sampel kajian yang melibatkan tiga kampung tersebut. Populasi menunjukkan mualaf Orang Asal lelaki kurang berbanding perempuan di setiap kampung.

Umur informan merangkumi peringkat remaja, dewasa, warga tua dan warga emas. Informan yang paling muda berumur 17 tahun manakala yang paling tua berumur 75 tahun. Bagi maklumat status perkahwinan, terdapat tiga pembahagian utama yang mewakili bujang, berkahwin dan duda atau janda. Data menunjukkan terdapat 4 informan yang masih bujang manakala 5 informan telah berkahwin. 4 informan berbaki adalah berstatus duda atau janda dengan pembahagian 1 orang duda dan 3 orang janda. Maklumat pekerjaan menunjukkan ada informan yang bekerja dan tidak bekerja. Terdapat seramai 5 informan yang bekerja sebagai penoreh getah serta bekerja sambilan sebagai pembantu pekebun. Adapun baki informan iaitu seramai 8 orang tidak bekerja dan 3 daripada mereka adalah suri rumah.

Tempoh memeluk Islam merupakan kriteria yang dilihat semasa pemilihan informan. Ini kerana masih terdapat Orang Asal yang tersenarai sebagai mualaf walaupun telah melebihi had tempoh. Pengkaji memilih mualaf yang telah memeluk Islam melebihi 3 bulan hingga 7 tahun. Ini bersesuaian dengan had tempoh gelaran mualaf yang ditetapkan iaitu selama 7 tahun. Kesemua informan masih dalam kategori mualaf.

Tahap pendidikan antara informan adalah berbeza-beza. Terdapat informan yang menerima pendidikan hingga sekolah rendah dan menengah manakala sebahagian lagi tidak menerima sebarang pendidikan formal. Tahap pendidikan memainkan peranan dalam menentukan tahap pengetahuan informan. Semakin tinggi tahap pendidikan informan, semakin tinggi tahap pengetahuan terhadap aspek akidah, syariah dan akhlak.

4.2.2 Penyertaan Kelas Bridged Dakwah (KBD)

Jadual 4.2 Kekerapan Menghadiri Kelas Bridged Dakwah (KBD)

Kekerapan Menghadiri KBD	Jumlah Informan
Kerap	3
Jarang	4
Jarang-Jarang	2
Tidak Pernah	4

Sumber: Temu Bual

Jadual di atas menunjukkan kekerapan informan menyertai KBD yang dijalankan di surau yang terletak dalam kampung informan. KBD merupakan kelas bimbingan yang menekankan aspek akidah, fardhu ain dan Iqra'.¹ Namun pengkaji mendapati aspek akidah hanya dijadikan silibus sampingan yang tidak berkala di daerah Bera. Berdasarkan laporan tahunan KBD, silibus akidah hanya dijalankan 1 atau 2 kali sahaja dalam sebulan, selebihnya didominasi oleh silibus fardhu ain dan Iqra'.

Berdasarkan jadual 4.2, terdapat 3 informan yang kerap menyertai KBD. Faktor yang mendorong informan adalah kerana semangat menuntut ilmu yang tinggi di samping hubungan baik bersama tenaga pengajar. Faktor ini telah disebut oleh informan 2 dan 11 dalam temu bual.

“Kalau dia nak ajar kan, dia hantar mesej dekat kakak. Kakak pergi lah” M2²

“Ha’ah kita lah sebab kita dekat. Tak datang dia sorang aje. Sini tak susah pulak. Rugi jugak cakap-cakap, cerita-cerita” M11³

Selain itu, terdapat 4 informan yang kerap menyertai ketika awal memeluk Islam dan semakin jarang sejak kebelakangan ini. Terdapat juga 2 informan yang jarang-jarang mengikuti kelas dengan kadar 3 hingga 5 kali sahaja. Ini disebabkan oleh faktor bekerja, belajar dan KBD tidak dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan menurut informan 1, 3 dan 4.

¹ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam MUIP Bahagian Dakwah dan Muallaf), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

² M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

³ M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

“Sekarang kurang dah. Kadang kelas yang tak ade” M1⁴

“Kadang juga. Jarang juga. Sebelum ada baby memang pergi la” M3⁵

“Tapi biasa ustajah pun jarang masuk kan. Ustajah, ustad jarang masuk. Sekarang tak tahu ada ke tak tapi adee kot. Jarang-jarang sekarang” M3⁶

“Masa awal-awal masuk Islam tu ada jugak pergi kat surau tapi semenjak ada kerja ni, ni yang buat jarang nak masuk pergi ngaji” M4⁷

Kemudian, terdapat 4 informan yang tidak pernah menghadiri KBD selepas memeluk Islam. Informan menyatakan mereka tidak mendapat maklumat tepat mengenai waktu kelas manakala seorang informan memberikan alasan tidak berminat untuk hadir ketika diajukan persoalan tersebut.

“Hari tu errr, tahun ni je saya tak pernah. Kira saya kat sini kalau ade kelas pun tak dengar kadang” M5⁸

“Saya ada member, saje tak nak pegi. Tu yang kat Pejabat Adat Resam tu, semua kawan saya. Petang-petang sama-sama makan minum” M6⁹

Pengkaji sendiri terpaksa membatalkan 2 kali pemerhatian yang ingin dibuat terhadap KBD kerana tiada mualaf yang hadir ke kelas. Pengkaji berpendapat ini adalah kesan utama apabila kehadiran ke KBD tidak diwajibkan. Mualaf tidak memberikan perhatian yang serius terhadap kelas sebaliknya mengutamakan perkara lain berbanding menuntut ilmu. Kehadiran perlu diwajibkan selama mana bergelar mualaf ataupun selepas melepasi ujian kelayakan dari sudut akidah, syariat dan akhlak. Ini kerana dana zakat yang digunakan untuk membiayai KBD merupakan salah satu hak asnaf mualaf.

Tambahan pula, KBD menjadi platform utama mualaf untuk mendalami ilmu agama secara teori dan praktikal di kampung mereka. Ini kerana hasil temu bual mendapati semua informan tidak menyertai mana-mana kelas fardhu ain yang lain.

⁴ M 1, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁵ M 1, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁶ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁷ M 4, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁸ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁹ M 6, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

“Tak ade. Sebab kakak pergi kelas kat surau ni je. Kat surau la senang sikit kan” M2¹⁰

“Tak ade, cuma kat surau ni je” M3¹¹

“Takde, kat kampung je” M9¹²

“Masa ada orang belajar dekat sana tu kan, saya pergi dekat sana” M10¹³

Walaupun begitu, terdapat informan yang menggunakan kemudahan media elektronik seperti televisyen sebagai saluran alternatif bagi menambah ilmu agama. Berdasarkan temu bual, seramai 11 informan mengikuti pengajian agama melalui siaran televisyen secara tidak berkala.

“Tengok TV la. Saya suka sejarah dia” M6¹⁴

“Kadang-kadang tengok rancangan Islam kalau astro tak kena potong” M9¹⁵

“Kita tengok cerita-cerita agama, tengok TV 9. Itu biaselah” M11¹⁶

Memfaatkan media elektronik untuk kepentingan agama adalah perkara yang baik untuk dicontohi. Namun, informan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada saluran alternatif sahaja bagi menambah ilmu agama. Ini kerana pengajian-pengajian yang disiarkan melalui rancangan televisyen adalah bersifat umum untuk semua lapisan masyarakat. Pengajian ini tidak bersifat menyeluruh terhadap keperluan mualaf dalam menambah ilmu pengetahuan. Mualaf perlu menghadiri KBD bagi mempelajari dan memahami ilmu agama. Pengetahuan dan kefahaman yang cetek akan menjejaskan pelaksanaan kewajipan yang difardukan.

¹⁰ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

¹¹ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

¹² M 9, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

¹³ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

¹⁴ M 6, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

¹⁵ M 9, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

¹⁶ M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

4.2.3 Kesan KBD Terhadap Tahap Keagamaan Dari Aspek Akidah, Syariah dan Akhlak

a) Dari Aspek Akidah

Akidah dari sudut terminologi ialah keyakinan terhadap kewujudan sesuatu yang terdiri daripada zat, sifat atau perkara lain dan hati merasa tenang dengan apa yang diyakini tanpa sebarang rasa syak wasangka.¹⁷ Akidah merupakan aspek utama yang ditekankan dalam Islam. Persoalan akidah yang dikemukakan adalah berkaitan dengan kepercayaan terhadap Allah, animisme dan alam ghaib. Selain itu, informan juga diuji mengucapkan dua kalimah syahadah.

i. Kepercayaan Terhadap Allah

Jadual 4.3 Tahap Kepercayaan Terhadap Allah

Tahap Kepercayaan	Bilangan Informan
Percaya	11
Kurang Percaya	2

Sumber: Temu Bual

Jadual 4.3 menunjukkan jawapan informan terhadap soalan tahap kepercayaan mereka kepada Allah. Bagi mengelakkan kekeliruan, soalan ini ditanya secara terus sama ada percaya ataupun tidak memandangkan informan kurang memahami soalan berbentuk *indirect*. Hasil temu bual menunjukkan majoriti informan percaya kepada Allah manakala minoriti informan kurang percaya. Salah seorang informan menyebut beliau percaya pada satu ketika dan meragui pada ketika yang lain manakala seorang lagi informan menyatakan beliau mungkin percaya kewujudan Allah. Berikut merupakan respon informan yang kurang percaya terhadap Allah.

“Nak cakap percaya tu, kadang ade la. Kadang tu macam takkk je”
M7¹⁸

¹⁷ ‘Abd al-Rahman Hassan Habannakah al-Maydānī, *Al-‘Aqīdah al-Islāmiyah wa Usūsuha* (Damshiq : Dār al-Qalam, 1994), 31.

¹⁸ M 7, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

“Mungkin saya percaya kot. Sebab mungkin percaya sebab mungkin kita ni kan hidup mesti bertempat Tuhan jugakk” M10¹⁹

Kepercayaan kepada Allah merupakan asas dalam bab akidah. Tambahan pula, ia merupakan rukun iman yang pertama. Perkara ini seharusnya sudah jelas dalam pegangan setiap umat Islam. Keraguan yang timbul boleh menyebabkan akidah seseorang terpesong dan mendorong ke arah gejala murtad. Asas ini perlu ditekan di peringkat permulaan bagi meruntuhkan kepercayaan lama dan menggantikan dengan kepercayaan mutlak kepada Allah.

ii. Pengetahuan Terhadap Bilangan Allah

Kesinambungan persoalan kepercayaan terhadap Allah, informan diajukan soalan tahap pengetahuan terhadap bilangan Allah. Hasil temu bual, seramai 7 informan memberikan jawapan yang betul iaitu satu. Adapun begitu, 3 informan mengatakan tidak ingat manakala 3 informan lagi memberikan jawapan tidak tahu. Pengkaji cenderung bahawa informan yang memberi jawapan tidak ingat sebenarnya tidak tahu bilangan Allah. Kecenderungan ini dikuatkan dengan jawapan yang diberikan oleh salah seorang informan apabila diajukan soalan tersebut.

“Lima ke enam? Entah, lupe dah” M5²⁰

Pengetahuan mengenai bilangan Allah adalah asas dalam akidah umat Islam. Masalah ini tidak seharusnya timbul dalam kalangan informan yang telah lama memeluk Islam apatah lagi selalu menyertai KBD. Timbul persoalan, bagaimanakah tahap kepercayaan informan terhadap Allah tanpa mengetahui bilangan sebenar Allah. Seramai 5 daripada 6 informan yang memberikan jawapan tidak ingat dan tidak tahu menyatakan jawapan percaya dalam jadual 4.3. Ini bermakna kepercayaan informan tidak didasari dengan pengetahuan asas dalam bab ketuhanan. Perkara ini perlu

¹⁹ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

²⁰ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

ditekankan kepada informan ketika awal memeluk Islam sama ada sebelum mengucapkan syahadah atau dalam KBD.

iii. Kepercayaan Terhadap Animisme

Animisme merupakan kepercayaan yang menjadi anutan majoriti Orang Asal sebelum memeluk mana-mana agama yang berjaya menarik minat mereka. Walaupun telah banyak agenda dakwah dijalankan bersama Orang Asal, namun masih ramai yang mengamalkan kepercayaan animisme. Soalan ini dilontarkan bagi melihat tahap kepercayaan informan terhadap animisme selepas memeluk Islam. Adakah kepercayaan animisme telah ditinggalkan sejurus memeluk Islam ataupun masih dipercayai oleh informan. Semua informan berasal daripada suku Semelai di bawah kaum Melayu-Proto. Mereka mempercayai bahawa alam ini diawasi oleh dua penjaga iaitu *Tuhan Atas* dan *Tuhan Bawah*. Selain itu, mereka juga percaya terdapatnya penunggu atau roh yang berada di pokok atau batu besar. Kepercayaan suku Semelai telah diperincikan dalam bab tiga di bawah tajuk Kepercayaan dan Agama Orang Asal. Hasil temu bual menunjukkan 8 informan tidak lagi mempercayai kewujudan *Tuhan Atas* dan *Tuhan Bawah* serta penunggu dan roh. Berikut merupakan antara jawapan yang diberikan oleh informan.

“Dia ni kita tak perlu takut dia sebab dia pun makhluk Tuhan kan, makhluk Allah” M3²¹

“Hurmmm takde lah. Dulu ade lah” M4²²

Pengkaji merasakan kepercayaan ini terhakis disebabkan faktor transformasi pendidikan dan pembangunan. Pembangunan seperti pembinaan jalan raya dan kemajuan teknologi serta kemudahan sekolah dan surau telah menghakis kepercayaan animisme dalam kalangan informan. Walaupun begitu, masih terdapat 4 informan yang

²¹ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

²² M 7, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

percaya terhadap kewujudan penunggu dan roh. Antara jawapan yang disebut oleh informan ialah:

“Haaa, masih ade” M9²³

“Kalau nak lalu, nak lalu tumpang sikiit” M9²⁴

“Memang ada, ada dekat pokok ara” M13²⁵

“Hurmm, jangan ganggu lah” M13²⁶

“Tebang tak boleh, nanti dia kacau lah” M13²⁷

Menurut Guru Bridged Dakwah,²⁸ terdapat mualaf yang tidak hadir ke kelas atas sebab percaya bahawa roh sahabat mereka yang baru meninggal masih berlegar-legar di sekitar surau. Ini merupakan salah satu pegangan suku Semelai yang percaya bahawa roh orang yang baru mati perlu diamankan dengan segera. Walaupun telah dijelaskan oleh tenaga pengajar, namun masih belum menghilangkan ketakutan mereka sehingga pihak MUIP terpaksa mengambil inisiatif menukar karpet surau yang telah digunakan untuk memandi dan mengkafankan jenazah. Selepas itu, baru pengajian boleh diteruskan seperti biasa. Seorang informan yang memberi jawapan tidak tahu berkemungkinan tidak memahami maksud soalan tersebut.

iv. Pengetahuan dan Kefahaman Terhadap Konsep Alam Ghaib

Alam ghaib ialah alam yang tidak kelihatan oleh mata manusia.²⁹ Konsep alam ghaib yang disentuh ialah kehidupan selepas mati, syurga dan neraka. Dua konsep ini dipilih kerana mempunyai persamaan dengan kepercayaan suku Semelai. Mereka percaya adanya kehidupan selepas mati namun di sana, manusia tidak akan dijangkiti sebarang penyakit dan juga kelaparan. Kepercayaan ini merupakan gambaran keadaan dalam

²³ M 9, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

²⁴ M 9, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

²⁵ M 13, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

²⁶ M 13, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

²⁷ M 13, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

²⁸ Informan B (Guru Bridged Dakwah), dalam temu bual dengan pengkaji, 7 Mac 2017.

²⁹ Laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPRM), dicapai pada 8 Jun 2017, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=alam+ghaib>.

syurga. Ini bermakna kaum Semelai percaya bahawa orang yang telah mati akan masuk ke dalam syurga.

Hasil temu bual mendapati seramai 8 informan tahu dan faham bagaimana kehidupan selepas mati walaupun tidak secara terperinci. Berikut merupakan kefahaman informan terhadap konsep kehidupan selepas mati.

*“Di akhirat, kita akan ke padang mahsyarlah suatu hari nanti kan.
Kena tanya kat sana” M3³⁰*

“Siksaan la kalau jenis dosa yang banyak la” M4³¹

“Mesti ada soalan dia jugak, mesti dijawab” M4³²

“Dia hidup balik dekat alam lain la” M7³³

“Selepas mati kalau biasa kawan citer, apeee. Selepas mati kita akan dihidupkan dekat padang apeee, tempat tu” M8³⁴

Bagi soalan tahap pengetahuan syurga dan neraka, majoriti informan memberikan reaksi positif dengan menceritakan gambaran syurga dan neraka berdasarkan kefahaman mereka. Menurut informan, syurga diertikan sebagai tempat balasan bagi mereka yang berbuat baik manakala neraka pula sebagai tempat balasan bagi mereka yang berbuat jahat semasa di dunia. Antara jawapan yang dikongsi informan adalah seperti di bawah.

*“Syurga untukk apa tu, orang baik-baik je la. Neraka macam hehehe.
Neraka macam orang buat dosa-dosa tu, jahat-jahat laaa” M8³⁵*

“Hurmm saya rasa percaya pada surga. Sebab kita ni, kalau kita hidup dekat dunia ni, kalau kita buat jahat kata ustad tuu masuk neraka. Kalau kita buat baik tu masuk surga” M10³⁶

Definisi umum yang dikemukakan selari dengan gambaran syurga dan neraka dalam al-Quran.

أَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ جَنَّاتُ الْمَأْوَىٰ نُزُلًا بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Al-Sajadah 32: 19

³⁰ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

³¹ M 4, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

³² M 4, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

³³ M 7, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

³⁴ M 8, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

Terjemahan: Adapun orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan beroleh Syurga tempat tinggal yang tetap sebagai balasan bagi apa yang mereka telah kerjakan.

وَأَمَّا مَنْ حَقَّتْ مَوْزِينُهُ ۖ ۸ فَأَمَّهُ هَاوِيَةٌ

Al-Qariah 101: 8-9

Terjemahan: Maka dia berada dalam kehidupan yang senang lenang. Dan adapun orang-orang yang ringan timbangan (kebaikan) nya, maka tempat kembalinya adalah neraka Hawiyah.

Ini menunjukkan informan mempunyai pengetahuan asas mengenai konsep syurga dan neraka. Konsep syurga dan neraka lebih difahami berbanding konsep kehidupan selepas mati. Umumnya, pengetahuan informan terhadap dua konsep di atas adalah melalui KBD dan pendedahan sebelum memeluk Islam.

v. Mengucap Dua Kalimah Syahadah

Jadual 4.4 Kebolehan Mengucap Dua Kalimah Syahadah

Tahap Kebolehan	Bilangan Informan
Boleh	6
Tidak Boleh	7

Sumber: Temu bual

Pengkaji mendapati semua informan pernah melafazkan dua kalimah syahadah sekurang-kurangnya sekali ketika ingin memeluk Islam. Pengkaji menguji kebolehan informan mengucap dua kalimah syahadah dengan meminta mereka membaca sekali lagi. Tahap kebolehan informan boleh dilihat menerusi jadual 4.4. Hasil ujian mendapati 6 informan boleh mengucapkan syahadah walaupun tidak lancar manakala 7 informan berbaki tidak boleh mengucap syahadah. Ini membuktikan infoman jarang mengucap dua kalimah syahadah selama bergelar mualaf. 4 daripada 7 informan yang tidak melepasi ujian merupakan mualaf yang telah memeluk Islam antara 5 hingga 7 tahun.

Syahadah merupakan pengakuan seseorang terhadap keesaan Allah dan kerasulan Nabi Muhammad. Syahadah perlu sentiasa dibaca bagi memperbaharui pengakuan dan meningkatkan rasa percaya kepada Allah dan rasul. Kegagalan informan untuk

menguasai bacaan syahadah turut menjejaskan pelaksanaan solat kerana syahadah merupakan bacaan dalam tahiyat akhir. Analisis mengenai solat akan dibincangkan dalam sub topik seterusnya.

Kesimpulan awal analisis daripada aspek akidah menunjukkan majoriti informan pernah belajar mengenai Allah, animisme, konsep alam ghaib dan mengucap syahadah. Informan mendapat pengetahuan melalui KBD, pendidikan di sekolah, dan suami. Namun, hanya sebahagian mualaf sahaja yang mempunyai asas mengenai perkara di atas manakala sebahagian lagi tidak mempunyai asas. Tambahan pula, akidah tidak dijadikan silibus teras dalam pengajian sepertimana fardhu ain dan bacaan Iqra'. Bab akidah hanya disentuh 1 atau 2 kali sahaja daripada 8 pengajian yang diadakan dalam sebulan.

b) Dari Sudut Syariah

Syariah ialah hukum-hukum ketetapan Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad untuk disampaikan kepada seluruh manusia sama ada yang terkandung dalam al-Quran atau al-Sunnah.³⁷ Aspek syariah merupakan aspek kedua terpenting dalam hidup individu muslim. Aspek yang disentuh dalam bahagian ini termasuk solat, bacaan Iqra' dan al-Fatihah, puasa, zakat, konsep halal dan haram, perkahwinan serta aurat.

i. Solat Fardhu

Solat merupakan silibus yang ditekankan dalam KBD secara teori dan praktikal. Persoalan mengenai solat termasuklah jenis solat, bilangan rakaat, waktu solat dan cara-cara berwudhu. Pengkaji berpendapat, mereka yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai syariat akan menguasai perkara tersebut dan mudah untuk menunaikan segala tuntutan. Hasil temu bual mendapati majoriti informan pernah belajar mengenai solat sama ada melalui KBD mahupun belajar sendiri. Apabila diaju soalan bilangan solat

³⁷ 'Abd al-Karīm Zaydān, *Nazarāt Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa al-Qawānīn al-Waḍa'īyyah* (Damshiq: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn, 2011), 61.

fardhu, 8 daripada 11 informan menjawab dengan betul dan hanya 5 daripada 8 informan yang dapat menyenarai jenis solat tersebut. Antaranya jawapan informan 1 dan 3 seperti di bawah.

“Subuh, zohor, asar, maghrib, isyak” M1³⁸

“Urmmm subuh, zohor, maghrib, isyak, asar” M3³⁹

Lanjutan temu bual menunjukkan majoriti informan tidak dapat menjawab bagi soalan bilangan rakaat solat fardhu. Tambahan lagi, informan juga tidak mengingati cara-cara untuk berwudhu. Terdapat informan yang cuba menjawab walaupun tidak mengikut tertib dan ragu-ragu.

“Tangan dulu kan. Tangan tak? Kumur dulu lepas tu telinga. Lepas tu tangan. Eh tangan dulu la yang saya ingat” M4⁴⁰

“Ermmm tangan kaki” M5⁴¹

Kegagalan informan untuk menjawab soalan-soalan di atas menunjukkan pengetahuan informan terhadap asas kefardhuan solat masih lemah. Pengetahuan yang lemah akan menyebabkan penguasaan terhadap solat juga lemah. Ini kerana penguasaan sesuatu perkara perlu didasari dengan pengetahuan dan kefahaman yang baik.

Dari sudut pelaksanaan solat, tiada informan yang menjalankan kewajipan solat secara penuh setiap hari. 6 informan melaksanakan kewajipan solat secara kadang-kadang dengan kadar 1 atau 2 waktu sahaja manakala 7 informan lagi tidak melaksanakan kewajipan solat. Faktor utama informan tidak melaksanakan kewajipan solat adalah kerana tidak menguasai asas kewajipan solat dari sudut jenis solat, bilangan rakaat dan bacaan dalam solat. Antara faktor kekangan yang disebut oleh informan adalah seperti berikut.

“Tak sembahyang sebab tak pandai” M1⁴²

³⁸ M 1, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

³⁹ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁴⁰ M 4, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁴¹ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁴² M 1, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

“Kat rumah kakak tak buat sebab kakak tak berapa pandai lagi”

M2⁴³

“Sembahyang dua kali. Waktu subuh dengan malam. Baca tu tak ingat, rakaat pun tak ingat” M9⁴⁴

“Tak boleh. Nak buat kat rumah pun susah jugak” M13⁴⁵

Informan perlu melazimi KBD untuk mendalami ilmu yang dapat membantu menguasai kefardhuan solat lima waktu. Alasan tidak tahu tetapi malas menuntut ilmu tidak menjadikan informan terlepas daripada melaksanakan kewajipan solat yang mempunyai balasan dosa dan pahala. Kewajipan menuntut ilmu boleh dilihat menerusi hadith Nabi Muhammad.

Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَوَضِعُ الْعِلْمِ عِنْدَ غَيْرِ أَهْلِهِ كَمَقْلَدِ الْخَنَازِيرِ الْجَوْهَرِ وَاللُّؤْلُؤِ وَالذَّهَبِ

Terjemahan: Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap muslim dan sesiapa yang meletakkan ilmu di sisi bukan ahlinya seperti mengikat babi dengan permata, mutiara dan emas.⁴⁶

Terdapat dalam kalangan informan perempuan yang melaksanakan solat dengan bantuan suami ketika di rumah. Ini bermaksud informan hanya dapat menunaikan solat selepas suami pulang bekerja. Sekiranya suami tiada di rumah, informan tidak menunaikan solat kerana hanya bergantung kepada tunjuk ajar suami. Situasi ini diceritakan oleh informan 3, 5 dan 10.

“Biasa solat zohor je kan sebab suami balik. Ikut dia, dia ajar sikit-sikit, kita tak pandai sangat” M3⁴⁷

“Semayang dengan suami la. Dia ajar lepas tu suruh kita ikut” M5⁴⁸

“Tengok orang solat, saya solat je. Saya ikut je” M10⁴⁹

⁴³ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁴⁴ M 9, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁴⁵ M 13, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁴⁶ Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Muqaddimah, Bab Faḍl al-‘Ulamā’ Wa al-Ḥaththu ‘alā Ṭalab al-‘Ilm, no. Hadith 224. Lihat Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz, *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (Riyāḍ: Dār al-Salām lil Nashr wa al-Tawzī‘, 2008), 2491.

⁴⁷ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁴⁸ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁴⁹ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

Bagi yang menyertai KBD, mereka akan solat ketika menghadiri kelas bersama Guru Bridged Dakwah. Adapun di rumah, mereka tidak menunaikan solat kerana belum menguasai asas-asas dalam solat. Keadaan ini berlaku kepada informan 1, 2 dan 11 sepertimana yang diceritakan.

“Di surau kadang ada sembahyang dengan ustad” M1⁵⁰

“Biasa semayang kat surau” M2⁵¹

“Buat sini (surau). Kalau tak buat, tak buat laa” M11⁵²

Masalah ini turut berlaku kepada informan yang telah memeluk Islam selama 7 tahun. Ini bermakna, informan tidak pernah solat fardhu secara lengkap sepanjang 7 tahun. Lebih membimbangkan, terdapat juga informan yang tidak pernah menunaikan solat sepanjang 7 tahun. Kaijan menunjukkan tahap kesempurnaan solat informan masih lemah. Walaupun solat merupakan subjek teras KBD, namun informan yang menyertai masih tidak dapat menguasai dengan baik.

ii. Bacaan Iqra’ dan al-Fatihah

Jadual 4.5 Kebolehan Membaca Iqra’

Tahap Kebolehan	Jumlah Informan
Boleh	0
Tidak Boleh	13

Sumber: Temu bual

Bacaan Iqra’ merupakan silibus kedua yang ditekankan dalam KBD selepas solat. Guru Bridged Dakwah menggunakan buku Iqra Cara Cepat Belajar Membaca Al-Quran. Buku ini sesuai sebagai permulaan mengenal huruf al-Quran. Setiap informan telah diberikan buku Iqra’ sebagai suguhati selepas memeluk Islam. Namun, majoriti informan tidak membawa buku tersebut ke kelas dan hanya bergantung kepada tenaga pengajar. Hasil temu bual menunjukkan seramai 6 informan pernah belajar membaca Iqra’ melalui KBD manakala seorang informan belajar bersama suami di rumah.

⁵⁰ M 1, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁵¹ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁵² M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

Ujian dibuat dengan meminta informan menyebut huruf yang ditunjuk oleh pengkaji. Hasil ujian mendapati seorang informan telah mengenal huruf *alif* sehingga *kho* dan seorang lagi sehingga *ha*. Adapun begitu, 5 informan lagi masih belum mengenal huruf. Berikut adalah hasil ujian bacaan Iqra' bersama informan 2 dan 5.

*“Alif, ba, ta, tha, ja, ha, kho. Apa tu zal, dal? Zal ye. Tu lupe dah.
Yang bawah tak berape ingat” M2⁵³*

*“Alif ba, ba ta, tha, jim, ni ha ak? Lepas ha abang? Abang, lepas
haa” M5⁵⁴*

Di samping itu, 6 informan yang tidak belajar Iqra' menunjukkan mereka tidak tahu membaca Iqra'. Konklusinya, semua informan tidak menguasai bacaan Iqra' secara keseluruhan. Walaupun bacaan Iqra' telah ditekankan dalam KBD, namun informan masih belum menguasai bacaan Iqra'.

Jadual 4.6 Kebolehan Membaca al-Fatihah

Tahap Kebolehan	Jumlah Informan
Boleh	3
Tidak Boleh	10

Sumber: Temu bual

Hasil temu bual mendapati majoriti informan pernah belajar membaca al-Fatihah sama ada melalui KBD mahupun secara sendiri. Bagi ujian bacaan al-Fatihah, informan diminta untuk membaca surah tersebut dan disemak oleh pengkaji. Hasil ujian menunjukkan majoriti informan tidak boleh membaca al-Fatihah. Ini disebabkan masalah lupa dan belum menguasai bacaan sepenuhnya. Informan yang selalu hadir KBD juga tidak menguasai bacaan al-Fatihah. Masalah lupa turut berlaku kepada informan 2 dan 11 sebagaimana yang dikongsi oleh mereka.

“Al-Fatihah? Kakak tak berapa ingat” M2⁵⁵

“Dah tak ingat dahh” M11⁵⁶

⁵³ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁵⁴ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁵⁵ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁵⁶ M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

Kelemahan informan untuk menguasai bacaan al-Fatihah memberi kesan terhadap pelaksanaan solat fardhu. Ini kerana al-Fatihah merupakan salah satu rukun dalam solat. Masalah ini menyebabkan terdapat informan yang hanya melakukan pergerakan solat tanpa membaca apa-apa. Hal ini diceritakan oleh informan kepada pengkaji seperti berikut.

“Turun naik macam tu” M4⁵⁷

“Macam baca bacaan tu takdee. Itu bacaan-bacaan yang tak paham” M11⁵⁸

Kegagalan untuk menyempurnakan rukun solat boleh menyebabkan solat menjadi tidak sah. Akan tetapi, terdapat beberapa cara yang boleh digunakan bagi muafiq yang belum menghafal surah al-Fatihah untuk melaksanakan solat. Muafiq boleh mengikuti bacaan imam sekiranya solat berjemaah manakala menggantikan bacaan al-Fatihah dengan zikir sekiranya solat bersendirian. Jika muafiq juga tidak menghafal apa-apa zikir, dia hanya perlu mengikuti imam atau membuat pergerakan solat tanpa membaca apa-apa.⁵⁹ Walaupun terdapat kelonggaran dalam melaksanakan solat fardhu, namun muafiq tetap berkewajipan untuk terus belajar menguasai bacaan al-Fatihah sehingga berjaya menghafal dengan baik.

iii. Puasa di Bulan Ramadan

Berpuasa di bulan Ramadan merupakan salah satu rukun Islam. Sub topik ini ingin melihat tahap pengetahuan dan pelaksanaan ibadah puasa di bulan Ramadan. Hasil temu bual mendapati majoriti informan mempunyai pengetahuan asas mengenai puasa. Saluran maklumat informan adalah melalui KBD, suami dan televisyen.

“Kalau hurmmm nak dekat puasa, dia ade ajor. Hurmm kira dia ajor lah. Dekat puasa kan” M2⁶⁰

“Suami yang bagitahu” M3⁶¹

⁵⁷ M 4, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁵⁸ M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁵⁹ “Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan,” dikemaskini 5 Julai 2017, dicapai 6 Julai 2017, <http://muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/ta-awwur-islam-101/1681-ti101-5>.

⁶⁰ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

“Belajar daripada suami” M5⁶²

Terdapat dua informan yang tidak tahu kerana belum pernah belajar. Apabila diajukan persoalan niat puasa, hanya 4 informan yang mengingati bacaan niat tersebut manakala baki informan memberikan alasan lupa. Kendatipun, terdapat seorang informan yang mengambil inisiatif untuk menulis bacaan niat dalam buku bagi mengelakkan lupa apabila tiba bulan Ramadan.

“Saya tulis dalam buku. Jadi senang tak lupa” M9⁶³

Dari sudut pelaksanaan, hanya 2 informan yang berjaya menjalani puasa secara penuh di bulan Ramadan.

“Puasa penuh. Kira kita ni puasa dalam seminggu tu je rasa nii, lepas tu takde dah. Rasa macam biasa dah” M5⁶⁴

“Puasa memang buat tiap taun” M10⁶⁵

Sebahagian informan pula menjalani puasa hanya separuh hari. Informan akan berbuka puasa pada jam 1 atau 2 petang disebabkan tidak mampu menahan lapar dan dahaga serta mempunyai masalah kesihatan.

“Kakak cuba try je sampai pukul 1 ke 2 kan, rasa lapar sangat. Tak boleh, kakak gastrik. Kakak cepat gastrik kan” M2⁶⁶

“Tak penuh. Kalau larat, puasa la. Kalau tak larat, separuh hari je” M3⁶⁷

“Setengah boleh la, sampai pukul 2, dahagee, lapar tu tak berape” M11⁶⁸

Terdapat 3 informan yang tidak pernah menjalani ibadah puasa sepanjang memeluk Islam. Ini kerana salah seorang informan baru memeluk Islam 6 bulan yang mana beliau belum bertemu bulan Ramadan. Seorang informan memberikan alasan

⁶¹ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁶² M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁶³ M 9, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁶⁶ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁶⁷ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁶⁸ M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

mempunyai penyakit kencing manis yang bergantung sepenuhnya kepada ubat manakala seorang informan menyatakan beliau belum belajar berpuasa.

“Puasa pun takk. Tak larat. Minum ubat ni. Kena cucuk” M6⁶⁹

Perbandingan amalan solat dan puasa menunjukkan amalan puasa lebih mudah untuk dilaksanakan berbanding solat. Ini juga diakui oleh majoriti informan apabila diajukan soalan berbentuk pendapat bagi kedua-dua amalan tersebut. Hal ini disebabkan ibadah puasa tidak terikat dengan bacaan dan pergerakan khusus yang memerlukan informan untuk mengingati setiap turutan yang diwajibkan sebagaimana solat. Walau bagaimanapun, kedua-duanya adalah kewajipan yang mesti ditunaikan oleh mualaf.

iv. Zakat Fitrah

Membayar zakat fitrah merupakan rukun Islam yang ke 4. Umat Islam diwajibkan untuk membayar zakat fitrah apabila mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan. Dalam perbincangan ini, informan diajukan soalan pengetahuan tentang zakat dan pelaksanaan bayaran zakat. Hasil temu bual mendapati majoriti informan mempunyai pengetahuan asas mengenai zakat. Adapun minoriti informan tidak tahu kerana tidak pernah belajar. Terdapat seorang informan yang kelihatan keliru antara zakat dan sedekah.

“Urmm macam sedekah kan?” M10⁷⁰

Dari sudut pembayaran zakat, majoriti informan tidak melaksanakan kewajipan ini. Hanya 3 informan sahaja yang membayar zakat, di mana 2 daripada mereka dibayar oleh suami manakala seorang lagi membayar kepada Guru Bridged Dakwah namun tidak secara konsisten pada setiap tahun sepertimana yang disebut oleh informan.

“Suami yang bayar” M3⁷¹

“Urmmm bayar dekat sape tuuu, ustad” M9⁷²

⁶⁹ M 6, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁷⁰ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁷¹ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁷² M 9, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

Informan yang tidak membayar zakat fitrah beralasan kutipan zakat tidak dijalankan di kampung mereka.

“Saya bagi kalau dia mintak. Kalau dia cakap, dah tentu kena bayar jugak. Ini dia tak mintak” M11⁷³

“Makcik tak tahu tang mana nak pergi tu” M13⁷⁴

Amil yang dilantik oleh PKZP perlu mengutip zakat daripada informan kerana mereka tidak tahu bayaran perlu disalurkan kepada siapa. Tambahan pula, ada dalam kalangan informan yang menganggap mualaf dikecualikan untuk membayar zakat fitrah.

“Orang baru mana bayar. Orang lama je” M6⁷⁵

Dalam mazhab Shāfi‘ī,⁷⁶ syarat wajib bagi mengeluarkan zakat fitrah ialah Islam dan merdeka. Ini bermakna mualaf juga perlu membayar zakat fitrah kerana telah memenuhi syarat tersebut. Tiada ulama yang mengecualikan mualaf daripada membayar zakat fitrah atas ‘illah baru memeluk Islam. Kefahaman yang salah ini perlu diperbetulkan kerana ia melibatkan kewajipan informan sebagai seorang muslim.

v. Konsep Halal dan Haram

Sesi temu bual dimulakan dengan soalan pengetahuan terhadap konsep halal dan haram. Seterusnya, penentuan kefahaman diuji dengan soalan yang menyediakan pilihan jawapan diantara halal dan haram. Pada akhirnya, pengkaji bertanya soalan komparatif pengamalan informan ketika sebelum dan selepas memeluk Islam. Konsep halal dan haram hanya fokus kepada 4 isu iaitu makan makanan haram seperti kera, biawak dan babi, minum arak, memelihara dan menyentuh anjing serta berjudi. 4 isu ini dipilih kerana sering dilakukan oleh Orang Asal dalam kehidupan mereka. Justeru, isu ini

⁷³ M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁷⁴ M 13, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁷⁵ M 6, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁷⁶ Muḥyi al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *Rawḍah al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn* (Bayrut: Dār al-Ma‘rifah, 2006), 1: 377.

diketengahkan bagi melihat pengamalan informan terhadap perkara tersebut ketika sebelum dan selepas memeluk Islam.

Hasil kajian mendapati majoriti informan mempunyai pengetahuan berkenaan konsep halal dan haram. Akan tetapi, ada 2 informan yang tidak pernah mendengar perkataan halal dan haram dan hanya menggunakan istilah boleh ataupun tidak boleh. Dari sudut kefahaman, kesemua informan dapat membezakan antara perkara yang halal dan haram melalui jawapan yang diberikan.

“Yang haram tu tak boleh laa. Yang mana kita boleh makan, dia cakap ayam, macam ikan” M2⁷⁷

“Kalau kita nak makan benda, sembelih la” M5⁷⁸

“Benda haram bukan boleh makan” M7⁷⁹

Dari sudut pengamalan sebelum memeluk Islam, sebahagian informan mengakui pernah makan makanan haram seperti labi-labi dan kera. Minoriti informan pernah minum arak manakala majoriti informan pernah memelihara dan menyentuh anjing. Sementara itu, semua informan menyatakan tidak pernah bermain judi. Ini menunjukkan, terdapat informan yang tidak mengamalkan perkara yang haram walaupun belum memeluk Islam. Hal ini kerana mereka sudah tidak berminat terhadap perkara-perkara tersebut dan sukar untuk dicari sebagaimana yang diceritakan informan seperti di bawah.

“Makan cara orang kata, halal tu. Tapi sebenarnya kalau tak Islam pun, nak makan benda haram pun payah. Tak minat. Kita banyak makan luar kan” M6

“Ha’ah fikirlah dalam hutan tu banyak. Babi ada biawak ada tupai ada monyet ada, haaa nak cari senang. Sekarang ni mana nak cari? Kalau tak pergi zoo tak nampak” M11

⁷⁷ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁷⁸ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁷⁹ M 7, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

Informan juga memberitahu bahawa majoriti Orang Asal perempuan tidak mengamalkan minum arak walaupun sebelum memeluk Islam. Tradisi minum arak ketika pesta perkahwinan hanya dilakukan oleh orang lelaki.

“Perempuan memang jauh sekali” M9

“Takkk, kita orang perempuan tak minum. Lelaki ade lah tapi macam masa ada kenduri-kenduri tu la” M12

Adapun selepas memeluk Islam, hasil temu bual menunjukkan kesemua informan tidak lagi makan makanan yang haram, minum arak dan berjudi. Ini bermakna permasalahan bermain judi apabila terdapat kematian sebagaimana yang dibangkit pada masalah kajian tidak berlaku dalam kalangan informan. Masalah ini mungkin berlaku dalam kalangan Orang Asal yang telah lama memeluk Islam. Perubahan ini dipengaruhi oleh kenaikan taraf hidup informan serta persekitaran yang semakin maju. Tambahan pula, informan menyedari kewajipan untuk meninggalkan perkara tersebut dan mendapat pencerahan melalui KBD.

“Kalau yang benda halal (haram) tu dia bagitahu jangan makan”

M2⁸⁰

“Sebelum masuk Islam, mungkin ayah mak saya bawak la makan benda-benda macam ni. Tapi lepas saya dah masuk ugama ni, semua tu saya tak pandang lah semua itu” M10⁸¹

Dalam isu memelihara anjing, masih terdapat informan yang berbuat demikian walaupun selepas memeluk Islam. Berdasarkan temu bual, 3 informan hanya memelihara namun tidak menyentuh anjing bagaimanapun 2 informan lagi mengakui menyentuh anjing sebagaimana binatang peliharaan lain. Informan mengetahui pengharaman menyentuh anjing namun mengambil ringan perkara tersebut tanpa alasan. Dalam mazhab Shāfi‘ī, keharusan untuk membela anjing adalah untuk tujuan berburu dan menjaga (*hirasah*) manakala menyentuh anjing tanpa keperluan adalah tidak dibenarkan.⁸² Sekalipun wujud perbezaan pendapat dalam bab sentuhan, pengkaji

⁸⁰ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁸¹ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁸² Al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū‘*, 2: 403-404.

cenderung untuk mengambil pendapat haram memandangkan informan adalah orang awam yang hanya bertaqlid semata-mata. Hukum ini juga berkait rapat dengan ibadah kerana informan perlu membasuh dengan air tanah dan mutlak jika menyentuh anjing dalam keadaan basah. Dalam masa yang sama, pengkaji yakin informan tidak mengetahui kaedah tersebut memandangkan mereka tidak pernah menghadiri KBD dan tidak menuntut ilmu di mana-mana. Pernyataan ini disokong oleh salah seorang pembantu tadbir MUIP merangkap Guru Bridged Dakwah.

“Mualaf yang pergi kelas takde masalah ni tapi kalau mualaf yang tak gi kelas, biasanya bermasalah”⁸³

vi. Perkahwinan Berlainan Agama

Demografi menunjukkan seramai 9 informan telah berkahwin. Dalam sub-topik ini, hasil temu bual mendapati ada informan yang berkahwin dengan pasangan yang tidak beragama Islam. Masalah ini telah ditimbulkan dalam bab permasalahan kajian dan memerlukan perincian maklumat serta tindakan pihak MUIP. Informan 7 telah berkahwin dengan pasangannya yang masih mengamalkan kepercayaan animisme.

“Eh takkk. Suami tak Islam” M7⁸⁴

Informan telah berkahwin selama 2 tahun dan mempunyai seorang anak. Dari sudut hukum, mazhab Shāfi'ī tidak membenarkan perkahwinan berlainan agama. Sekiranya berlaku, maka perkahwinan tersebut tidak sah dan terbatal.⁸⁵ Enakmen Undang-Undang keluarga Islam 2005 juga telah menyebut bahawa seorang yang beragama Islam tidak boleh berkahwin dengan pasangan bukan Islam kecuali ahli kitab. Adapun perkahwinan bersama ahli kitab dibenarkan kepada lelaki sahaja.⁸⁶ Upacara pernikahan mereka adalah mengikut adat Orang Asal yang secara jelas tidak memenuhi rukun pernikahan dalam Islam.

⁸³ Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 18 Ogos 2016.

⁸⁴ M 7, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁸⁵ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī, *Al-Umm* (Manṣūrah, Dār al-Wafā', 2008), 6:14.

⁸⁶ Enakmen 3 Tahun 2005 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, 2005, (No 10/2005).

Permasalahan ini turut melibatkan penentuan nasab bagi anak tersebut. Perkahwinan ini dikategori sebagai perkahwinan yang meragukan, maka anak yang lahir adalah hasil persetubuhan *syubhah*. Dalam perbincangan ini, ulama mengatakan boleh dinasabkan kepada bapa tersebut.⁸⁷ Pengkaji merasakan informan 7 mengetahui hukum perkahwinan tersebut kerana mendapat pendidikan hingga peringkat sekolah menengah namun tidak mengetahui implikasi perkahwinan terhadap penentuan nasab anak mereka. Informan juga tidak pernah menyertai KBD ataupun mana-mana kelas pengajian yang lain. Pihak MUIP tidak mengetahui permasalahan ini dan belum mengambil apa-apa tindakan.

Masalah ini juga berlaku kepada informan 6. Informan berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam kira-kira 4 tahun sebelum informan memeluk Islam. Berlainan pula dengan situasi informan 11. Informan telah berkahwin 50 tahun yang lalu namun pasangan informan mengambil keputusan untuk memeluk Islam terlebih dahulu berbanding informan. Penulis dimaklumkan pasangan informan memeluk Islam 3 tahun sebelum informan memeluk Islam. Makluman informan adalah seperti berikut.

“Kak 93 (tahun peluk Islam), saya baru lagi” M6⁸⁸

“Dia dah sepuluh tahun (peluk Islam)” M11⁸⁹

Mengikut undang-undang keluarga Islam di Pahang, perkahwinan mereka terbubar dengan sendirinya.⁹⁰ Namun informan dan pasangan tidak mengetahui implikasi yang berlaku kerana tidak mendapat pendedahan perkara tersebut. Pihak MUIP mengetahui masalah yang berlaku namun belum mengambil apa-apa tindakan.

⁸⁷ Al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū‘*, 17: 167.

⁸⁸ M 6, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁸⁹ M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁹⁰ Enakmen 3 Tahun 2005 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, 2005, (No 46/2005).

vii. Aurat

Aurat diistilahkan sebagai bahagian yang perlu ditutup daripada pandangan mata.⁹¹ Dalam temu bual bersama informan, mereka diminta untuk memberikan pengertian aurat menurut kefahaman mereka dan menceritakan bentuk pemakaian dalam kehidupan seharian. Dalam masa yang sama, pengkaji juga membuat pemerhatian terhadap pemakaian informan ketika sesi temu bual dijalankan.

Majoriti informan mempunyai pengetahuan asas mengenai aurat walaupun tidak dapat memperincikan batasan aurat sebenar bagi lelaki dan perempuan. Majoriti informan berpandangan menutup aurat ialah tidak berseluar pendek bagi lelaki manakala berbaju lengan panjang dan bertudung bagi perempuan. Antara definisi aurat yang dilontar oleh informan adalah seperti di bawah.

“Dia nak pakai seluar panjang kan. Seluar pendek tak boleh” M2⁹²

“Kalau kita perempuan kena pakai baju panjang dan seluar panjang. Seluar pendek tak boleh kan” M5⁹³

“Perempuan kena pakaiiii kira macam tutup aurat la. Pakai tudung, baju. Baju lengan panjang haaa” M7⁹⁴

Kefahaman ini masih sempit bagi menggambarkan konsep menutup aurat yang sebenar bagi seorang muslim. Walau bagaimanapun, terdapat informan yang memahami konsep menutup aurat dengan lebih luas, antaranya:

“Kalau seluar ketat macam kakak pakai tadi tak boleh” M2

“Jangan pakai fit-fit” M7

Dari sudut pengamalan dalam kehidupan seharian, majoriti informan tidak menutup aurat dengan sempurna. Informan tidak memakai baju yang menutup aurat, tidak bertudung dan berseluar pendek ketika mana berada di luar rumah yang terdedah kepada pandangan bukan *mahram*. Situasi begini juga berlaku ketika sesi temu bual.

⁹¹ Al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū‘*, 3:119.

⁹² M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁹³ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁹⁴ M 7, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

Terdapat informan yang hanya bertudung apabila keluar dari kawasan kampung atau ke KBD sahaja. Antara alasan yang dikemukakan informan adalah seperti berikut.

“Errr kakak pergi surau belajar, kena pakai. Kalau rimas tu, terpaksa pakai” M2⁹⁵

“Kalau macam nak gi kedai kat kampung ni, tak pakai la. Kira kat kampung ni tak. Kalau nak keluar Kuala Triang ke, macam Kerayong, pakai tudung” M5⁹⁶

“Kalau saya pergi surau tu, saya pakai tudung. Kalau jalan depan-depan tu, saya biasa-biasa je la” M10⁹⁷

“Kalau nak pergii pejabat tu, pejabat ugama tu, pakai tudung”

M13⁹⁸

Ini membuktikan, informan tidak mempunyai halangan untuk menutup aurat dengan sempurna namun memberi alasan rimas dan sakit kepala untuk mengenakan tudung apabila keluar dari rumah. Terdapat seorang informan yang menutup aurat dengan sempurna walaupun sebelum memeluk Islam. Pengkaji merasakan informan tahu kewajipan menutup aurat namun masih terbiasa dengan cara hidup sebelum Islam.

Kesimpulan dari sudut syariah, majoriti informan telah belajar tentang solat, puasa, zakat fitrah, konsep halal dan haram, bacaan Iqra' dan al-Fatihah. Pembelajaran ini sama ada melalui KBD, pendidikan di sekolah atau melalui persekitaran. Sungguhpun demikian, informan belum menguasai aspek kewajipan solat fardhu, puasa, pembayaran zakat fitrah, menutup aurat, bacaan Iqra' dan al-Fatihah. Ini menyebabkan pengamalan informan terhadap aspek di atas turut bermasalah. Walaupun KBD telah menekankan pembelajaran solat dan bacaan Iqra', namun ia tidak memberi kesan yang besar terhadap pengamalan informan sekalipun sering menghadiri KBD. Mereka tidak menguasai apa yang telah diajar walaupun telah lama memeluk Islam. Akan tetapi,

⁹⁵ M 2, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

⁹⁶ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

⁹⁷ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

⁹⁸ M 13, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

terdapat informan yang tidak menghadiri KBD tetapi mempunyai kefahaman yang baik terhadap aspek syariah.

c) Dari Sudut Akhlak

Akhlak bermaksud sifat yang ada dalam diri manusia sama ada secara semulajadi mahupun hasil usaha seseorang yang memberi kesan kepada tingkah laku sama ada terpuji mahupun tercela.⁹⁹ Islam mendidik umatnya supaya berakhlak mulia sebagaimana firman Allah.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Al-Ahzab 33: 21

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Dalam KBD, akhlak bukan satu silibus teras yang ditekankan. Guru Bridged menyentuh berkenaan akhlak pada waktu yang perlu sahaja. Justeru, persoalan akhlak menyentuh berkenaan doa dan pergaulan bersama orang lain secara umum.

i. Doa

Jadual 4.7 Pengamalan Berdoa

Pengamalan Berdoa	Jumlah Informan
Ada	4
Tiada	9

Sumber: Temu bual

Doa merupakan silibus sampingan KBD. Hasil temu bual menunjukkan majoriti informan mempunyai pengetahuan asas tentang doa-doa sama ada melalui KBD atau belajar sendiri. Dari sudut pengamalan, hasil temu bual boleh dilihat menerusi jadual 4.7. Majoriti informan tidak mengamalkan doa-doa yang telah dipelajari. Ini kerana informan tidak menguasai dan menghafal doa-doa tersebut. Lebih-lebih lagi, doa yang

⁹⁹ Muṣṭafā Dīb al-Bughā, *Nizām al-Islām fi al-'Aqīdah wa al-Akhlāk wa al-Tashrī'* (Damshiq: Dār al-Muṣṭafā, 2006), 153.

diajar adalah dalam bahasa Arab yang sudah pasti asing bagi informan. Tambahan pula, mereka tidak mengetahui keharusan berdoa dalam bahasa harian mereka. Hanya seorang informan yang berdoa menggunakan bahasa harian sebagai ganti kepada bahasa arab.

*“Kalau nak doa, doa macam tu. Tak tahu la Dia nak kabul atau tak”*M9¹⁰⁰

Doa yang diketahui oleh informan ialah doa sebelum makan sahaja. Informan mendapat bimbingan daripada suami dalam mempelajari doa-doa harian.

“Doa? Tak semua yang ingat. Tak berapa ingat. Yang selalu baca doa makan” M3¹⁰¹

“Doa makan tahu sikit” M5¹⁰²

Walaupun berdoa bukanlah satu perkara yang wajib dalam Islam, namun ia melengkapkan kehidupan informan sebagai seorang muslim. Oleh itu, KBD perlu juga menekankan pengajaran doa-doa harian secara amali kepada informan.

ii. Pergaulan Yang Baik

Dari sudut pergaulan, majoriti informan mempunyai hubungan baik dengan Orang Asal. Walaupun telah memeluk Islam, mereka tidak memutuskan hubungan silaturahim sesama keluarga, saudara dan jiran yang tidak beragama Islam. Majoriti informan juga bergaul dengan orang Melayu yang tinggal di perkampungan berhampiran bahkan berlaku perkahwinan campur di antara Orang Asal dan orang Melayu sebagaimana informan 5. Hubungan baik ini menunjukkan Orang Asal tidak lagi hidup berpuak-puak sebagaimana pada zaman dahulu sepertimana yang diceritakan dalam bab Sejarah Orang Asal. Hubungan baik ini memberi nilai tambah untuk Orang Asal memahami budaya orang Melayu dan agama Islam.

Faktor yang mendorong hubungan baik ini ialah kenaikan taraf hidup, pendidikan dan pekerjaan. Orang Asal tidak lagi tinggal di dalam atau pinggir hutan. Mereka mula

¹⁰⁰ M 9, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

¹⁰¹ M 3, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

¹⁰² M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

hidup menetap di satu kawasan seperti kampung, pinggir bandar dan bandar yang menghubungkan mereka dengan dunia luar. Selain itu, informan mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan yang bercampur dengan bangsa lain seperti Melayu, Cina dan India. Guru Bridged Dakwah juga dalam kalangan orang Melayu. Terdapat informan yang bekerja bersama orang Melayu menjadikan beliau tidak kekok untuk bergaul walaupun berlainan kaum dan bangsa. Pengkaji juga mengakui kebaikan akhlak yang ditunjukkan informan ketika temu bual dijalankan. Antara respon terhadap persoalan di atas adalah seperti berikut.

“Kawan melayu masa duduk luar ade laa” M5¹⁰³

“Kalau nak tanye, anak sedare saya, dia kawen dengan melayu. Dia cikgu, bini dia cikgu jugak. Orang Terengganu” M6¹⁰⁴

“Ahhh dengan melayu ni kita berodong (berkawan) dari kecil sampai ke tua” M11¹⁰⁵

Kesimpulan dari sudut akhlak, berlaku perbezaan antara pengamalan berdoa dan pergaulan bersama orang lain. Majoriti informan tidak mengamalkan doa yang dipelajari namun mengamalkan pergaulan yang baik bersama orang lain. Perbezaan pengamalan ini kerana doa diketahui melalui pembelajaran sama ada dalam KBD atau bersama orang lain manakala pergaulan pula dipelajari melalui kehidupan seharian. Justeru itu, pergaulan yang baik lebih mudah untuk diamalkan berbanding berdoa yang mengambil masa untuk dipelajari dan difahami sebelum diamalkan. Pergaulan yang baik telah diamalkan sebelum informan memeluk Islam, adapun doa-doa diketahui selepas memeluk Islam. Tambahan pula, aspek berdoa tidak ditekankan dalam KBD yang menyebabkan informan tidak menguasai doa-doa harian.

¹⁰³ M 5, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

¹⁰⁴ M 11, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

¹⁰⁵ M 6, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 April 2017.

4.3 SEBAB-SEBAB YANG MEMPENGARUHI TAHAP KEAGAMAAN MUALAF

Analisis keseluruhan menunjukkan majoriti informan pernah belajar mengenai akidah, syariah dan akhlak sama ada melalui KBD, sekolah atau secara sendiri. Walau bagaimanapun, hasil temu bual mendapati sebahagian informan tidak tahu dan tidak faham secara keseluruhan tiga aspek yang dibincangkan. Dalam erti kata lain, informan tidak mampu menguasai walaupun asas bagi aspek akidah, syariah dan akhlak. Pengkaji yakin bahawa pengetahuan yang baik dan kefahaman yang betul akan memberi kesan positif terhadap pengamalan sesuatu perkara. Dalam kajian ini, majoriti informan tidak mengamalkan apa yang telah dipelajari dalam ketiga-tiga aspek kecuali telah meninggalkan perbuatan haram yang sering dilakukan sebelum memeluk Islam dan pergaulan yang baik. Hal ini bersangkutan dengan kegagalan informan untuk menguasai tahap pengetahuan dan kefahaman ketiga-tiga aspek tersebut. Ini membuktikan kekurangan pengetahuan akan memberi kesan terhadap kefahaman yang akhirnya akan menjejaskan pengamalan seseorang. Masalah ini turut berlaku kepada pelajar Orang Asal di daerah Bentong dalam kajian yang dijalankan oleh Suhairi Kiman.¹⁰⁶ Kurang pengetahuan agama boleh menjadi punca dalaman berlakunya gejala murtad dalam kalangan mualaf.¹⁰⁷

Hasil kajian ini menjumpai sebab-sebab yang mempengaruhi kelemahan pengetahuan, kefahaman dan pengamalan mualaf. Sebab dikategorikan kepada sebab luaran dan sebab dalaman.

1. Sebab Luaran

Sebab luaran merangkumi kelemahan pengurusan MUIP terhadap KBD dan ketiadaan pembimbing di rumah.

i) Kelemahan pengurusan KBD

¹⁰⁶ Suhairi Kiman, "Masalah Penghayatan Islam di Kalangan Pelajar Orang Asli Daerah Bentong, Pahang" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2009), 146.

¹⁰⁷ Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad dan Azman Ab. Rahman, "Peranan Zakat dalam Mengatasi Masalah Murtad di Kalangan Muallaf di Malaysia: Satu Tinjauan Awal," *Jurnal Pengurusan Jawhar* 7, no. 2 (2013), 149.

KBD dibawah tanggungjawab Unit Dakwah dan Muallaf MUIP dengan bantuan MUIP cawangan. Pengurusan termasuklah melantik Guru Bridged Dakwah dan pembayaran elaun bulanan. Unit Dakwah dan Muallaf juga bertanggungjawab memantau gerak kerja MUIP cawangan dalam mengurus muallaf. Oleh yang demikian, pihak yang menguruskan bahagian muallaf sama ada Unit Dakwah dan Muallaf atau di cawangan dibebani lambakan kerja dengan bilangan kakitangan yang terhad. Masalah ini turut menimpa institusi agama di negeri lain.¹⁰⁸ Unit Dakwah dan Muallaf perlu menguruskan bahagian dakwah dan muallaf bagi seluruh negeri Pahang. Manakala, MUIP cawangan pula perlu menguruskan zakat kepada semua asnaf termasuklah asnaf muallaf. Oleh yang demikian, kekurangan kakitangan dan bebanan kerja menyebabkan MUIP tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap KBD yang mengakibatkan sistem pengurusan menjadi lemah. Masalah di atas disebut informan seperti berikut.

“Awok tengok lah sendiri, staf saya bukan ramai pun. Mana nak buat keje pejabat lagi, mana nak turun pantau lagi. Nak buat semua kerja pun tak sempat.”¹⁰⁹

“Staf kat sini ade lima orang je. Semua kami kena buat.”¹¹⁰

“Kalau ikutkan keje yang ade, tak cukup lima orang je nak buat. Bukan muallaf je, semua asnaf.”¹¹¹

ii) Tidak mewajibkan kehadiran ke KBD

KBD menjadi platform utama informan bagi menuntut ilmu. Walau bagaimanapun, sambutan KBD kurang memberangsangkan. Ini kerana MUIP tidak mewajibkan muallaf untuk menghadiri kelas. KBD khusus kepada muallaf dan juga terbuka kepada semua.

¹⁰⁸ Bicara Agama, “Hak Zakat Golongan Muallaf,” laman sesawang Utusan Online, dicapai 24 Mei 2017, dikemaskini 24 Mei 2017, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0918&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm.

¹⁰⁹ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

¹¹⁰ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016

¹¹¹ Informan A (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 14 Oktober 2016.

Oleh sebab itu, informan tidak memberikan komitmen untuk hadir pada setiap kelas. Menurut Guru Bridged Dakwah, sambutan semakin merosot selepas MUIP tidak lagi memberikan elaun menghadiri kelas kepada mualaf. MUIP tidak mahu mualaf hadir ke kelas kerana ingin mendapatkan habuan bukan kerana mendapatkan ilmu. Penghapusan peruntukan elaun disentuh oleh informan dalam temu bual seperti di bawah.

“Elaun Kelas Bridged dulu ada tapi dah dihentikan. Kita tak nak mualaf pergi ke kelas sebab nak dapat duit bukan nak dapat ilmu. Kita tak nak biasakan mereka dengan cara macam tu.”¹¹²

Informan lebih mengutamakan hal lain seperti berkebum atau memancing yang mendatangkan hasil kepada mereka atau duduk di rumah. Tidak mewajibkan kehadiran ke kelas menjadi sebab mualaf tidak memberi komitmen yang akhirnya menatijahkan tahap pengetahuan informan terhadap aspek akidah, syariah dan akhlak masih lemah.

iii) Tiada modul atau silibus yang selaras

Modul atau silibus memainkan peranan penting dalam sistem P&P. Ini kerana ia dijadikan sebagai panduan kepada tenaga pengajar dan disusun mengikut peringkat yang sesuai. Hasil temu bual mendapati Unit Dakwah dan Muallaf tidak menyediakan modul atau silibus KBD kepada tenaga pengajar. Perkara ini disebut informan dalam temu bual seperti berikut.

“Kami tak ade modul yang khusus. Cara mengajor ke, silibus ke, semua diserahkan kepada tenaga pengajar”¹¹³

Mereka hanya menyarankan Guru Bridged Dakwah supaya menggunakan buku *Mukāshafah al-Qulūb* bagi ilmu akidah, buku Tajwid al-Quran Rasm al-Uthmani bagi ilmu al-Quran dan buku Indahya Hidup Bersyariat bagi ilmu fardhu ain. Akan tetapi terpulang kepada keselesaan tenaga pengajar. Walaupun buku yang dicadangkan merupakan asas dalam bab akidah, al-quran dan fardhu ain, namun pihak MUIP masih perlu menyusun modul atau silibus berdasarkan buku tersebut mengikut peringkat

¹¹² *Ibid.*

¹¹³ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

tempoh mualaf. Ini supaya mualaf menerima ilmu pengetahuan mengikut kesesuaian peringkat dan mencakupi keseluruhan asas yang diperlukan.

Selain itu, KBD di Bera tidak menekankan aspek akidah dan akhlak. Mualaf dalam kajian Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail turut mengakui bahawa aspek akidah tidak ditekankan dalam kelas mereka.¹¹⁴ Tumpuan diberikan terhadap aspek syariah yang merangkumi fardhu ain dan bacaan Iqra'. Silibus akidah dan akhlak diajar secara tidak berkala. Ini menyebabkan informan kurang mendapat pengetahuan mengenai akidah dan akhlak. Sepatutnya, akidah menjadi silibus utama kepada informan dalam memastikakan kepercayaan teguh terhadap Islam dan menghakis kepercayaan animisme yang dianuti sebelum ini.

iv) Sistem pantauan yang lemah

Hasil kajian mendapati pihak MUIP menjalankan pantauan terhadap KBD melalui laporan bulanan yang dihantar oleh Guru Bridged Dakwah. Pantauan secara turun padang sepatutnya dijalankan oleh MUIP namun belum berkesempatan ekoran masalah kekangan waktu dan bebanan kerja di pejabat. Kelemahan ini diakui informan sebagaimana yang dinyatakan seperti berikut.

“Kami memang sepatutnya buat pantauan dengan pergi ke kelas, tapi setakat ini belum berkesempatan lagi. Masih dalam perancangan”¹¹⁵

Oleh itu, mereka hanya melakukan pantauan jarak jauh dengan melihat kepada laporan bulanan. Laporan hanya menyentuh tentang asas perjalanan kelas dari sudut tarikh, masa, tempat, subjek dan bilangan kehadiran. Laporan yang dibuat lebih kepada memaklumkan berapa jumlah KBD yang telah dijalankan dalam tempoh sebulan bagi tujuan pembayaran elaun.

¹¹⁴ Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail “Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan” (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat & Waqf 2015 (IMAF 2015), Kolej Universiti Islam Selangor, Bangi, 1-2 Disember 2015), 6.

¹¹⁵ Informan D (Pegawai Hal Ehwal Islam Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

Pantauan tidak cukup sekadar meneliti laporan yang dihantar. Ini kerana laporan tersebut tidak lengkap bagi menggambarkan keseluruhan perjalanan KBD. Tambahan pula, laporan berkenaan tidak menyatakan permasalahan yang timbul bagi tujuan penambahbaikan dan tidak menyertakan prestasi muafaf terhadap subjek yang diajar bagi tujuan penilaian semasa. Lebih-lebih lagi, MUIP tidak pernah menjalankan kaji selidik kepuasan muafaf terhadap KBD. Laporan lengkap adalah perlu sebagai kayu ukur perkembangan semasa KBD.

v) Ketiadaan pembimbing di rumah

Majoriti informan memeluk Islam kerana keinginan diri sendiri. Informan tertarik dengan keindahan agama Islam melalui media elektronik, pendidikan di sekolah dan pergaulan. Akan tetapi, informan tidak lari dari menghadapi masalah selepas memeluk Islam. Majoriti informan bergantung sepenuhnya kepada Guru Bridged Dakwah dalam menuntut ilmu kerana tiada pembimbing di rumah. Bagi informan perempuan yang telah berkahwin, mereka bergantung kepada suami dalam melaksanakan tuntutan agama seperti sembahyang, puasa, membayar zakat dan membaca iqra'. Namun bergantung kepada waktu lapang suami kerana keluar bekerja. Informan tidak dapat menjalankan kewajipan apabila berseorangan kerana belum menguasainya.

2. Sebab Dalaman

Sebab dalaman dipengaruhi oleh sebab luaran yang telah disebut. Sebab dalaman merujuk kepada diri informan yang merangkumi sikap informan yang kurang memberi komitmen kehadiran ke KBD, tahap pendidikan dan peringkat usia.

i) Komitmen kehadiran ke KBD

Penelitian kaitan kekerapan kehadiran ke KBD dengan tahap pengetahuan muafaf, pengkaji mendapati mereka yang menghadiri KBD akan menerima ilmu pengetahuan walaupun sedikit. Sebahagian informan yang dapat menjawab soalan pengkaji menyatakan mendapat pengetahuan ketika menghadiri KBD. Oleh itu, kelemahan

pengetahuan adalah disebabkan informan tidak memberi komitmen untuk menghadiri KBD. Tambahan pula, MUIP tidak bertindak mewajibkan kehadiran mualaf ke KBD. Ini menyebabkan mualaf tidak memberi komitmen yang baik terhadap KBD kecuali beberapa informan.

Namun begitu, faktor ini tidak menjadi sebab utama kelemahan pengetahuan informan. Ini kerana, terdapat informan yang kerap menghadiri KBD namun pengetahuan masih lemah manakala terdapat informan yang tidak pernah menghadiri KBD, akan tetapi mempunyai pengetahuan yang baik. Perbezaan ini didorong oleh sebab yang lain. Walau bagaimanapun, kurang komitmen kehadiran tetap menjadi salah satu sebab terhadap kelemahan pengetahuan informan. Tambahan pula, KBD merupakan saluran utama untuk informan mendapatkan ilmu pengetahuan memandangkan informan tidak menyertai kelas bimbingan yang lain.

ii) Tahap pendidikan

Temu bual mendapati terdapat informan yang tidak pernah menghadiri KBD tetapi mempunyai asas pengetahuan yang baik. Hasil kajian menunjukkan informan tersebut mendapat pendidikan formal hingga peringkat sekolah menengah. Asas pengetahuan diperolehi melalui pembelajaran di sekolah. Ini menjadikan informan tahu walaupun tidak menghadiri KBD. Di samping itu, informan yang kerap menghadiri KBD namun asas pengetahuan masih lemah juga disebabkan tahap pendidikan. Informan tidak pernah mendapat pendidikan secara formal dan bergantung sepenuhnya dengan KBD sebagai saluran mendapatkan pengetahuan. Oleh kerana itu, pengetahuan informan masih lemah walaupun kerap menghadiri KBD.

iii) Peringkat usia

Selain daripada tahap pendidikan, tahap pengetahuan yang berbeza juga disebabkan oleh tahap usia. Kajian menunjukkan informan berpangkat warga tua dan warga emas kurang asas pengetahuan berbanding remaja dan dewasa sekalipun mereka kerap

menghadiri KBD. Ini kerana informan memerlukan tempoh yang lebih lama untuk mempelajari, memahami dan menguasai sesuatu lebih-lebih lagi aspek syariah. Tambahan pula, majoriti warga tua dan warga emas mempunyai masalah buta huruf kerana tidak mendapat pendidikan formal semenjak kecil. Masalah ini dikongsi informan dalam temu bual seperti berikut.

“Itu yang saya masalah. Tak pandai baca, tak pandai tulis” M10¹¹⁶

“Makcik nak tengok buku, tak pandai membaca. Buku memang buku ada. Buku yang besar, tebal tu, ada. Makcik punye tapi makcik tak pandai yang baca” M13¹¹⁷

Kesukaran untuk mendalami ilmu agama kerana masalah buta huruf akibat tidak bersekolah turut berlaku kepada salah seorang informan dalam kajian Irwan et. Al (2015).¹¹⁸

Oleh yang demikian, 8 sebab di atas sama ada luaran atau dalaman mempengaruhi tahap keagamaan mualaf. Masalah kelemahan pengurusan terhadap KBD mempengaruhi sikap mualaf dalam memberi komitmen kehadiran ke KBD. Ini antara sebab yang mengakibatkan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan mualaf masih lemah. Masalah sebegini turut menjadi isu yang diketengahkan dalam kajian Siti Fathimatul Zahrah Yusri dan A’thiroh Masyaa’il Tan Abdullah @ Tan Ai Pow.¹¹⁹ Perbezaan tahap pula disebabkan latar pendidikan yang berbeza dan disokong oleh faktor usia. Sebab-sebab ini turut berlaku di daerah lain dalam negeri Pahang.¹²⁰ Hasil kajian mendapati mualaf masih kurang beragama sama ada aspek akidah, syariah dan akhlak. Ada kajian menunjukkan mualaf cenderung untuk setia dan komited jika menerima sokongan dan manfaat terutama daripada masyarakat Islam. Setia dan

¹¹⁶ M 10, dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2017.

¹¹⁷ M 13, dalam temu bual dengan pengkaji, 6 April 2017.

¹¹⁸ Irwan et. al, “Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 6 (2015), 127.

¹¹⁹ Siti Fathimatul Zahrah Yusri dan A’thiroh Masyaa’il Tan Abdullah @ Tan Ai Pow, “Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf: Satu Kajian Literatur” (Kertas kerja, Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 5-6.

¹²⁰ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, “Cabaran dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang” (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 376-378.

komited terhadap pegangan Islam merupakan implikasi kepuasan mualaf terhadap cara hidup Islam.¹²¹ Dalam kajian ini, mualaf tidak menunjukkan komited dalam melaksanakan setiap tuntutan kerana tidak menerima sokongan daripada orang sekeliling dan manfaat KBD secukupnya. Apabila KBD kurang memberi berkesan terhadap mualaf, ini menunjukkan pelaksanaan KBD masih kurang berjaya. Oleh itu, agihan zakat produktif terhadap nilai keagamaan terhadap mualaf juga masih kurang berjaya.

4.4 KESIMPULAN

Kesimpulan analisis tahap keagamaan mualaf dari aspek akidah, syariah dan akhlak menunjukkan mualaf masih kurang beragama. Tahap ini berkait dengan sebab luaran oleh pihak MUIP dan dalaman daripada mualaf sendiri. MUIP perlu memperbaiki kelemahan yang berlaku dalam pengurusan KBD supaya KBD dapat memberi impak positif terhadap tahap keagamaan mualaf. Dalam masa yang sama, mualaf perlu memberi komitmen untuk hadir ke KBD bagi mendapatkan ilmu pengetahuan walaupun berbeza tahap pendidikan dan usia. Sekalipun mualaf belum mampu menguasai tiga aspek utama, namun kehadiran ke KBD menambah ilmu pengetahuan mualaf. Agihan zakat produktif terhadap nilai keagamaan kepada asnaf mualaf melalui pelaksanaan KBD masih kurang berjaya. Ini menyebabkan tujuan agihan zakat terhadap asnaf mualaf dalam meningkatkan ilmu pengetahuan masih belum tercapai. Kelemahan dan kekurangan yang berlaku perlu diperbaiki dan membuat penambahbaikan setimpal dengan jutaan ringgit dana zakat yang diperuntukkan pada setiap tahun.

¹²¹ Mariam Abdul Majid, "Mualaf di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri dalam Kehidupan Islam" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 133.

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Mualaf merupakan salah satu asnaf yang layak menerima zakat. Tujuan agihan zakat kepada asnaf mualaf adalah untuk meningkatkan keimanan atau menjinakkan hati. Jenis bantuan yang diterima sama ada secara langsung dari sudut sara diri, atau tidak langsung yang terdiri daripada bantuan produktif terhadap nilai keagamaan dan bantuan am. Bagi mencapai tujuan agihan dalam meningkatkan keimanan mualaf, MUIP menjalankan kelas bimbingan seperti Kelas Bimbingan Mualaf, Kelas Bridged Dakwah (KBD) dan Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak. Walaupun telah ada platform bagi mualaf mendalami ilmu agama, namun ia tidak berjaya menghalang mualaf daripada melakukan perkara yang bersalahan dalam agama. Ini kerana, terdapat dalam kalangan mualaf yang masih mempercayai kepercayaan animisme, mengamalkan permainan judi apabila terdapat kematian dan perkahwinan berlainan agama.

Dapatan kajian ini telah berjaya mencapai tiga objektif yang telah digariskan iaitu i) mengemukakan ciri-ciri golongan mualaf menurut pandangan ulama dan perspektif semasa, ii) menghurai bentuk agihan zakat terhadap asnaf mualaf di Pahang serta iii) menganalisis kesan agihan zakat terhadap tahap keagamaan asnaf mualaf Orang Asal di Pahang. Justeru itu, bab ini akan merumuskan keseluruhan hasil kajian mengenai kesan agihan zakat terhadap tahap keagamaan mualaf Orang Asal, sekali gus menjelaskan ketiga-tiga objektif kajian yang telah digariskan.

5.2 DAPATAN KAJIAN

5.2.1 Konsep Mualaf Menurut Islam

Perbincangan mualaf berasaskan kepada perkataan mu'allafah qulūbuhum dalam surah al-Taubah ayat 60. Ayat ini menceritakan perihal 8 kelompok yang layak menerima

zakat. Justeru difahami secara umum, mualaf merupakan salah satu kelompok yang layak menerima zakat. Kupasan mengenai mualaf turut menyentuh berkaitan zakat sebagaimana perbincangan dalam tafsir al-Quran, hadith dan fiqh. Perbincangan dalam tafsir al-Quran adalah berdasarkan kepada surah al-Taubah manakala perbincangan hadith dengan berdasarkan perbuatan Nabi Muhammad mengagihkan zakat kepada mualaf. Fiqh pula adalah gabungan perbincangan tafsir dan hadith dalam menentukan ciri-ciri mualaf.

Menurut tafsir al-Quran, mualaf terbahagi kepada tiga kelompok utama. Kelompok pertama ialah orang yang belum memeluk Islam, kedua ialah orang yang baru atau telah memeluk Islam manakala kelompok ketiga ialah gabungan pendapat kelompok pertama dan kedua. Dalam kitab hadith, perbincangan terletak dalam kitab *al-zakāh* pada bab *al-mu'allafah qulūbuhum*. Terdapat beberapa hadith yang menunjukkan perbuatan Nabi Muhammad mengagihkan zakat kepada beberapa individu yang tergolong dalam kelompok mualaf. Agihan zakat pernah diberikan kepada al-Aqra' bin Ḥābis al-Ḥanzalī, 'Uyaynah bin Badr al-Fazārī, Zaid al-Ṭā'ī dan 'Alqamah bin 'Ulāthah al-'Āmirī. Mereka terdiri dalam kalangan pembesar yang beragama Islam. Nabi Muhammad juga pernah memberi zakat kepada mereka yang belum memeluk Islam seperti Ḥakīm bin Ḥizām, al-Ḥārith bin Hishām, Suhayl bin 'Amrū, Ḥuwaytib bin 'Abd al-'Uzzā, Ṣafwān bin Umayyah.

Dalam kitab fiqh, perbincangan boleh dilihat dalam bahagian zakat pada bab kelompok yang layak menerima zakat. Mazhab empat iaitu mazhab Ḥanafī, Mālikī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī mengiktiraf mualaf dari dua kelompok iaitu orang Islam dan kafir. Walau bagaimanapun, bagi mazhab Mālikī, mualaf hanya terdapat pada zaman Nabi dan telah digugurkan selepas itu. Manakala, Imam al-Shāfi'ī pula hanya menerima mualaf dalam kalangan orang Islam sahaja. Fiqh kontemporari juga mengiktiraf dua kelompok tersebut sebagai golongan asnaf. Di Malaysia, definisi mualaf adalah

berbeza-beza mengikut tafsiran setiap negeri. Secara umumnya, mualaf terbahagi kepada orang Islam dan kafir. Terdapat negeri yang mengiktiraf orang Islam sahaja manakala ada juga negeri yang turut memasukkan orang kafir sebagai mualaf.

5.2.2 Konsep Agihan Zakat Terhadap Asnaf Mualaf

Berdasarkan hadith dalam perbincangan konsep mualaf, terdapat beberapa hadith yang menunjukkan perbuatan Nabi Muhammad memberikan zakat kepada mualaf. Nabi Muhammad pernah memberikan zakat berupa emas dan unta. Selain itu, terdapat peristiwa di mana mualaf memohon zakat berbentuk tanah daripada saidina Abu Bakar namun telah dihalang oleh saidina Umar. Ini menunjukkan bahawa tanah juga termasuk dalam bentuk agihan ketika permulaan Islam. Secara umum, bentuk bantuan zakat terdiri daripada matawang, binatang ternakan dan tanah.

Di Malaysia, zakat dikutip dalam bentuk matawang. Adapun begitu, bentuk agihan tidak terhad kepada matawang sahaja bahkan telah divariasikan dalam pelbagai bentuk berdasarkan keperluan asnaf. Secara umum, bantuan mualaf terdiri daripada aspek sosial, pendidikan, ekonomi, kebajikan dan dakwah. Bantuan sosial terdiri daripada bantuan kewangan bulanan, bantuan hari raya dan kebesaran Islam, bantuan perubatan, bantuan sewa atau pembinaan rumah, bantuan berkhatan dan perkahwinan. Aspek pendidikan merangkumi bantuan am persekolahan dan dermasiswa manakala aspek ekonomi merangkumi bantuan modal perniagaan dan bantuan sewa beli teksis. Bantuan kebajikan pula, terdapat bantuan kecemasan bencana, saguhati memeluk Islam, bantuan guaman, bantuan deposit membeli motosikal OKU dan bantuan bulan Ramadan. Dari aspek dakwah, terdapat bantuan penganjuran kelas agama dan fardhu ain, kursus dakwah, bantuan kewangan kepada badan dakwah serta elaun menghadiri kelas.

Bantuan terbahagi kepada bantuan yang diterima secara langsung dan bantuan yang diterima secara tidak langsung. Semua bantuan yang disenaraikan adalah bersifat

umum merangkumi semua negeri. Bentuk bantuan secara khusus adalah mengikut skim bantuan yang ditawarkan oleh setiap negeri.

5.2.3 Bentuk Agihan Terhadap Asnaf Mualaf di Negeri Pahang

MUIP menawarkan beberapa skim bantuan kepada mualaf. Bentuk bantuan dikategorikan kepada tiga jenis iaitu bantuan sara diri, bantuan produktif terhadap nilai keagamaan dan bantuan am. Bantuan sara diri terdiri daripada Saguhati Memeluk Islam dan Bantuan Tahunan Hari Raya. Bantuan produktif terhadap nilai keagamaan terdiri daripada Kelas Bimbingan Mualaf, Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak, Kelas Bridged Dakwah (KBD), Program Ziarah Dakwah dan Pemantapan Akidah serta Program Bersama Mualaf. Bantuan am pula merangkumi Sumbangan kepada Badan Pertubuhan dan Program Tajaan Umrah.

Bantuan Sara Diri berupa matawang yang diterima secara langsung oleh mualaf. Bantuan saguhati diberikan sekali seumur hidup ketika baru memeluk Islam. Bantuan Tahunan Hari Raya pula diberikan sekali setahun dalam tempoh tujuh tahun bermula tahun memeluk Islam. MUIP tidak menawarkan bantuan kewangan bulanan kepada mualaf miskin. Tambahan lagi, mereka tidak boleh memohon bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada asnaf fakir dan miskin kerana masih berstatus asnaf mualaf. Mereka hanya boleh memohon selepas tamat tempoh gelaran mualaf iaitu tujuh tahun.

Bantuan produktif terhadap nilai keagamaan adalah bantuan yang diterima secara tidak langsung. Agihan zakat digunakan bagi melaksanakan kelas-kelas bimbingan dan program kebajikan bersama mualaf. Skim ini bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman mualaf terhadap agama Islam. Penganjuran ini selaras dengan tujuan utama agihan zakat iaitu menguatkan keimanan mereka terhadap Islam. Terdapat empat skim bantuan yang diterima oleh mualaf Orang Asal. Antaranya, Kelas Bridged Dakwah (KBD), Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak, Program Ziarah

Dakwah dan Pemantapan Akidah serta Program bersama Mualaf. Namun begitu, Kelas Fardhu Ain bersama Penggerak tidak dapat dijalankan di daerah Bera kerana ketiadaan tenaga Penggerak.

KBD merupakan kelas bimbingan berkala yang dijalankan di surau perkampungan Orang Asal. KBD menekankan aspek akidah, fardhu ain dan bacaan Iqra'. Walaupun KBD khusus kepada mualaf, namun ia terbuka kepada semua Orang Asal. Tenaga pengajar yang dikenali sebagai Guru Bridged disaran menggunakan kitab *Mukāshafah al-Qulūb* bagi ilmu akidah, kitab Tajwid al-Quran Rasm al-Uthmani bagi ilmu al-Quran dan buku Indahya Hidup Bersyariat bagi ilmu fardhu ain. MUIP tidak menyediakan modul atau silibus yang boleh dijadikan panduan bagi tenaga pengajar. Tambahan pula, MUIP tidak mewajibkan kehadiran mualaf ke KBD. Kehadiran mualaf ke KBD semakin merosot selepas MUIP mengugurkan elaun menghadiri kelas pada tahun 2014. Namun begitu, elaun menghadiri kelas kepada mualaf selain Orang Asal masih dikekalkan.

Bagi program kebajikan, kebanyakan program tidak melibatkan semua asnaf. Sasaran mualaf selalunya berskala kecil dengan melibatkan ruang lingkup kampung yang menjadi tempat program. Kebiasaan program juga dijalankan di lokasi yang terdapat ramai mualaf dan sambutan yang menggalakkan. Oleh itu, mualaf minoriti sering tidak berpeluang untuk menyertai program kebajikan.

Bantuan am pula merangkumi Sumbangan kepada Badan Pertubuhan dan Program Tajaan Umrah. Sumbangan diberikan kepada institusi atau kumpulan yang terlibat dalam menjayakan program MUIP bersama mualaf. Program Tajaan Umrah pula diberikan kepada individu yang terlibat secara langsung dengan gerak kerja dakwah terhadap mualaf. Tajaan ini bertujuan menghargai jasa dan menjadi pemangkin semangat untuk terus berkhidmat dalam bidang dakwah.

5.2.4 Kesan Agihan Zakat Terhadap Aspek Akidah, Syariah dan Akhlak

Skop kajian hanya fokus kepada salah satu bantuan produktif terhadap nilai keagamaan iaitu Kelas Bridged Dakwah (KBD). Ini kerana hanya KBD yang dijalankan secara berkala di daerah Bera. Adapun Kelas Fardhu Ain Bersama Penggerak tidak dapat dijalankan atas faktor ketiadaan tenaga penggerak. KBD merupakan kelas bimbingan yang menekankan aspek akidah, fardhu ain dan bacaan Iqra' kepada muallaf Orang Asal. Namun didapati bahawa aspek akidah hanyalah silibus sampingan sahaja. Terdapat dalam kalangan tenaga pengajar yang hanya menumpukan aspek fardhu ain dan bacaan Iqra' sahaja.

Dari aspek akidah, soalan yang diajukan sekitar kepercayaan terhadap Allah, animisme, alam ghaib dan mengucap dua kalimah syahadah. Analisis kepercayaan terhadap Allah menunjukkan majoriti informan mempercayai kewujudan Allah. Sebahagian informan mengetahui bilangan Allah manakala sebahagian lagi menyatakan tidak ingat dan tidak tahu. Pengkaji merasakan informan yang tidak ingat sebenarnya tidak mengetahui bilangan Allah. Sebahagian informan juga mengakui sudah meninggalkan kepercayaan animisme yang dianuti sebelum memeluk Islam.

Dari sudut pengetahuan dan kepercayaan terhadap alam ghaib, soalan yang diatanya adalah berkaitan kehidupan selepas mati, syurga dan neraka. Sebahagian informan tahu dan faham gambaran kehidupan selepas mati manakala majoriti informan tahu dan faham mengenai syurga dan neraka. Dua konsep ini sebenarnya telah ada dalam kepercayaan animisme yang menjadi pegangan mereka sebelum ini. Bagi ujian mengucap dua kalimah syahadah, pengkaji mendapati informan pernah mengucap sekurang-kurangnya sekali ketika ingin memeluk Islam. Hasil ujian menunjukkan, sebahagian informan boleh mengucap walaupun tidak lancar manakala sebahagian lagi tidak boleh.

Dari sudut syariah, soalan yang ditanyakan sekitar solat, puasa, zakat, bacaan Iqra' dan al-Fatihah, halal dan haram, perkahwinan dan aurat. Persoalan solat merangkumi jenis solat, bilangan rakaat, waktu solat dan cara-cara berwudhu. Hasil kajian menunjukkan informan belum menguasai bab solat terutamanya bilangan rakaat dan cara berwudhu. Ini menyebabkan informan tidak dapat menunaikan solat dengan baik. Dari sudut puasa, majoriti informan pernah belajar tentang puasa namun hanya minoriti informan yang berpuasa penuh di bulan Ramadan. Majoriti informan hanya berpuasa separuh hari sehingga jam 1 atau 2 petang sahaja kerana tidak larat dan berpenyakit.

Bagi soalan zakat fitrah, majoriti informan tidak membayar zakat fitrah kerana tidak tahu akan kewajipan dan tidak tahu perlu merujuk kepada siapa. Ujian lisan bacaan Iqra' dan al-Fatihah menunjukkan, semua informan tidak menguasai bacaan Iqra' manakala majoriti informan tidak menguasai bacaan al-Fatihah. Konsep halal dan haram yang dibincangkan merangkumi makan makanan yang haram, minum arak, membela anjing dan bermain judi. Hasil kajian menunjukkan semua informan dapat membezakan antara halal dan haram. Semua informan tidak lagi makan makanan haram, minum arak dan berjudi selepas memeluk Islam. Namun, terdapat minoriti informan yang masih menyentuh dan membela anjing.

Status perkahwinan menunjukkan 9 informan telah berkahwin. Kajian mendapati berlaku masalah perkahwinan berlainana agama yang melibatkan informan 6,7 dan 11. MUIP belum mengambil apa-apa tindakan terhadap masalah ini. Dari sudut aurat, majoriti informan mengetahui batas aurat namun tidak menutup aurat dengan sempurna.

Dari sudut akhlak, persoalan merangkumi pengamalan berdoa dan pergaulan yang baik. Majoriti informan tidak membaca doa dalam kehidupan seharian kerana tidak menguasai doa yang telah dipelajari. Akan tetapi, informan mempunyai hubungan baik bersama masyarakat Orang Asal atau Melayu. Perbezaan ini berlaku kerana doa hanya

diketahui dengan cara belajar manakala pergaulan yang baik dipelajari melalui kehidupan seharian. Lebih-lebih lagi, pergaulan adalah perkara yang telah dilakukan sebelum memeluk Islam.

Hasil kajian mendapati beberapa sebab yang mempengaruhi tahap keagamaan mualaf. Sebab luaran merangkumi kelemahan pengurusan MUIP terhadap KBD dan ketiadaan pembimbing di rumah manakala sebab dalaman adalah sikap mualaf terhadap komitmen kehadiran ke KBD, tahap pendidikan yang berbeza dan peringkat usia. Faktor-faktor ini yang menyebabkan mualaf kurang beragama terhadap aspek akidah, syariah dan akhlak.

5.3 SARANAN KAJIAN

Kajian ini mendapati beberapa faktor yang menjadi sebab mualaf masih kurang beragama. Justeru itu, kajian ini menawarkan beberapa bentuk cadangan sebagai penambahbaikan kepada kelemahan yang berlaku. Saranan ini ditujukan kepada pihak MUIP dan mualaf.

5.3.1 Saranan kepada Pihak MUIP

Masalah kelemahan pengurusan KBD berpunca daripada kekurangan kakitangan dan bebanan kerja di pejabat. Pengkaji mencadangkan supaya MUIP memisahkan Unit Dakwah dan Muallaf kepada dua unit yang berlainan iaitu Unit Dakwah dan Unit Mualaf. Ini kerana kedua-dua unit tersebut mempunyai gerak kerja yang luas dan banyak tetapi diuruskan oleh kakitangan yang sama. Kekangan bebanan kerja Unit Dakwah dan Muallaf di pejabat menyebabkan KBD tidak dapat diurus dengan baik. Cadangan jangka masa pendek, MUIP boleh menambah bilangan staf yang dikhususkan untuk mengurus kelas bimbingan terutama KBD. Ataupun, MUIP boleh menjalin kerjasama dengan mana-mana persatuan atau NGO yang menjalankan agenda dakwah terhadap mualaf. Mereka ditugaskan untuk mengurus kelas bimbingan namun masih di bawah pantauan MUIP sepenuhnya. Cadangan ini turut dikemukakan oleh Abdul Ghani

Abdullah dalam kajian beliau.¹ Cara ini dapat meringankan bebanan tugas Unit Dakwah dan Muallaf.

KBD juga menghadapi masalah kurang mendapat sambutan daripada muallaf. Ini kerana, MUIP tidak mewajibkan muallaf untuk hadir. MUIP wajar mewajibkan kehadiran ke KBD selama mana bergelar muallaf atau mengikut tempoh tertentu. Kajian Nohanizam Abdul Razak mendapati kelas bimbingan yang tidak diwajibkan kurang mendapat sambutan² manakala kursus intensif saudara baru yang diwajibkan kepada muallaf menunjukkan 90% komitmen kehadiran.³

Sebagai inisiatif galakan kehadiran muallaf ke KBD, cadangan supaya MUIP mengembalikan semula peruntukan elaun menghadiri kelas yang telah dihentikan sejak tahun 2014. Ini kerana kemerosotan jumlah kehadiran berlaku selepas pengguguran elaun tersebut. Selain itu, MUIP juga boleh menawarkan bantuan kewangan bulanan kepada muallaf yang bertaraf fakir dan miskin. Bantuan ini bertujuan meringankan beban muallaf supaya dapat memperuntukkan masa menghadiri kelas. Pemotongan bantuan kewangan bulanan boleh dilakukan sekiranya muallaf sengaja tidak menghadiri kelas. Elaun berperanan sebagai saguhati galakan menghadiri KBD. Sebagaimana Nabi Muhammad pernah memberikan zakat emas kepada empat individu yang masih lemah keimanan mereka sebagai pendorong supaya terus istiqamah memeluk Islam. Terdapat beberapa negeri yang memberikan bantuan elaun menghadiri kelas dan bantuan kewangan bulanan seperti Johor,⁴ Wilayah Persekutuan⁵ dan Selangor.⁶ MUIP boleh

¹ Abdul Ghani Abdullah, "Permasalahan Saudara Baru dan Penyelesaian di Wilayah Kuala Lumpur" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2013), 175.

² Nohanizam Abdul Razak, "Keberkesanan Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli di Perkampungan Orang Asli Batu 12, Gombak Selangor" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2005), 80.

³ *Ibid.*, 100.

⁴ Othman Sahalan, "Persepsi Muallaf Terhadap Program Pembangunan Asnaf: Kajian di Johor Bahru" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 114-116.

⁵ Afifah Hamdan, "Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Muallaf di Kuala Lumpur: Kajian Dari Perspektif Maqasid al-Syariah" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 99.

⁶ Fuadah Johari et al., "Muallaf Development Through Zakat Distribution and Programmes in Selangor, Malaysia" (Prosiding seminar, The 5th Islamic System Conference (iECONS 2013), Kuala Lumpur, September 2013), 11-12.

melihat prosedur pelaksanaan agihan bantuan kewangan bulanan dan elaun menghadiri kelas yang telah dijalankan.

Bagi meningkatkan tahap keagamaan mualaf, aspek akidah, syariah dan akhlak perlu ditekankan dalam KBD. Ini adalah teras dalam kehidupan seorang muslim. Namun begitu, hasil kajian mendapati KBD tidak menekankan aspek akidah dan akhlak dalam sistem P&P. Ini menyebabkan mualaf kurang berpengetahuan terhadap dua aspek tersebut. Tambahan pula, tenaga pengajar tidak dibekalkan silibus atau modul sebagai panduan untuk mengajar. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya MUIP merangka silibus atau modul KBD sebagai panduan kepada Guru Bridged Dakwah. Silibus atau modul merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak serta disusun mengikut peringkat mualaf bagi jangka masa 7 tahun pertama sebagaimana tempoh gelaran mualaf. Silibus atau modul yang tersusun dan menyeluruh dapat membantu mualaf untuk meningkatkan ilmu pengetahuan. MUIP boleh melihat contoh pelaksanaan silibus secara berperingkat oleh Unit Darul Ukhuwwah Johor kepada mualaf.⁷

Dari sudut pemantauan, kajian mendapati Unit Dakwah dan Muallaf hanya membuat pemantauan dengan meneliti laporan bulanan yang dihantar oleh Guru Bridged Dakwah. Cara ini menggantikan pantauan secara turun padang ekoran kekangan masa dan bebanan kerja di pejabat. Pengkaji mencadangkan MUIP melakukan pantauan secara turun padang walaupun secara tidak berkala bagi melihat perjalanan KBD. Dengan cara ini, MUIP boleh mengenalpasti kelemahan dan kekurangan yang berlaku bagi tujuan penambahbaikan. Selain itu, MUIP juga boleh mendapatkan respon kepuasan mualaf terhadap perjalanan kelas bagi tujuan pengukuran kejayaan pelaksanaan KBD.

Tujuan asas agihan zakat adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mualaf. Bagi jangka masa panjang, zakat bertujuan melahirkan mualaf yang berilmu dan

⁷ Othman Sahalan, "Persepsi Muallaf Terhadap Program Pembangunan Asnaf: Kajian di Johor Bahru" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 113.

mampu memberi manfaat kepada masyarakat. Ini yang ingin dicapai dalam agihan zakat kepada mualaf. Pengkaji mencadangkan supaya MUIP menyediakan kursus perkaderan dakwah asas dan lanjutan kepada mualaf yang berminat untuk menceburi bidang dakwah. Kursus ini bertujuan melahirkan mualaf yang berupaya menjadi pendakwah kepada masyarakat Orang Asal.

Untuk jangka masa pendek, MUIP boleh menghantar mualaf yang berpotensi untuk menyertai Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) yang diasaskan oleh Yayasan Pahang atau mana-mana institusi agama yang sesuai. Mualaf boleh diserap sebagai Pembantu Penggerak yang akan membantu gerak kerja dakwah di kampung Orang Asal setelah menguasai ilmu agama dengan baik. Cara ini juga disaran dalam kajian Ahmad Redzuan Mohd Yunus⁸ bagi melahirkan pendakwah dalam kalangan Orang Asal. Menurut Syed Abdurrahman Syed Hussin,⁹ dakwah akan lebih berkesan sekiranya pendakwah terdiri dalam kalangan Orang Asal itu sendiri. Hal ini kerana, mualaf Orang Asal lebih lunak didekati oleh pendakwah dalam kalangan mualaf bagi berkongsi pengalaman.¹⁰ Saranan ini sebagai alternatif kepada masalah rungutan ketiadaan pembimbing. Mualaf tersebut boleh dijadikan tempat rujukan perkara berkaitan agama. Cadangan ini hanya fokus kepada sasaran yang kecil bagi menghasilkan impak yang besar. Cara ini lebih berkesan bagi mencapai objektif agihan yang telah digariskan oleh pihak MUIP.

5.3.2 Saranan kepada Asnaf Mualaf

Kajian mendapati tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan mualaf terhadap aspek akidah, syariah dan akhlak masih lemah. Masalah ini disebabkan oleh faktor

⁸ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, "Cabaran dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 313.

⁹ Syed Abdurrahman Syed Hussin, "Dakwah Kepada Musyrikin Berdasarkan Surah al-An'ām: Satu Kajian Penerapannya Terhadap Orang Asli di Negeri Selangor" (Tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang), 433.

¹⁰ Nohanizam Abdul Razak, "Keberkesanan Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli di Perkampungan Orang Asli Batu 12, Gombak Selangor" (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2005), 87.

luaran dan dalaman. Faktor dalaman yang berpunca dari sikap mualaf perlu diubah supaya kualiti hidup mualaf dapat ditingkatkan.

Kelemahan tahap pengetahuan dan kefahaman disebabkan oleh sikap mualaf yang tidak memberi komitmen untuk hadir ke KBD. Mualaf lebih mengutamakan perkara lain berbanding hadir ke kelas. Pengkaji menyarankan supaya mualaf memberi komitmen penuh terhadap KBD kerana ia satu-satunya platform untuk mualaf mendapatkan ilmu. Menuntut ilmu perlu bagi mendapatkan pengetahuan dan kefahaman dalam mengamalkan aspek akidah, syariah dan akhlak. Kurang pengetahuan boleh menyebabkan akidah menjadi longgar, tidak memahami syariah dan tidak mengamalkan akhlak Islam.

Mualaf juga menghadapi masalah tiada pendidikan formal dan buta huruf. Pengkaji mencadangkan MUIP dengan kerjasama JAKOA membantu menyelesaikan masalah buta huruf mualaf terutama warga tua dan warga emas. Masalah buta huruf menyebabkan tahap pengetahuan mualaf lemah. Walaupun menghadapi dua masalah di atas, ini tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menghadiri KBD. Di sana, mualaf dapat mendengar apa yang disampaikan walaupun belum mampu untuk menulis atau mencatat. Banyak manfaat yang diterima mualaf sekiranya melazimi KBD.

5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Bidang zakat merupakan bidang yang luas untuk diterokai oleh para penyelidik. Walaupun telah banyak kajian perihal zakat, namun masih terdapat ruang yang boleh dikaji sama ada aspek kutipan, agihan mahupun pengurusan. Kajian ini fokus kepada salah satu skim bantuan zakat terhadap asnaf mualaf iaitu Kelas Bridged Dakwah (KBD). Skop kajian adalah untuk melihat kesan agihan zakat terhadap tahap keagamaan mualaf Orang Asal.

Saranan kepada penyelidik yang berminat supaya meluaskan skop kajian yang merangkumi semua skim bantuan produktif terhadap nilai keagamaan yang diterima.

Penyelidik boleh mengkaji kesan bantuan tersebut terhadap tahap keagamaan mualaf secara keseluruhan. Selain itu, penyelidik juga boleh mengkaji keberkesanan skim bantuan sara diri terhadap taraf hidup mualaf miskin terutama Orang Asal.

Seterusnya, penyelidik disarankan mengkaji bentuk-bentuk bantuan zakat terhadap asnaf mualaf secara umum. Ini merangkumi bantuan sara diri, bantuan produktif terhadap nilai keagamaan dan bantuan am. Penyelidik boleh mengkaji aspek pengurusan yang digunakan dalam mengendalikan skim-skim tersebut.

5.5 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, KBD merupakan salah satu bentuk agihan zakat produktif yang ditawarkan kepada asnaf mualaf. KBD menjadi platform utama mualaf Orang Asal untuk mendapatkan ilmu agama kerana majoriti tidak menyertai mana-mana kelas bimbingan yang lain. Namun begitu, terdapat mualaf yang tidak pernah menyertai KBD walaupun telah lama memeluk Islam. Kajian kesan KBD terhadap aspek akidah, syariah dan akhlak menunjukkan mualaf masih kurang beragama. Ini disebabkan oleh kelemahan MUIP terhadap pengurusan KBD dan ketiadaan pembimbing di rumah yang diklasifikasikan sebagai faktor luaran. Selain itu, sikap mualaf yang tidak memberi komitmen kehadiran ke KBD, tahap pendidikan yang berbeza serta peringkat umur pula menjadi sebab dalaman. Ini menunjukkan pelaksanaan KBD dalam meningkatkan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan mualaf kurang berkesan. Oleh yang demikian, agihan zakat produktif melalui pelaksanaan KBD kepada asnaf mualaf kurang berjaya. Jutaan ringgit yang diperuntukkan bagi membiayai KBD pada setiap tahun tidak memberikan hasil yang terbaik. Justeru itu, penambahbaikan perlu dilakukan secara berperingkat mengikut cadangan yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Ini supaya pelaksanaan KBD memberi kesan baik terhadap tahap keagamaan mualaf dari aspek akidah, syariah dan akhlak.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Ghafar Don et al. "Siginfikasi Kefahaman dan Penghayatan Islam Dalam Konteks Dakwah Orang Asli Selangor." Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013.
- Abdul Ghafar Don. "Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam." Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethicity: Multidiscipline Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, 17-19 Mac 2014.
- Abdul Ghani Abdullah. "Permasalahan Saudara Baru dan Penyelesaian di Wilayah Kuala Lumpur." Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2013.
- 'Abdullah Nāsiḥ 'Ulwān. *Aḥkām al-Zakāt 'alā Daw'i al-Madhāhib al-Arba'ah*. Kāherah: Dār al-Salām, 2007.
- A'dawiyah Ismail dan Siti Rugayah Tibek, "Program Pembangunan Wanita Muallaf Orang Asli di Kampung Sentok Pos Hendrop Lojing, Gua Musang, Kelantan." Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013.
- Afifah Hamdan. "Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Mualaf di Kuala Lumpur: Kajian Dari Perspektif Maqasid al-Syariah. Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, "Cabaran dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.
- Aidit Ghazali dan Zulkifli Abd Hamid, "Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Muallaf di Selangor." Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013.
- Al-'Ainī, Maḥmūd bin Aḥmad. *'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Kāherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 2010.
- Al-Alūsī, Shihābuddīn al-Sayyid Maḥmūd al-Baghdādī. *Rūḥ al-Ma'ānī Fī Tafsīr Al-Qur'ān al-'Azīm wa al-Sab'u Mathānī*. Bayrut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, 1999.
- Al-Bughā, Muṣṭafā Dīb. *Nizām al-Islām fī al-'Aqīdah wa al-Akhlāk wa al-Tashrī'*. Damshiq: Dār al-Muṣṭafā, 2006.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Lubnān: Bayt Afkār al-Dawlah, 2012.
- Al-Bustānī, Fū'ad Ifrām. *Munjid al-Ṭullāb*. Bayrut: Dār al-Mashhriq, 1986.

- Al-Kāsānī, Abū Bakr bin Mas‘ūd al-Ḥanafī. *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*. Bayrut: Dār al-Ma‘rifah, 2000.
- Al-Marbawī, Muḥammad Idrīs Abd Ra’ūf. *Kāmūs Idrīs al-Marbawī*. Kāherah: Dār al-Fikrī, 1933.
- Al-Māwardī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad al-Baṣrī. *Tafsīr al-Māwardī*. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992.
- Al-Maydānī, ‘Abd al-Raḥman Ḥassan Ḥabannakah. *Al-‘Aqīdah al-Islāmiyah wa Usūsuha*. Damshiq : Dār al-Qalam, 1994.
- Al-Mubārakfūrī, Muḥammad ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd al-Raḥīm. *Tuḥfah al-Aḥwadhī*. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.
- Al-Nawawī. *Kitāb al-Majmū’*. Bayrut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiy, t.t.
- Al-Nawawī, Muḥyi al-Dīn bin Sharaf. *Rawḍah al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn*. Bayrut: Dār al-Ma‘rifah, 2006.
- Al-Nawawī. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 2001.
- Al-Nawawī. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyāḍ: Dār al-Salām, 1998.
- Al-Nuḥās, Abī Ja‘far. *Ma‘ānī al-Qur’ān*. Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 2004.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Fiqh al-Zakāh*. Bayrut, Dār al-Risālah, 1977.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Fiqh al-Zakāh*. Kāherah: Maktabah Wahbah, 2013.
- Al-Qurtubī, Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī. *Al-Jāmi’ Al-Aḥkām al-Qur’ān*. Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 1994.
- Al-Rāghib al-Asfahānī. *Mufrodatu Alfāz al-Qur’ān*. Bayrut: Dār al-Qalam, 1992.
- Al-Rawdān, ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Raḥman. “Ta’līf al-Qulūb fī al-Da‘wati ilā Allah Ta‘ālā, Ḍawābiṭuhu wa Athāruhu.” Disertasi sarjana, Universiti Islam al-Imam Muhammad bin Saud, Arab Saudi, 1998.
- Al-Rāzī, Muḥammad bin Abī Bakar. *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*. Bayrut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1967.
- Al-Shāṭibī, Abī Ishāk Ibrāhīm bin Mūsā. Al-Muwāfaqāt. ‘Arab Sa‘ūdī: Dār Ibn ‘Affān li Nashr wa al-Tawzī’, 1997.
- Al-Shaykh, Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ālī. *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. Riyāḍ: Maktabah Dār al-Salām, 2008.
- Al-Sijistānī, Abū Dāwud Sulaymān. *Sunan Abī Dāwud*. Bayrut: Dār al-Fikr, 1994).
- Al-Ṭabarī, Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr. *Tafsīr al-Ṭabarī*. Miṣr: Shirkah Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1968.

Al-Zuhaylī, Wahbah. *Al-Tafsīr al-Munīr*. Damshiq: Dār al-Fikr, 2011.

Amran Kasimin. *Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu*, terj. Padilah Haji Ali. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Azarudin Awang Khadijah Khambali@ Hambali, “Dorongan Pemeluk Agama Islam dalam Kalangan Komuniti Minoriti di Sebuah Negeri Majoriti Melayu,” *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu an Ketamadunan (Iman)* 2, no. 3 (2014): 3-12.

Azman Ab. Rahman dan Norlina Ismail, “Persepsi Muallaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Muallaf: Kajian di Negeri Sembilan.” Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat & Waqaf 2015(I-MAF), Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kuala Lumpur, 1-2 Disember 2015.

Azman Ab Rahman et al. “Analisis Pentafsiran Muallaf Menurut Islam dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di Malaysia,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 6 (2015): 9-37.

Azman Ab Rahman et al. “Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Muallaf di Malaysia.” Kertas Persidangan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi (NCOZ 2015), Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang, Hotel MS Garden Kuantan, 1 Jun 2015.

Azman Ab Rahman et al. “Skim Agihan Zakat Kepada Muallaf Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Negeri Sembilan dan Selangor.” Kertas kerja, Seminar Muzakarah Fiqh dan Fiqh Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi, 22-23 November 2016.

Azman Ab. Rahman, Ummu Salamah Ahmad dan Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, “Skim Bantuan Zakat Kepada Muallaf oleh Institusi Zakat di Malaysia: Satu Tinjauan Awal.” Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat & Waqaf 2014(I-MAF), Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kuala Lumpur, 1-2 Disember 2014.

Bazilah Daud, Zanariah Noor dan Nazirah Lee, “Kepercayaan dan Amalan Agama Baha'i dalam Kalangan Orang Asli RPS Jernang, Sungkai, Perak,” *Jurnal Perspektif* 3, no. 2 (t.t): 27-43.

Carey, Iskandar. *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976.

Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006.

Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPRM), dicapai pada 4 Mei 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kesan>.

Fariza Md Sham, Siti Aisyah Jami'an dan Siti Rugayah Hj. Tibek, “Faktor Peningkatan Kualiti Hidup Saudara Baru Orang Asli di Gombak Selangor.” Persidangan

Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, 7-8 September 2013.

Fuadah Johari et al. "Zakat Distribution And Programme For Sustaining Muallaf Belief And Thought," *Jurnal Teknologi* 66, no.1(2014): 35-43.

Hairulfazli Mohammad Som, Azman Ab Rahman dan Norlina Ismail, "Skim Agihan Zakat Kepada Muallaf Mengikut Maqasid Syariah: Kajian Negeri Sembilan dan Pulau Pinang." Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat dan Waqaf (IMAF 2016) kali ke-3, Shah Alam, Selangor, 1 Disember 2016.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kadir, "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia." Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/2009, Universiti Malaya, 10-11 Febuari 2009.

Hailani Muji Tahir, "Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa," *Jurnal Pengurusan Jawhar* 3, no. 1 (2009): 32-54.

Ibn 'Abd al-Barr. *Al-Istidhkār*. Kāherah: Dār al-Wa'yu, 1993.

Ibn 'Abd al-Barr. *Al-Istidhkār*. Kāherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, 1993.

Ibn 'Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir bin. *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Kāherah: Dār al-Salām, 2005.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyāḍ: Dār al-Ṭaybah, 2011.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Qurshī *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Madīnah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1993.

Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukrim. *Lisān al-'Arab*. Bayrut: Dār Ṣādir, 1990.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah. *Zād al-Ma'ād fī Ḥādī Khayr al-'Ibād*. Bayrut: Mu'assasah al-Risālah, 2005.

Ibn Qudāmah, 'Abdullah bin Aḥmad. *Al-Mughnī*. Kāherah: Dār al-Ḥadīth, 1995.

Ibrāhīm Madkūr. *Al-Mu'jam al-Wasīf*. t.tp, t.p, t.t.

Irwan et. al, "Penerimaan Penggunaan Istilah Muallaf dalam Kalangan Muallaf di Malaysia," *Jurnal Pengurusan Penyelidikan Fatwa* 6 (2015), 127.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM, 2009.

Kamus Dewan. ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Laman Sesawang Jabatan Kemajuan Orang Asli, dikemaskini 17 Jun 2016, dicapai 17 Jun 2016, www.jakoa.gov.my.

- Laman Web Bahai Indonesia, dicapai 10 Ogos 2016, <http://bahaiindonesia.org/sejarah-agama-bahai/>.
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang, dikemaskini 10 Ogos 2016, dicapai 15 Ogos 2016, <http://mufti.pahang.gov.my/index.php/2012-12-11-06-41-06/2012-12-11-06-44-13/2012-12-11-06-44-58/2015/136-had-kemuallafan-seorang-saudara-baru>.
- Laman Web Rasmi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, dikemaskini 18 Ogos 2016, dicapai 24 Ogos 2016, <http://www.muip.gov.my/v3/index.php/mengenai-kami/sejarah-muip>
- Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dikemaskini 5 Julai 2017, dicapai 6 Julai 2017, <http://muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/ta-awwur-islam-101/1681-ti101-5>.
- Malaysia Kini, “Kadar Kemiskinan Orang Asli Jauh Lebih Tinggi Dari Angka PBB,” dicapai 26 Februari 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/331755>.
- Mariam Abd. Majid dan Mohd Anwarulhaq Sulaiman, “Peruntukan Zakat Suatu Manifestasi Pendekatan Dakwah al-Ta’lif Qabla Ta’rif Terhadap Muallaf: Aplikasinya di Negeri Selangor Darul Ehsan.” Kertas kerja, Seminar Muzakarah Fiqh & Fiqh Antarabangsa 2014, Concorde Inn KLIA Sepang, 3-4 Disember 2014.
- Mariam Abdul Majid. “Muallaf di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri dalam Kehidupan Islam.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.
- Mohammad Shukri Draman. “Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru: Kajian di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan.” Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad dan Azman Ab. Rahman, “Peranan Zakat dalam Mengatasi Masalah Murtad di Kalangan Muallaf di Malaysia: Satu Tinjauan Awal,” *Jurnal Pengurusan Jawhar* 7, no. 2 (2013): 141-156.
- Mohd Nizam Sahad. “Pemikiran Orang Asli Tentang Agama: Suatu Kajian Khusus di Perkampungan Orang Asli Broga, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.” Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001.
- Mohd. Parid Shaikh Ahmad. “Kaedah Pengagihan a Zakat: Satu Perspektif Islam.” dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan, 17-18. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001.
- Mohd Zulkifli Ibrahim. “Golongan Ibn Sabil dan Muallaf Qulubuhum sebagai Penerima Zakat: Satu Kajian Pelaksanaannya di Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Terengganu.” Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

- Muhammad bin 'Īsā bin Sawrah. *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wahuwa Sunan al-Tirmidhī*. Miṣr: Shirkah Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1976.
- Muslim, bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī. *Ṣaḥīḥ al-Muslim*. Riyāḍ: Dār al-Salām, 1998.
- Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyāḍ: Dar al-Salām lil Nashr wa al-Tawzī', 1998.
- Nohanizam Abdul Razak. "Keberkesanan Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli Perkampungan Orang Asli Batu 12, Gombak Selangor." Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2005.
- Othman Sahalan. "Persepsi Muallaf Terhadap Program Pembangunan Asnaf: Kajian di Johor Bahru." Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.
- Othman Sahalan dan Luqman Hj Abdullah, "Pengurusan Zakat Asnaf Muallaf di Negeri Johor : Satu Sorotan," Jurnal Fiqh, no. 11 (2014): 29-54.
- Penulis tidak diketahui. *Al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-I'lām*. Bayrut: Dar al-Mashriq, 1992.
- Penulis tidak diketahui. "Laporan Tahunan 2011." Laporan, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, t.t.
- Penulis tidak diketahui. *Sunan al-Nasā'ī*. Kāherah: Jam'iyah al-Maknaz al-Islāmī, 2000.
- Portal Rasmi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dikemaskini 19 Jun 2016, dicapai 19 Jun 2016, <http://www.rurallink.gov.my/#>.
- Pusat Kutipan Zakat Pahang, dikemaskini 1 April 2016, dicapai 1 April 2016, <http://www.zakatpahang.my/v3/index.php/2014-09-02-14-49-36/agihan-zakat/2015>.
- Rahisam Ramli, "Mekanisma Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa." Proceedings of World Universities' Islamic Philanthropy Conference, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Menara Bank Islam, Kuala Lumpur, Disember 2013.
- Rohani Mohd Yusof dan Noor Hasnoor Mohamad Nor, "Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: Bahasa Atau Dialek Melayu." Kertas kerja, Persidangan Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia, Kuching, 12-13 Oktober 2014.
- Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz. *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. Riyāḍ: Dār al-Salām lil Nashr wa al-Tawzī', 2008.
- Siti Fathimatul Zahrah Yusri dan A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pow, "Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf: Satu Kajian Literatur." Kertas kerja, Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015.

- Siti Fatimah Sa'at an Jama'yah Zakaria, "Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun," *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu dan Tamadun (Iman)* 1, no.1 (2013): 83.
- Suhairi Kiman. "Masalah Penghayatan Islam Kalangan Pelajar Orang Asli Daerah Bentong, Pahang." Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2009.
- Syed Abdurrahman Syed Hussin. "Dakwah Kepada Musyrikin Berdasarkan Surah al-An'ām: Satu Kajian Penerapannya Terhadap Orang Asli di Negeri Selangor." Tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Syed Abdurrahman Syed Hussin. "Dakwah Kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan," *Jurnal Usuluddin* 30, no. 30 (2009): 155-183.
- Taqiyah Abdul Hadi. "Faktor Kecenderungan Saudara Kita Memeluk Islam: Satu Kajian di Darul Ukhuwwah, Tampoi, Johor." Latihan ilmiah, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, 2004.
- Tutasting @ Rawi Nordin et al. "Perluasan Konsep Asnaf Mualaf Zakat di Malaysia." Kertas kerja, The World Universities 1st Zakat Conference 2011, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Putra World Trade Center (PWTC) Kuala Lumpur, 22-24 November 2011.
- 'Uthmān Ḥussayn 'Abdullah. *Al-Zakāh al-Ḍamān al-Ijtimā'ī al-Islāmiyy*. Manṣūrah: Dār al-Wafā', 1989.
- Utusan Online, dicapai 24 Mei 2017, dikemaskini 24 Mei 2017, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0918&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm.
- Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuddin dan Mahadi Mohammad, "The Philosophy and Elasticity of Zakah Distribution in Islam," *International Journal of Education and Research* 1, no. 8 (Ogos 2013): 1-12.
- Wikipedia Bahasa Melayu, dicapai pada 21 Jun 2016, dikemaskini 1 Februari 2016, https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_Asli_di_Malaysia.
- Zulfahmi Alwi, "Gagasan Goh Chee Kiong dalam Mengelola Muallaf di Kota Makassar." Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013 (ICMuD 2013), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Selangor, 7-8 September 2013.

TEMU BUAL

Hilmi Firdaus Idris (Pembantu Tadbir Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dalam temu bual bersama pengkaji, 14 Oktober 2016.

Mohamad Iffiq Jamaluddin (Guru Bridged Dakwah), dalam temu bual dengan pengkaji, 7 Mac 2017.

Mohd Khairuddin Hussin (Pegawai Hal Ehwal Islam, MUIP Cawangan Daerah Bera), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2016.

Sh. Mohd Firdaus Sh. Othman (Pegawai Hal Ehwal Islam MUIP Bahagian Dakwah dan Muallaf), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Oktober 2016.

University of Malaya